

**Bil. 52**

**Isnin  
14 Disember 2020**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2021	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Kepala B.32	(Halaman 16)
Kepala B.60	(Halaman 43)
Kepala B.62	(Halaman 61)
<b>USUL-USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2021	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
Kepala P.32	(Halaman 16)
Kepala P.60	(Halaman 43)
Kepala P.62	(Halaman 61)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibeaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 44)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Kanan Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kanan Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Kanan Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titawangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato Sri Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRIS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. “ Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato’ Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato’ Sri Ti Lian Ker – Senator
37. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

**AHLI-AHLI (PN)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Dato’ Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
16. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
17. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
18. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
19. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
20. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
21. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
22. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
23. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
24. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
25. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
26. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
27. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
28. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
29. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
30. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM
31. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO

32. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
33. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
34. “ Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
35. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
36. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
37. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM
38. “ [Gerik] –Kosong

#### **AHLI-AHLI (PH)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR

31. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ [Kosong] [Batu Sapi]
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] – WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN
71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP



73. “ Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

#### **AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

**AHLI-AHLI (PBB)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PSB)**

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**AHLI-AHLI (STAR)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Nizam Mydin bin Bacha Mydin

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 14 Disember 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyampaikan serangkap pantun pada pagi ini.

*Soalan Jerantut nombor satu dalam barisan,  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bijak dalam penyelesaian,  
Yang Berhormat Menteri, soalan saya pohon penjelasan,  
Semoga kekhilafan dapat penyelesaian.*

Terima kasih.

**1. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Perdana Menteri menyatakan pelan perancangan kerajaan bagi memulihkan kembali aliran tunai dan juga hutang korporat FELDA.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA mula berhadapan dengan masalah kewangan sejak tahun 2013 bila mana ia menghadapi kerugian dan pendapatan sebelum cukai yang semakin merosot. Ini disebabkan antara lain oleh penyenaian FGV di Bursa Malaysia pada tahun 2012. FELDA kehilangan sumber pendapatan yang penting serta harga kelapa sawit yang kurang memberangsangkan. Bagi memastikan operasi harian dan komitmen perkhidmatan kepada warga peneroka berjalan dengan lancar, FELDA terpaksa membuat pinjaman dan kini menanggung jumlah hutang yang tinggi mencecah RM10.7 bilion. Pada bulan September tahun ini, FELDA telah memaklumkan kerajaan bahawa ia tidak mampu membayar balik beberapa hutangnya dan mempunyai masalah kecairan sebanyak RM1.3 bilion. Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju untuk memberikan moratorium selama dua tahun kepada FELDA untuk salah satu daripada hutangnya dan sebahagian institusi yang lain memberi FELDA moratorium selama enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu hutang peneroka yang tinggi serta kadar kutipan hutang yang tidak memberangsangkan turut memburukkan lagi keadaan dan menjejaskan kedudukan kewangan FELDA. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan FELDA menghadapi masalah kewangan dan kelestarian, Jemaah Menteri pada 14 Oktober lalu telah meluluskan Pelan Pemulihan FELDA. Antara syor yang diluluskan adalah penerbitan sukuk yang dijamin oleh kerajaan berjumlah RM9.9 bilion, di mana RM6 bilion akan digunakan untuk mengurangkan beban hutang FELDA dan bakinya akan digunakan untuk meningkatkan pendapatan teras iaitu melalui pengambilan pegangan saham FGV serta melaksanakan penamatan perjanjian pajakan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan FELDA tidak lengkap dengan tindakan kerajaan semata-mata. Oleh itu, pihak pengurusan FELDA telah diarahkan untuk

memantapkan lagi pengurusannya. Sehubungan dengan ini, pihak pengurusan FELDA telah merangka model baharu FELDA yang berteraskan kepada penambahbaikan tadbir urus, operasi ladang lebih cekap, warga peneroka berpendidikan R&D dan penggunaan teknologi serta keberkatan bagi memastikan FELDA berada di tahap yang lebih mandiri dan lestari. Bagi memastikan petunjuk prestasi utama yang ditetapkan dicapai, Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Keberkesanan Pelan Pemulihan FELDA telah ditubuhkan. Kita perlu melihat ke hadapan, dengan izin, *let us move forward* dalam memantapkan lagi FELDA. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Wahid Omar, akan memantau pelaksanaan langkah ini dengan rapi agar dilaksanakan dengan lebih berkesan dan lancar. Langkah pemulihan tersebut dijangka membawa hasil positif ke atas FELDA pada tahun 2023.

Ini akan dapat memastikan FELDA mencapai kejayaan seperti mana syarikat-syarikat perladangan utama yang lain dan berada di landasan yang lebih teguh bagi melunaskan tanggungjawabnya sebagai agensi yang membela nasib lebih daripada 100 ribu keluarga peneroka tanpa kebergantungan kepada kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penerangan yang diberikan sebentar tadi. Saya hendak merakamkan tahniah kepada FELDA kerana mengadakan Program Wakaf FELDA. Idea ini sungguh baik pada saya. Yang Berhormat Menteri, inisiatif pemulihan FELDA yang dilaksanakan ini tidak harus tertumpu pada rasionalisasi pinjaman kewangan semata-mata. Malah, satu bentuk penyelesaian secara holistik dan bersepadu perlu disegerakan untuk memastikan FELDA berada di tahap yang lebih mandiri dan lestari demi kesinambungan peranan terhadap warga peneroka serta terus melangkah ke hadapan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan, apakah inisiatif lain dalam perancangan kerajaan dan juga FELDA, termasuk aset-aset FELDA yang ada di luar negara? Apakah harapan kerajaan terhadap FELDA dan juga peneroka? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa FELDA dapat pulihkan. Pertama ialah kerajaan. Kedua ialah FELDA sendiri. Ketiga ialah peneroka seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Jerantut tadi. Kerajaan telah meluluskan sukuk RM9.9 bilion dan ini melibatkan bayaran balik kira-kira RM1 bilion setahun. Ini tanggungjawab kerajaan yang besar. Ini merupakan bantuan yang diberikan oleh kerajaan dalam tempoh 10 tahun bagi memastikan kemapanan kewangan FELDA. Itu tanggungjawab kerajaan. Keduanya, pengurusan FELDA. Sudah pasti seperti yang saya sebut dalam jawapan, bertanggungjawab untuk pastikan bahawa segala keputusan dapat dilaksanakan. Pengurusan hendak dimantapkan. Kita hendak supaya FELDA setanding dengan syarikat-syarikat perladangan swasta yang mana produktiviti lebih tinggi dan juga kadar perahannya lebih tinggi daripada FELDA. Ini sudah pun diarahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah FELDA.

Ketiga, sudah pasti peneroka juga ada tanggungjawab untuk memastikan mereka mengambil peluang sepenuhnya daripada tindakan yang telah diambil oleh kerajaan. Mereka harus berdikari dan kita juga mahu mereka mempelbagaikan pendapatan mereka melalui umpamanya, Projek PPP yang melibatkan peruntukan sebanyak kira-kira RM1 bilion. Mengenai aset-aset yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di luar negara. FELDA akan tunggu masa yang sesuai untuk pastikan aset-aset ini dapat dijual pada harga yang munasabah.

#### ■1010

Jadi ringkasnya, tanggungjawab FELDA, pengurusan FELDA dan peneroka adalah penting dalam memastikan kejayaan pelan pemulihan. Kita tidak boleh mengharap kepada kerajaan semata-mata dan bersama-sama dengan Pengerusi FELDA dan pengurusan tinggi FELDA. Kita harap FELDA akan menyahut cabaran untuk mengembalikan kegemilangan institusi ini menjadi kebanggaan kita seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Lim Kit Siang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak boleh Yang Berhormat Jempol.

2. **Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]** minta Perdana Menteri menyatakan jangka masa dan rancangan kerajaan untuk membentangkan janji-janji yang termaktub dalam Batu Sumpah Keningau kepada Dewan Rakyat untuk diangkat sebagai asas dasar kerajaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan yang mulia ini, Batu Sumpah Keningau merupakan monumen yang mempunyai nilai sejarah tinggi dan berkait rapat dengan Perjanjian Malaysia 1963. Ia telah didirikan oleh pemimpin tempatan pada tahun 1964 mengikut kepercayaan sistem adat anak negeri Sabah di daerah Keningau setelah Sabah bersetuju untuk membentuk Malaysia dan menjadi rakan sekutu dalam pembentukan Malaysia. Batu Sumpah tersebut mengandungi catatan seperti berikut:

- (i) ugama bebas dalam Sabah;
- (ii) tanah-tanah dalam Sabah dikuasai oleh kerajaan Sabah; dan
- (iii) adat istiadat anak rakyat Sabah dihormati dan dipelihara oleh kerajaan.

Tiga janji yang tertera pada Batu Sumpah tersebut pada umumnya telah pun termaktub di antara hak-hak yang dijamin bagi negeri Sabah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan beragama di mana fasal 11(1) memperuntukkan bahawa setiap orang adalah berhak menganuti dan memilih agamanya. Oleh yang demikian, tuntutan mengenai agama bebas dalam Sabah adalah termaktub di bawah fasal ini.

Berhubung dengan kuasa Kerajaan Negeri Sabah mengenai tanah, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan senarai dua, senarai negeri memperuntukkan tanah-tanah sebagai satu item di bawah senarai perundangan negeri Sabah. Oleh itu, fasal 95 Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan Sabah dan Sarawak adalah dikecualikan daripada bidang Parlimen yang meluluskan undang-undang bersifat secara seragam berkenaan tanah dan kerajaan tempatan.

Manakala pada hal ketiga dalam catatan Batu Sumpah tersebut iaitu mengenai adat istiadat anak rakyat Sabah. Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 memperuntukkan kepada Mahkamah Anak Negeri (MAN) kuasa perundangan antara lain dalam aspek undang-undang keluarga, perkahwinan, perceraian, perwarisan harta, pemangkatan dan memastikan adat istiadat peribumi Sabah dipelihara.

Oleh itu, kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk membangkitkan kebimbangan terhadap perkara-perkara dan hak-hak kebebasan beragama, penguasaan tanah dan penghormatan adat istiadat anak rakyat Sabah dan Sarawak. Hak ini dan perjanjian tersebut akan terus dilindungi dalam status terjamin di bawah Perlembagaan Malaysia dan undang-undang Negeri Sabah dan Sarawak serta dasar-dasar berkaitan yang sedia ada.

Maka, jika terdapat penyalahgunaan kuasa yang menjejaskan kebebasan ataupun melibatkan tindakan zalim mana-mana pihak ke atas hak-hak yang dijamin oleh undang-undang seperti yang termaktub di atas Batu Sumpah Keningau, maka perkara tersebut boleh dibawa ke meja perundangan dan pengadilan dan dibangkitkan di Dewan yang mulia ini atau di Dewan Undangan Negeri Sabah. Isu perlunya mengangkat dasar seperti dalam Batu Sumpah itu tidak perlu.

**Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]:** Tambahan. Adakah ketidakhadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di perayaan Hari Malaysia di Batu Sumpah Keningau yang bertajuk "Demi Mempertahankan Hak Kita" menunjukkan bahawa ketiga-tiga janji yang termaktub di dalam Batu Sumpah ini tidak diberi sokongan yang sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Adakah Batu Sumpah akan dimasukkan dalam perkara-perkara yang akan dikaji oleh jawatankuasa khas MA sekretari? Kenapakah laporan akhir kerajaan lepas ini mengenai jawatankuasa khas (MA sekretari)? tidak diumumkan untuk orang ramai?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Perkara yang dibangkitkan di atas Batu Sumpah yang disentuh tadi itu ada tiga perkara daripada 20 perkara yang lebih luas yang dibangkitkan oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Jadi dalam soal perbincangan dalam jawatankuasa khas, majlis khas, setakat ini daripada 20

perkara yang dibangkitkan, hal agama, hal tanah, hal adat, *to them bisa all guaranteed already. It's not an issue at all.*

*I think the more(?) issue*, perkara yang telah dibangkit, banyak yang dibangkitkan oleh kedua-dua buah negeri, daripada 21 isu, tinggal empat yang perlu diteliti. Ada sekadar 14 yang masih perlu diutamakan dan perkara-perkara baharu yang negeri Sabah dan Sarawak akan bangkitkan untuk tindakan seterusnya.

Kenapa tidak dibuka? Banyak hal ini belum selesai lagi. Macam daripada 14 yang sudah *in principal agreed* tetapi belum dilaksanakan kerana perubahan undang-undang. Macam SESB dipersetujui pada masa BN lagi tetapi mahu empat undang-undang, empat mahu ubah di Federal, empat undang-undang perlu dibentuk. *So, it will take time* tapi kita berharap akan terus terlaksana.

**3. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah pihak kementerian dalam memantapkan lagi pelaksanaan Program Dua Tahun Universiti dan Dua Tahun Industri (2u2i) bagi mempersiapkan graduan ke pasaran pekerjaan.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Besut.

Usaha dan inisiatif baik dan yang memanfaatkan pelajar-pelajar IPT seperti program 2u2i yang dimulakan oleh Yang Berhormat sendiri akan tetap diteruskan oleh pihak kementerian di samping membuat penambahbaikan. Sehingga kini, terdapat 83 buah program akademik mod 2u2i yang telah diluluskan di peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi untuk ditawarkan di universiti awam.

Dalam usaha untuk memantapkan lagi pelaksanaan Program Dua Tahun Universiti dan Dua Tahun Industri ini, strategi berikut telah diambil iaitu:

- (i) menyerap masuk elemen dengan izin *cloud computing* dan (*scientific data / data science ?*) ke dalam kurikulum akademik bagi menyokong transisi kepada IR4.0;
- (ii) menjadikan program berasaskan kemahiran dan program TVET sebagai satu daripada program yang ditawarkan. Contohnya program-program sarjana muda teknologi yang ditawarkan di Malaysia Technical University Network (MTUN);
- (iii) memberikan tumpuan untuk menguar-uarkan program mode pengajian 2u2i dengan lebih agresif kepada semua institusi pendidikan tinggi serta pihak industri khususnya. Ini penting bagi mendapatkan *buy-in* daripada industri supaya program ini dapat dilaksanakan dengan lebih meluas;
- (iv) melaksanakan sesi libat urus (*engagement*) bersama-sama wakil industri daripada pelbagai sektor bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan keberkesanan program 2u2i melalui inisiatif *Future Workforce Engagement Series* (FORCES). Input ini akan digunakan untuk menambah baik kurikulum berasaskan pekerjaan yang dibangunkan supaya memenuhi keperluan industri;

#### ■1020

- (iv) melaksanakan sesi libat urus atau dengan izin, *engagement* bersama-sama wakil industri drpd pelbagai sektor bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan keberkesanan program 2u2i melalui inisiatif *Future Workforce Engagement Series* (FORCES). Input ini akan digunakan untuk menambah baik kurikulum berasaskan pekerjaan yang dibangunkan supaya memenuhi keperluan industri; dan
- (v) mengadakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman oleh IPT yang telah melaksanakan Program 2u2i dengan IPT lain, di samping menyebar luas hebahan di IPT untuk menggalakkan lagi penglibatan ke program ini.

Selain daripada itu, kementerian juga telah menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas pembangunan mod pengajian 2u2i dalam usaha memantapkan pelaksanaan program. Kementerian juga kini di dalam perancangan untuk



mewujudkan Jawatankuasa Strategik Mod Industri yang akan bertindak bukan sahaja untuk memastikan mod 2u2i ini dipertingkatkan tetapi juga sebagai platform dan rujukan utama untuk memperkasakan agenda pembelajaran berasaskan pekerjaan ataupun dengan izin, *work-based learning*.

Kementerian yakin dengan penglibatan IPT serta wakil industri yang lebih ramai program 2u2i akan terus kukuh. Peluang untuk menggabungkan pelbagai bidang akademik dengan keperluan industri pastinya memberi nilai tambah kepada program 2u2i, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran para graduan yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang terus melaksanakan program 2u2i, dua tahun universiti dan dua tahun industri. Di samping itu melihat isu kebolehpasaran yang begitu lebih penting sekarang ini, apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh kementerian untuk mengatasi isu-isu graduan bersiap-sedia untuk menghadapi cabaran pasaran semasa.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Terima kasih saya ucap kepada di atas soalan tambahan yang telah diberikan. Program 2u2i ini sebenarnya memberikan pendedahan awal kepada pelajar berkenaan dengan persekitaran kerja sebenar di samping menjadi platform untuk pelajar mengasah kemahiran praktikal dan juga kemahiran insaniah semasa tempoh pengajian.

Antara dua aspek utama di mana 2u2i ini dapat memberi manfaat kepada para graduan, pertamanya adalah seperti saya maklumkan iaitu memberi pendedahan awal kepada alam pekerjaan sebenar kerana pelajar ini akan dilatih oleh pakar industri dalam bidang berkenaan.

Keduanya pula, KPT mahukan supaya pelajar ini diterapkan nilai-nilai keusahawanan yang mana para pelajar secara berkumpulan diberikan tugas khusus dalam merancang, menyelia, menjalankan projek usahawan dengan pemantauan penyelia. Pelaksanaan tugas secara praktikal ini, kita harapkan dapat memupuk kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar yang akan melahirkan pelajar yang kreatif, berani menghadapi tekanan, bijak mengurus dan mampu mencipta peluang pekerjaan lain dengan izin, menjadi *job creator* kepada lebih ramai graduan apabila bergraduan nanti. Sekian, terima kasih.

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** [Berpantun]

*"Tunggu punya tunggu,  
Last-last dapat,  
Soalan Tenom nombor empat,  
Mohon Menteri jawab cepat".*

**4. Puan Noorita binti Sual [Tenom]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah program-program dan langkah-langkah yang diambil kementerian untuk membantu meningkatkan sektor pelancongan dan membantu para pengusaha dalam sektor pelancongan ini?

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Bagi membantu meringankan impak penularan wabak COVID-19 terhadap penggiat industri dan seterusnya memulihkan industri pelancongan tempatan, kerajaan telah mengumumkan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA yang disediakan dan dilaksanakan melalui pelbagai agensi kerajaan secara rentas kementerian.

Antara bantuan dan insentif yang boleh dimanfaatkan oleh penggiat industri pelancongan adalah Program Subsidi Upah (PSU), pemberian diskaun elektrik kepada sektor pelancongan dan penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar. Manakala di pihak kementerian sendiri iaitu MOTAC, kita telah dan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti menawarkan kursus domestik *Tourism Vibes* secara dalam talian, pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancongan, pemberian diskaun dan pelanjutan pembayaran kompaun kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancongan berlesen dan membangunkan dan menyediakan platform *online* seperti laman [www.Malaysia.travel](http://www.Malaysia.travel) bagi membolehkan penggiat industri pelancongan memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka secara percuma.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, MOTAC telah mewujudkan pelbagai langkah bentuk insentif bagi membantu pengusaha pelancongan untuk membangunkan

dan mengembangkan produk dan projek pelancongan seperti premis penginapan pelancongan, *homestay*, kraf tangan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan.

Langkah penawaran insentif oleh MOTAC ini dapat membantu penggiat industri pelancongan untuk terus mampan dan berdaya tahan akibat penularan wabak COVID-19. Insentif pembiayaan yang ditawarkan oleh MOTAC adalah Tabung Infrastruktur Pelancongan, Tabung Khas Pelancongan, Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF). Selain daripada kemudahan pembiayaan, Kementerian ini juga membantu pengusaha industri pelancongan melalui insentif potongan cukai pendapatan menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi syarikat-syarikat pengendalian pelancongan di Malaysia yang layak.

Pada masa yang sama, aktiviti sektor seni dan budaya turut diberi fokus yang seiring. Ini kerana sektor ini mempunyai saling kait yang rapat dengan industri pelancongan dan pada masa yang sama turut terasa kesannya daripada kesulitan yang sedang dihadapi oleh industri tersebut.

Justeru, pelan pemulihan yang dibangunkan MOTAC turut mengambil kira untuk membantu penggiat industri seni dan budaya tanah air, tidak kira sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Menyentuh mengenai bantuan kepada penggiat industri seni dan budaya ini di luar bandar, suka saya kongsi usaha yang dilakukan oleh agensi MOTAC iaitu Kraftangan Malaysia dalam terus memartabatkan dan mempromosikan hasil kraf rakyat kita terutamanya bagi mereka di luar bandar. Di antaranya yang pertama sekali ialah saya ingin memaklumkan bahawa Kraftangan hanya mempromosi dan menjual hasil kraf buatan Malaysia sahaja dan yang lain itu akan saya beri secara bertulis. Terima kasih.

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, sebagai penyelesaian jangka pendek, adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian atau agensi lain dalam memberikan insentif atau subsidi kepada rakyat Malaysia daripada Semenanjung atau rakyat Malaysia daripada Sabah dan Sarawak yang ingin melawat Semenanjung?

Ini terutamanya memberi subsidi atau insentif bayaran *test* COVID-19 kepada rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang ingin melawat ke Semenanjung. Terutamanya kepada pelawat dalam kumpulan yang besar atau dalam keluarga yang besar bagi mengurangkan kos *test* COVID-19 dan seterusnya membantu merencanakan kembali industri pelancongan tempatan.

Keduanya, berapakah anggaran kerugian industri pelancongan tempatan selepas berlakunya gelombang ketiga COVID-19?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawapan mengenai kerugian itu, kita menjangka kerugian dalam lebih daripada RM100 bilion untuk pelancongan ini. Tadi Yang Berhormat juga bertanya mengenai bantuan ataupun insentif kita. Sebenarnya, merentas Kementerian banyak insentif yang telah kita lakukan. Di antaranya melalui pelan pemulihan industri pelancongan dan kebudayaan. Terdapat juga beberapa bantuan dan juga insentif oleh kerajaan melalui rentas Kementerian.

Tadi Yang Berhormat bertanya mengenai *test* COVID-19, itu bukan di bawah bidang kuasa Kementerian kita. Akan tetapi kalau daripada segi baucar dan diskaun untuk menggalakkan pelancongan tempatan, memang ada kita beri di bawah- pada masa ini pun melalui *stimulus package* yang saya sudah umumkan beberapa kali dan juga untuk tahun 2021. Banyak yang telah kita bantu dan akan bantu untuk tahun 2021 demi untuk menggalakkan industri pelancongan ini direncanakan semula.

Cuma saya hendak ingatkan, biar kita sama-sama mematuhi SOP ini. SOP inilah yang penting untuk menggalakkan kita mempertahankan daripada segi ekonomi kita. Kita menggalakkan pelancongan, biarlah kita melancong secara bertanggungjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tuan Lukanisman.

**5. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan berapa jumlah sekolah daif di Parlimen Sibuti yang tersenarai untuk mendapat gantian penuh bagi peruntukan fasa 3 berjumlah RM300 juta daripada dana pembayaran balik RM1 bilion untuk sekolah daif daripada Kerajaan Sarawak.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, projek baik pulih bangunan daif di sekolah bagi negeri Sarawak yang dibiayai melalui peruntukan kontra sebanyak RM1 bilion dilaksanakan mengikut mekanisme khusus yang telah dipersetujui secara bersama-sama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sarawak. Projek ini dilaksanakan melalui tiga fasa. Fasa satu melibatkan sejumlah 41 buah sekolah. Ia sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala, fasa dua melibatkan sejumlah 52 buah sekolah sedang dalam peringkat iklan dan pelawaan tender.

Untuk fasa tiga pula, KPN melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak telah mengenal pasti sebanyak 55 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif untuk dibangunkan semula dengan menggunakan baki peruntukan pembayaran kontra RM1 bilion yang berjumlah RM300 juta. Di bawah Parlimen Sibuti, terdapat tiga buah sekolah yang telah dikenal pasti. Senarai sekolah yang terlibat sedang diperincikan dan akan dikemukakan kepada agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan dan juga berkenaan Parlimen Sibuti yang telah dinyatakan terdapat tiga buah sekolah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab soalan ini – Adakah sekolah seperti SK Batu Niah, SK Rumah Tinggi, SK Ulu Satap akan dimasukkan dalam senarai tersebut? Adakah kerajaan akan menggunakan mekanisme pembayaran hutang secara kontra untuk pembangunan sekolah daif negeri Sarawak di dalam Rancangan Malaysia Ke-12? Apakah jumlah sekolah yang akan dilaksanakan secara gantian penuh untuk RMKe-12 memandangkan dana yang besar diperlukan bagi tujuan berikut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga 15 November 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti sejumlah 41 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif berskala enam dan tujuh di Parlimen Sibuti. Bangunan daif ini akan di baik pulih, dinaik taraf atau dibina bangunan gantian mengikut keperluan. Kesemua sekolah yang disebutkan tadi iaitu SK Batu Niah, SK Rumah Tinggi, SK Beliau Isa, SK Saie dan SK Ulu Satap telah tersenarai di bawah cadangan pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan sekolah daif yang akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Namun, kelulusan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sementara itu dalam RMKe-12, *Rolling Plan 1*, tahun 2021, pihak kerajaan telah meluluskan pembinaan bangunan gantian bilik darjah, asrama murid lelaki, dewan makan dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan di SMK Luar Bandar Miri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Tuan Koo Poay Tiong.

6. **Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian akan menerbitkan laporan akhir Electoral Reform Committee (ERC) kepada ahli Parlimen dan secara awam (nyatakan sebab-sebab jika tidak); dan
- (b) apakah tindakan Kementerian seterusnya untuk mereformasi dan menambah baik sistem dan proses pilihan raya di Malaysia, termasuk garis masa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kota Melaka. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kajian Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya atau Electoral Reform Committee (ERC) dengan izin, yang telah dijalankan selama lebih kurang dua tahun telah pun selesai pada awal bulan Ogos yang lalu. Sebaik saja kajian selesai, sebuah laporan berhubung dengan hasil dapatan dan kajian berserta dengan syor-syor penambahbaikan telah pun disediakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima laporan tersebut bagi pihak kerajaan daripada Pengerusi ERC pada 27

Ogos 2020 yang lalu yang mana laporan ini mengandungi sebanyak 49 syor-syor penambahbaikan yang menyentuh perihal sistem, proses dan undang-undang berkaitan pilihan raya.

Kerajaan amat komited dalam memastikan pembangunan demokrasi adalah seiring dengan peredaran zaman dan keperluan rakyat di negara ini. Laporan yang dikemukakan oleh ERC ini melibatkan bukan saja aspek perubahan kepada sistem pilihan raya, namun juga terdapat perubahan dalam pelbagai aspek pengurusan kerajaan yang turut melibatkan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi. Sehubungan itu, kerajaan sedang meneliti satu persatu syor yang dikemukakan untuk membuat penilaian terhadap kebolehpayaan dan keutamaan pelaksanaannya. Kerajaan memerlukan masa untuk membuat penelitian kerana perlu mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pelbagai agensi khususnya badan yang berkepentingan utama seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Justeru, ERC telah menyenaraikan pelan tindakan secara berfasa. Antaranya, ialah mencadangkan agar diwujudkan sebuah badan penyelarasan dan pemantauan tindakan untuk menyelaraskan dan memantau tindakan oleh pelbagai agensi kerajaan terhadap setiap syor yang dikemukakan. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat berhati-hati dan bersikap realistik dalam melaksanakan perubahan dan penambahbaikan untuk kebaikan rakyat. Kerajaan perlu juga memastikan bahawa setiap perubahan yang dilaksanakan akan benar-benar dapat memberikan nilai tambah kepada kehidupan rakyat di negara ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya ialah – saya hendak tanya dalam soalan asal saya ialah adakah kerajaan bersedia untuk mengumumkan laporan ERC untuk kajian atau perbincangan dan tindakan bagi semua pemegang taruh serta pembuat keputusan. Itu soalan saya, tapi tidak dijawab. Jadi, saya melihat sebenarnya laporan ERC ini bukan satunya yang *secret* dengan izin sebab ERC telah banyak kali adakan libat urus dengan banyak pihak dan ramai yang telah berikan kajian dan cadangan. Jadi, saya berharap supaya kerajaan boleh *open to public* dengan izin. Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah usaha jangka pendek kerajaan untuk mereformasi sistem pilihan raya negara kita terutamanya kita melihat tahun depan kita akan menghadapi Pilihan Raya Negeri di Sarawak.

Bagaimana kita hendak mengatasi masalah mereka iaitu pengundi di Sabah dan Sarawak tetapi bekerja di Semenanjung atau sebaliknya termasuk mereka yang bekerja di Singapore dan dalam suasana pandemik COVID-19 ini bagaimanakah kita hendak memastikan hak undi mereka dapat dipertahankan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kota Melaka. Saya rasa dalam jawapan saya tadi secara tidak langsung saya menyatakan bahawa kerajaan telah mengambil langkah-langkah. Pertama, jawatankuasa ini mengemukakan laporan hasil dapatan mereka. Kemudian di pihak kerajaan – ini perkara perkembangan baharu ya, pihak kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji semula. Apabila ERC ini mengemukakan laporan, satu Jawatankuasa Khas pula ditubuhkan, diketuai oleh Yang Berhormat Gombak dan beberapa orang Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet untuk mengkaji *finding* atau dapatan ERC ini. Sebelum dapatan ini, sudah tentulah akan dibuka untuk tatapan awam, untuk pihak awam memberikan pandangan.

Ini sudah tentu satu langkah yang akan dibuat oleh pihak kerajaan. Sebagai sebuah laporan yang dibuat oleh sebuah jawatankuasa, saya percaya bagi pihak kerajaan, laporan ini akan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat ini untuk tatapan ahli-ahli Parlimen dan kalau mempunyai keperluan boleh dibincangkan secara langsung ataupun tidak langsung di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**7. Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik penderaan kanak-kanak yang berlaku hingga akhir tahun ini dan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan berlakunya isu penderaan kanak-kanak di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai atas soalan yang dikemukakan. Bilangan kes yang melibatkan penderaan dan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak bagi tahun 2018 sehingga September 2020 adalah seperti berikut;

■1040

Jenis-jenis Penderaan	Tahun (kes)		
	2018	2019	2020 (sehingga September)
Penderaan fizikal	-	-	1,120
Penderaan seksual	-	-	1,373
Penderaan emosi	-	-	131
Pengabaian	-	-	1,251
Jumlah Keseluruhan	5,578	6,061	3,875

Tanggungjawab melindungi kanak-kanak daripada penderaan, penganiayaan dan pengabaian bukan hanya menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi melibatkan pelbagai pihak termasuk polis, hospital, mahkamah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ibu bapa, penjaga kanak-kanak, komuniti setempat dan masyarakat setempat. Kerjasama daripada pelbagai pihak merupakan teras utama dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Di antara program yang dilaksanakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan sistem semakan pesalah jenayah seksual dalam Daftar Kanak-kanak;
- (ii) senarai semak / panduan infografik bagi pemilihan pengasuh;
- (iii) Program Keselamatan Kanak-kanak "Sahabat B.I.J.A.K: Selamat dan Lindung";
- (iv) Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA);
- (v) peluasan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dan talian WhatsApp Talian Kasih 019-2615999 bagi perkhidmatan sokongan kaunseling dan pertanyaan dan aduan yang melibatkan isu-isu penderaan dan sebagainya; dan
- (vi) pelantikan Pembantu Pelindung untuk melindungi kes-kes yang melibatkan penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan dengan data-data yang spesifik tentang penderaan yang berlaku.

Menurut seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001, jika sabit kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak, dihukum denda RM20,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kes penderaan semakin menjadi-jadi. Dua hari lepas, kanak-kanak satu tahun lapan bulan ditikam oleh bapa sendiri. Sejauh manakah kempen kesedaran masyarakat tentang akta penderaan ini telah dijalankan dan apakah masalah utama penderaan yang semakin menjadi-jadi sekarang ini? Sekian.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Penderaan kepada kanak-kanak ini adalah satu perkara yang amat kita mengambil berat dan ini adalah satu perkara yang sangat terkutuk. Pelbagai program yang telah dilaksanakan dan telah dibuat di bawah kementerian untuk membantu memberi kesedaran kepada masyarakat.

Selain daripada Talian Kasih yang kita sediakan, kita juga mengadakan program kempen keselamatan iaitu keselamatan kanak-kanak ataupun ringkasannya B.I.J.A.K untuk kita memberi kesedaran undang-undang yang melibatkan kanak-kanak sekolah, ibu bapa, penjaga, guru-guru dan masyarakat. Setakat ini, sehingga Mac 2020, program kempen ini telah melibatkan seramai 96,797 orang kanak-kanak yang melibatkan 414 buah sekolah.

Di samping itu juga, kita mengadakan Program Pendidikan Keselamatan Keluarga di bawah LPPKN untuk memberi kesedaran terutama kepada masyarakat berkaitan dengan keselamatan siber dan sebagainya selain daripada penguatkuasaan undang-undang-undang. Didapati di antara punca yang berlakunya penderaan adalah: pertama, masalah kewangan; kedua, ibu bapa terlibat dengan penagihan dadah; dan ketiga, pendera mengalami masalah mental. Itu di antara punca utama yang kita dapati menjadi punca kepada berlakunya penderaan kepada kanak-kanak.

Terima kasih.

*[Soalan No. 8 – YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam) tidak hadir]*

**9. Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bilangan Tadika Perpaduan di negeri Sarawak amnya dan kawasan Baram khasnya. Nyatakan jumlah peruntukan tahunan kewangan yang dibelanjakan di Sarawak dan kawasan Parlimen Baram.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, terdapat 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan murid seramai 38,363 orang. Manakala di negeri Sarawak adalah sebanyak 172 Tabika Perpaduan dengan bilangan murid seramai 3,122 orang.

Antara lain, objektif utama penubuhan Tabika Perpaduan adalah untuk menyemai dan memupuk bibit-bibit perpaduan di kalangan kanak-kanak sejak kecil lagi. Kewujudan Tabika Perpaduan juga menjadi platform interaksi berkesan di kalangan ibu bapa dan masyarakat sekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pendidikan awal kanak-kanak di Parlimen Baram, kerajaan menyediakan sebanyak 28 prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia dan 32 Tabika KEMAS di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua...

*Baram kalaulah ada permintaan di hati,  
Kementerian sentiasa bersedia dan sudi,  
Nanti Baram cadangkan kerusi dan lokasi,  
Pasti hasrat dan janji akan ditunai.*

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah merancang penubuhan sebuah Tabika Perpaduan di Baram untuk tahun 2021. Sekian, terima kasih.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Di Baram, terdapat hampir 500 buah rumah panjang dan 80 lebih sekolah rendah. Jadi saya hendak bertanya dengan pihak kementerian, apakah syarat-syarat yang diguna pakai oleh pihak kementerian untuk menentukan sama ada sekolah tadika dapat ditubuhkan? Saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tuan Yang di-Pertua, penambahan bilangan Tabika Perpaduan merupakan salah satu agenda yang diberi keutamaan sejak kementerian ini diwujudkan. Sehubungan itu, kementerian merangka unjuran dan sasaran penambahan Tabika Perpaduan baharu ini untuk jangka masa tertentu berdasarkan kriteria berikut:

- (i) adanya keperluan dan permintaan daripada komuniti untuk penubuhan tabika di kawasan tersebut;
- (ii) terdapat bilangan kanak-kanak berumur empat tahun hingga enam tahun yang mencukupi;

- (iii) kewujudan premis yang sesuai untuk dijadikan kelas tabika; dan
- (iv) keutamaan dan tumpuan penubuhan Tabika Perpaduan akan diberikan keutamaan kepada kawasan yang mempunyai penduduk berbilang kaum.

Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan apakah sebab-sebab projek Pan-Borneo Highway sehingga ke bulan September 2020 mencapai 50 peratus penyiapan di Sarawak, tetapi di Sabah hanya antara 18 hingga 20 peratus siap menurut Timbalan Ketua Menteri Sabah, Bung Moktar Radin. Apakah kekangan yang menyebabkan perbezaan ketara ini dan apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jauh keseluruhan 706 kilometer dibahagikan kepada 35 pakej kerja.

Sehingga kini, 11 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan, manakala tiga pakej kerja baharu dan satu pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak dan kini sedang ditender dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini menjadikan keseluruhan 15 pakej kerja akan dilaksanakan pada RMKe-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, berbanding dengan Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sarawak Fasa 1 yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015, Projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah Fasa 1 telah mula dilaksanakan pada Julai 2016. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sejak Projek LPB Sabah dimulakan pada tahun 2016 sehingga Oktober 2020 adalah sebanyak 38 peratus iaitu bagi 11 pakej kerja yang sedang dalam pembinaan.

Buat masa sekarang, berlaku sedikit kelewatan ke atas kemajuan projek yang disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) kesan kepada pertukaran kaedah pelaksanaan projek iaitu penamatan rakan pelaksanaan projek atau, dengan izin, *project delivery partner* (PDP) oleh kerajaan terdahulu kepada kaedah pelaksanaan projek secara konvensional yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah sebagai pegawai penguasa atau, dengan izin, *superintending officer* (SO).

■1050

- (ii) akibat daripada penularan COVID-19 yang membataskan aktiviti di tapak tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa; dan
- (iii) pematuhan kepada Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan.

Selain memberi kesan kepada prestasi projek, perubahan kaedah pelaksanaan tersebut turut memberi kesan kepada pentadbiran projek, perubahan kontrak kebajikan kakitangan-kakitangan yang terlibat dan keperluan penambahbaikan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada. Berikutan itu, *mitigation plan* dan tindakan susulan tersusun seterusnya sedang dilaksanakan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah sebagai pemangkin pembangunan sektor sosioekonomi perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tidak tepat kepada pertanyaan saya kerana pertanyaan saya, apakah perbezaan di antara kelewatan Sabah berbanding dengan Sarawak? So, adalah sesuatu yang bertanyakan apakah perbezaan di antara kedua-dua negeri ini dalam pelaksanaan Pan-Borneo Highway?

Cuma, soalan tambahan saya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pendapat Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan daripada Kinabatangan yang selalu mengatakan dengan model *private finance initiative* (PFI)?

Adakah cara atau model ini dapat mempercepatkan pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo di Sabah? Terima kasih.

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak mendengar jawapan saya dengan teliti kerana saya telah menerangkan bahawa perbezaan yang ketara dari segi pelaksanaan kedua-dua projek Pan-Borneo di Sabah dan Sarawak ini bezanya, yang paling ketara ialah di Sabah ini bermula lewat setahun dan jarak juga di antara kedua-duanya adalah berbeza. Ini dua perbezaan yang saya terangkan secara jelas. Saya harap Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak menuduh saya dengan semberono, tidak menjawab soalan yang diberikan tetapi Yang Berhormat sendiri gagal untuk meneliti jawapan yang diberikan.

Saya selanjutnya hendak merujuk kepada PFI yang Yang Berhormat sebutkan tadi. PFI ini kalau hendak dibuat, tertakluk ataupun bergantung kepada kemampuan kerajaan, kemampuan kewangan semasa kerajaan. Ada *pros and cons*, ada perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan dan ada juga perkara yang perlu diperhalusi, tertakluk kepada pertimbangan dan kemampuan kerajaan yang semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan tak ada, jadi saya pergi kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus. Soalan nombor 12.

*[Soalan No.11 – YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) tidak hadir]*

**12. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan dasar kementerian tidak menggalakkan kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat bermasalah untuk masuk ke institusi (*deinstitutionalise*), sedangkan pertambahan penduduk, bebanan masalah sosial dan mereka yang berkemungkinan dijangkiti wabak merbahaya menuntut kerajaan melakukan sebaliknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, soalan nombor 12.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Sorry*, minta maaf, ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingat sudah tak sampai nombor 12. Terima kasih. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jawapan daripada soalan tadi, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan. Kita tengok daripada United Nations Children's Fund (UNICEF) telah mengadakan kajian berkaitan dengan Child Protection System Malaysia 2013 dengan kerjasama KPWK.

Melalui hasil kajian tersebut, UNICEF telah mencadangkan supaya bilangan tempat perlindungan yang bukan berkonsepkan institusi ini ditambah. Selain daripada itu, dicadangkan juga supaya tempat tinggal kanak-kanak berasaskan kekeluargaan dan *small group home* terhadap kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan turut ditambah. Jadi, konsep *deinstitutionalisation* (DI) yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dan sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara lain ialah usaha untuk memberi peluang kepada setiap kanak-kanak untuk membesar dalam persekitaran kekeluargaan dan menghapuskan sistem *deinstitutionalisation* (DI) ini.

*[Tuan Yang di-Pertua mepengerusikan Mesyuarat]*

Namun, mengikut keadaan penerimaan di Malaysia, maka konsep pemeliharaan berasaskan keluarga telah diperkenalkan pada tahun 2013 melalui jalinan kerjasama dengan Yayasan Firm Care. Jadi, dalam konteks Malaysia, konsep ini ialah untuk memastikan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan dan pemulihan, tidak termasuk yang mempunyai konflik dengan undang-undang, ditempatkan seboleh mungkin bersama ibu atau bapa atau ahli keluarga dan pilihan terakhir adalah ditempatkan di institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



Dalam hal ini, kementerian tidak berhasrat untuk menutup semua institusi jagaan kerana *setting* unit di Malaysia, kementerian juga tidak berhasrat untuk mewujudkan institusi jagaan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, PBK memberi fokus kepada penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ke pangkuan ibu dan bapa atau ahli keluarga yang layak dan menjadi penempatan institusi adalah keluarga sebagai pilihan terakhir. Jadi, konsep PBK ini telah dimasukkan dalam Akta Kanak-kanak 2001 melalui pindaan pada tahun 2016. Melalui pindaan ini, dalam membuat pertimbangan Perintah Penempatan Kanak-kanak, Mahkamah bagi Kanak-kanak perlu memberi keutamaan untuk menempatkan kanak-kanak bersama keluarga, saudara terdekat ataupun ibu bapa pelihara atau orang yang layak ataupun orang yang sesuai berdasarkan kepada kesesuaian kes.

Jadi, PBK bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak supaya terus mendapat kasih sayang dalam persekitaran kekeluargaan. Usaha ini sejajar dengan matlamat Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak, Akta Kanak-kanak 2001 dan Konvensional Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Dalam konteks kumpulan sasar yang lain di bawah kementerian selain daripada kanak-kanak, masih terdapat keperluan tertentu bagi kemasukan ke institusi JKM. Contohnya, Rumah Perlindungan bagi mangsa perdagangan orang, institusi kebajikan bagi warga emas dan juga untuk orang kurang upaya yang memerlukan penjagaan dan perlindungan, serta pemeliharaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Nampaknya usia kita masih panjang sehingga kita capai ke soalan yang bernombor 12 tadi ya. Soalan saya Yang Berhormat Rantau Panjang, menurut laporan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pagoh ada membuat satu pengumuman ketika Pilihan Raya di Sabah tempoh hari, sebanyak RM1,000 untuk penerima bantuan kebajikan.

Boleh saya tahu, apakah perkembangan janji tersebut? Soalan yang kedua akhir, memandangkan bertambah ramainya warga emas terbiar di luar sana, adakah kementerian ini berhasrat untuk menambah institusi kebajikan warga emas seperti Rumah Seri Kenangan dan seumpamanya? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih atas soalan tambahan. Soalan yang pertama tadi saya kira tidak ada kaitan langsung dengan soalan yang dikemukakan ini ya. Jadi, apa pun kita di pihak kementerian sentiasa mengambil berat tentang isu berkaitan dengan kebajikan, terutama isu berkaitan dengan warga emas. Jadi, kita menggalakkan iaitu pendidikan berasaskan kekeluargaan.

Jadi, kita mengharapkan supaya anak-anak hari ini supaya jangan semata-mata mengharapkan kerajaan yang memelihara ibu bapa mereka. Kecuali dalam kes golongan sebatang kara yang tidak ada keluarga yang boleh memelihara mereka. Jadi, kita menggalakkan supaya anak-anak, keluarga terdekat mengambil berat, terutama dalam memelihara kebajikan ibu bapa mereka. Dalam pada itu, kita menyediakan pelbagai institusi sekiranya mereka ini layak dan sangat memerlukan perlindungan, kita sedia mempertimbangkan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Boleh jawapan bertulis terhadap soalan pertama saya tadi yang tidak sempat dijawab? Boleh beri jawapan bertulis?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** *Insya-Allah.*

*[Soalan No.13 – YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu (Tambun) tidak hadir]*

*[Soalan No.14 – YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai) tidak hadir]*

**15. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menangani dakwaan Amerika Syarikat terhadap Felda Global Ventures (FGV) yang didakwa menggunakan buruh paksa dalam penghasilan produk sawit dan adakah pihak kerajaan sedar bahawa sekiranya isu tersebut tidak ditangani dengan kadar segera ia akan berupaya menjejaskan pendapatan negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 8

Oktober 2020, FELDA telah berkomunikasi dengan Jabatan Kastam dan Perlindungan Amerika Syarikat (CBP) melalui panggilan persidangan untuk mendapat penjelasan berkaitan dakwaan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi dan juga langkah-langkah yang harus diambil oleh FGV untuk pembatalan Perintah Pelepasan Tahan.

Walau bagaimanapun, pihak Amerika Syarikat tak dapat dedahkan maklumat yang ditemui dan tidak ada apa-apa perkembangan lanjut. Oleh itu, pihak Amerika Syarikat memaklumkan FGV bahawa ia akan mempertimbangkan petisyen untuk membatalkan WRO bersama dengan maklumat atau laporan yang terhasil dari audit oleh firma audit pihak ketiga yang boleh dipercayai dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

#### ■1100

Pada masa yang sama, FELDA sedang berkomunikasi dengan beberapa organisasi bebas untuk mencari pilihan dalam menjalankan audit bagi operasi FGV. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa antara usaha FLEDA ataupun FGV untuk menangani perkara ini adalah sukacita dimaklumkan bahawa FELDA ataupun FGV merupakan syarikat perladangan pertama di Malaysia yang melaksanakan pembayaran gaji tanpa tunai secara dompet elektronik.

Kedua, FGV telah melabur hampir RM350 juta bagi menaik taraf kemudahan perumahan dengan membina kediaman baharu di ladang-ladang di seluruh negara.

Ketiga, FGV telah menubuhkan empat pusat sehenti di Malaysia dan di negara-negara sumber seperti India dan Indonesia bagi memperkukuhkan program orientasi sebelum pelepasan dan ketibaan pekerjaan migran. Ini adalah antara langkah-langkah yang diambil, oleh kerana jawapan ini panjang saya akan hantar pada Yang Berhormat Arau secara bertulis jawapan sepenuhnya yang lengkap berkaitan perkara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa kita belum mendapat kepastian untuk pihak Amerika Syarikat membatalkan Perintah Pelepasan Tahan (WRO) dan Yang Berhormat Menteri telah menyebut sedikit alternatif lain.

Jadi saya ingin bertanya, apakah usaha lain yang dibuat ini boleh menjamin supaya keuntungan FGV, sebab FGV ini *public listed company* tidak terjejas. Kalau sekiranya dia boleh terjejas, apakah usaha lain yang boleh dibuat dalam keadaan harga kelapa sawit yang cukup tinggi di pasaran sekarang supaya kita memberi jaminan agar keuntungan FGV boleh dipertahankan?

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Arau. Kita yakin bahawa FGV akan dapat menangani masalah ini. Masalah ini besar, ia akan menjejaskan reputasi FGV jika tidak dapat meyakinkan pihak berkuasa Amerika Syarikat. Jadi, benar dalam keadaan sekarang harga minyak kelapa sawit telah pun melebihi RM3,600 satu tan, yang tertinggi dalam tempoh terdekat ini.

Saya hendak beri jaminan bahawa FGV akan terus mengambil langkah. FGV mempunyai komitmen yang tinggi untuk memastikan bahawa Perintah Pelepasan Tahan atau WRO diketepikan oleh pihak berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil termasuklah dengan *e-wallet* dan dengan penubuhan pusat sehenti. FELDA juga telah bertanggungjawab untuk menanggung kos berkaitan dengan pengambilan pekerja migran.

Jadi beberapa dakwaan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat telah ditandatangani oleh FGV dengan jayanya. Kita yakin bahawa dengan perundingan oleh FGV dengan pihak berkenaan perkara ini kita dapat selesaikan dalam tempoh tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bangkit peraturan mesyuarat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih, saya bangkit Peraturan Mesyuarat 41(f). Saya sebenarnya hendak tanya penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua tentang surat yang kami terima berkenaan pengubahsuaian SOP untuk Ahli Parlimen untuk datang ke Dewan Parlimen ini. Kita tahu banyak yang kita lakukan, banyak SOP. Kita hadkan masa berbahas kerana kita takut, *high-risk area*.

Akan tetapi saya hendak tanya, kenapa Ahli Parlimen yang terdedah dengan *positive patient* sekarang dibenarkan datang? SOP diubahsuai sebarang untuk membolehkan mereka datang ke sini? Saya tahu kalau tidak yakin untuk tidak menang undi belanjawan, datanglah bincang dengan pihak kami, terima nasihat kami, terima input kami. Jangan ubah suai atau mereka SOP yang bukan-bukan seperti ini. Minta petua dan minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sebenarnya saya tidak ubah SOP, saya cuma ikut SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan juga oleh Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah. Sebelum ini ketika kita memberi sedikit kekangan kepada kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan semua, ada yang mengatakan kita tidak memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk datang berdebat dan semua.

Akan tetapi saya rasa untuk undian itu kita membuat sedikit – banyak kelonggaran ya untuk undian. Kita benarkan semua untuk masuk ke Dewan. Ketiga-tiga itu bukan keputusan saya, mereka perlu meminta kebenaran Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan. Kalau dibenarkan mereka perlu mengikut SOP yang ditetapkan oleh beliau, bukan yang ditetapkan oleh saya, ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya hendak tanya, apakah SOP yang lebih untuk melindungi bentara-bentara yang ada di sini, yang kena mengiringi mereka yang datang ke dalam Dewan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya difahamkan pagi ini, saya difahamkan pagi ini bahawa terdapat tiga orang yang meminta kebenaran untuk datang. Mereka akan dibawa oleh ambulan, memakai PPE dan kita telah sediakan satu bilik untuk mereka duduk, bilik khas. Mereka duduk di situ. Kalau mereka ingin mengundi, mereka perlu memakai PPE yang baharu dan mereka akan masuk di *public gallery* melalui pintu di *public gallery* itu dan undi akan diambil daripada mereka.

Penghitung dan pemerhati terpaksa memakai *visor* dan selepas mengundi mereka meninggalkan *public gallery* itu supaya kita hendak hadkan *contact* dengan semua orang.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Soalan terakhir, sebab peraturan mesyuarat yang saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 41(f) berkenaan etika pemakaian di Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Jadi, saya tidak nampak PPE pun dalam tersebut. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terpaksa kan? Dibenarkan...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Dapat di... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya terpaksa benarkan kalau begitu, kan? Boleh kita...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cadang supaya semua Ahli Parlimen dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pakai PPE hari ini. Itu lebih selamat saya ingat. [Ketawa]

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Jangan membazirlah.

**Seorang Ahli:** Membazir masa masalah, membazir masa.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kementerian Kesihatan pun terlalu *rigid* sangat. Sepatutnya dia lebih luas, semua pakai PPE hari ini. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak *regulate* benda ini. Sebenarnya saya hendak *regulate* benda ini daripada ada MP yang datang tanpa di-*regulate* dengan mereka tidak mematuhi perintah kuarantin itu lebih baik saya *regulate*, lebih baik saya rasa Tan Sri DG *regulate*. Saya tidak hendak orang yang kena perintah kuarantin pun datang mengundi tanpa regulasi, kan?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini akan jadi satu ketawa rakyat di bawah sana. *[Dewan riuh]* Dia orang tidak boleh lepas, yang orang ini hendak undi punya fasal datang sini. Apa ini?

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Itu norma baharulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** So, kita kalau buat macam itu, rakyat orang meninggal pun tidak boleh keluar pergi menziarahi ibu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini hak undi kan? So, kita pun tahu ramai yang hendak datang mengundi. So, kita *regulate* kanlah. Tidak payah dipolitikkanlah perkara kesihatan. Ya? Silakan...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan politik Tuan Yang di-Pertua, cuma cadangan diperluaskan PPE tu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Anggaran Pembangunan 2021 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kesembilan]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan** Jawatankuasa]*

**Kepala B.32 [Jadual] –**

**Kepala P.32 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sekarang terbuka untuk di bahas. Pertamanya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Labuan. Silakan.

**11.08 pg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 020400 – Perbadanan Labuan dan Butiran 050000. Sebelum rampasan kuasa ataupun pertukaran kerajaan, Labuan telah merangka satu pelan pembangunan ke arah menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pulau bandar pintar Malaysia.

Matlamat tersebut merupakan salah satu inti pati penting yang difokuskan dalam Program Publisiti Awal Rancangan Pemajuan Labuan 2040 yang dikatakan akan memperincikan setiap satu pandangan kumpulan berkepentingan serta kajian bagi merealisasikan rencana pembangunan tersebut. Berhubung perkara tersebut, saya ada empat persoalan untuk respons Yang Berhormat Menteri.

Pertama, apakah bentuk kajian lanjutan daripada Program Publisiti Awal Rancangan Pemajuan Labuan 2040 yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi mewujudkan kerangka khusus atau strategi *blueprint* bagi menyusun pelaksanaan fizikal ke arah pewujudan pulau bandar pintar Malaysia?

## ■1110

Kedua, apa aspek-aspek pembangunan semula bandar atau *town redevelopment* yang akan diberi penilaian semula oleh Kementerian bagi memastikan idea pembentukan pulau bandar pintar yang dihasratkan itu selari dengan matlamat pembangunan yang digariskan dalam visi Pelan Induk Labuan 2030.

Ketiga, dengan kenaikan peruntukan pembangunan sebanyak RM5.13 juta, bagaimanakah Kementerian dapat membangunkan sistem perancangan bandar tersusun di Labuan dengan mengambil kira jangkaan suntikan pelaburan luar dan sektor pelancongan dan pembinaan.

Keempat, apa tindakan Kementerian untuk *facilitate* para perwakilan daripada 30 buah negara yang mana lawatan mereka ke Labuan yang sepatutnya Mac lalu terpaksa ditangguhkan- masih boleh meneruskan perancangan untuk meluaskan pelaburan dan kerjasama antara Labuan dan negara-negara asing tersebut.

Satu lagi, peruntukan telah diturunkan untuk Perbadanan Labuan dari RM50.176 juta kepada RM39.408 juta sedangkan dengan peruntukan RM50 juta sebelum ini pun jauh dari mencukupi. Adakah ini bererti banyak -kerja penyelenggaraan dan program-program pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar dikurangkan? Bagaimana dengan bajet Bantuan Makanan COVID-19 untuk 2021?

Butiran 202500 – Program Pembangunan Sosioekonomi. Saya ambil maklum berkenaan dengan inisiatif Kementerian dalam mewujudkan medium sokongan buat usahawan muda menerusi program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota yang dilaksanakan di Kuala Lumpur. Dalam situasi hari ini di mana aktiviti perniagaan merupakan sumber ekonomi alternatif buat anak-anak muda yang kehilangan kerja, saya harap program seperti ini dapat diperluaskan ke Labuan pada tahun 2021.

Berhubung dengan perihal ekonomi anak muda, saya ingin membangkitkan tiga persoalan. Pertama, apakah bentuk *monetary support* yang akan dikhususkan oleh Kementerian buat para graduan baharu di Labuan bagi mewujudkan galakan kepada mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan baik berasaskan produk mahupun perkhidmatan.

Kedua, adakah program pembangunan usahawan anak muda tersebut akan turut dilaksanakan di Labuan pada tahun hadapan memandangkan ia menyediakan kemudahan serta pemudah cara daripada aspek sewaan premis, pemilikan pelesenan, konsultasi dan pemasaran. Jika tidak, kenapa? Jika ya, apakah bentuk kolaborasi Kementerian dengan pihak-pihak swasta serta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam membantu *start-ups* dari kalangan belia Labuan yang ingin meniaga kemahiran mereka khususnya dalam bidang jahitan, *food and beverages* dan pertukangan.

Ketiga, bagaimana Kementerian dapat membantu golongan belia Labuan yang mempunyai lesen motosikal tetapi tidak berkemampuan untuk memiliki motosikal yang bermatlamat untuk menyertai perkhidmatan penghantaran makanan *e-hailing* seperti *Food Panda*. Apakah bentuk pemudah cara yang difikirkan terbaik oleh Kementerian bagi membantu segmen belia tersebut memandangkan perkhidmatan *food delivery* dilihat sebagai alternatif terbaik dalam keadaan pasaran kerja yang tidak menentu hari ini.

Sekian sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Kepala 020200 Tuan Pengerusi, jumlah peruntukan RM4 juta. Menyentuh mengenai butiran ini saya ingin membangkitkan soal pengurusan gelandangan-*homeless centre*, terutamanya ketika pandemik COVID-19 ini yang masih berada di sekeliling masyarakat dan negara. Semenjak zaman berzaman, negara kita telah terkenal dengan pembelaan kepada golongan *homeless*, dengan izin, dan ia adalah bermula dengan pembukaan pusat transit gelandangan di Jalan Pahang yang digunakan untuk menempatkan secara sementara bagi *homeless* yang sedia ada.

Langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan baru-baru ini Tuan Pengerusi, yakni mentransformasikan beberapa dewan serba guna untuk dijadikan pusat penempatan gelandangan ini pada awal tempoh PKP pada Mac yang lalu adalah sesuatu tindakan yang sangat baik.

Soalan saya kepada pihak Kementerian, berapa dewan serba guna yang telah diwujudkan bagi dijadikan pusat *homeless* ini dan apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan di dalam memastikan dewan serba guna ini memenuhi *spec-spec* tertentu, dengan izin, untuk dijadikan sebagai tempat penempatan sementara bagi golongan gelandangan ini. Ini kerana Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa kebanyakan daripada golongan gelandangan ini tidak

mengamalkan ataupun menitikberatkan soal kebersihan yang mana ia merupakan antara penyumbang terbesar kepada peningkatan risiko untuk dijangkiti oleh COVID-19 ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Adakah terdapat sebarang kes positif COVID-19 di kalangan gelandangan ini dan berapakah jumlah ataupun peratusan di kalangan mereka yang terlibat? Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Adakah sasaran untuk melihat Kuala Lumpur ini bebas gelandangan? Walaupun ini merupakan satu masalah antarabangsa tetapi sekurang-kurangnya apakah perancangan pihak kementerian ini untuk mengambil pendekatan supaya diminimumkan peratusan gelandangan di dalam kawasan wilayah Kuala Lumpur ini.

Gelandangan ini bukan sahaja melibatkan warganegara Malaysia, tetapi juga warga asing yang tidak diketahui status mereka. Ada yang berstatus pelarian UNHCR dan ada juga yang berstatus pendatang tanpa izin. Apa bentuk kerjasama atau ada tidak kerjasama atau kolaborasi antara pihak kementerian dan agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengatasi masalah *homeless* ini, dengan izin Tuan Pengerusi? Adakah terdapat sebarang usaha untuk menghantar semula golongan warga asing yang menjadi gelandangan ke negara-negara asal mereka.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala 020000 – Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar yang mana jumlah peruntukannya hanya RM148.8 juta sahaja. Bermula pada 15 November sehingga 15 April 2020, pihak kementerian telah mengisytiharkan Wilayah Persekutuan sebagai wilayah bebas berniaga. Saya ingin terjemahkan ucapan tahniah dan syabas, kepada Kementerian Wilayah Persekutuan kerana telah mengambil pendekatan untuk menjadikan wilayah bebas berniaga sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pendapatan pada ketika waktu tekanan ekonomi waktu pandemik ini Tuan Pengerusi. Saya pasti ramai rakyat di luar sana yang berterima kasih dengan pihak kerajaan atas inisiatif yang diwujudkan. Saya juga ingin bertanya pada pihak kementerian semenjak kelonggaran yang diberikan, berapakah jumlah permohonan dan kelulusan yang diterima dan diberikan bagi kawasan di seluruh Wilayah Persekutuan?

Pada peringkat awal pengumuman dan pelaksanaan program ini, tentunya banyak maklum balas yang diterima- sama ada positif ataupun negatif. Antara kekusaran penduduk sebenarnya Tuan Pengerusi, adalah kerana kebebasan berniaga ini tentunya akan menyumbang kepada masalah-masalah sosial yang lain. Antaranya ialah masalah kebersihan, masalah kesesakan jalan raya dan juga masalah sampah-sarap yang harus diberi perhatian dan penumpuan oleh pihak DBKL ataupun pihak kementerian untuk penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang.

Saya ingin bertanya pada pihak kementerian, setakat lebih kurang sebulan program ini dilaksanakan, adakah berlaku sebarang peningkatan daripada segi jumlah aduan yang diterima oleh penduduk ataupun apakah yang dilakukan oleh pihak kementerian terhadap aduan-aduan seperti ini.

Satu lagi yang akhir Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Adakah pihak kementerian selain daripada membuat kawasan bebas berniaga, mengambil pendekatan pada masa akan datang yakni memberikan lesen-lesen percuma kepada peniaga-peniaga gerai-gerai yang berada di dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini?

#### ■1120

Ini kerana, tindakan ini sekurang-kurangnya boleh membantu kepada peniaga-peniaga kecil dan usahawan-usahawan kecil yang terpaksa membayar lesen meniaga atau bebas meniaga yang mana Kementerian Wilayah Persekutuan sudah perkenalkan satu pendekatan yang sangat baik. Selepas ini Kementerian Wilayah Persekutuan mungkin boleh buat pengumuman untuk mengisytiharkan pada tempoh PKP, pada tempoh pandemik, diberikan lesen percuma bagi tempoh tertentu untuk membantu mereka dalam keadaan tekanan ekonomi ketika pandemik ini Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Shah Alam.

11.20 pg.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya mula membahaskan tajuk dan butiran khusus, saya ingin merakamkan kekecewaan saya dengan keadaan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dikecilkan bidang tugasnya dengan dipindahkan PLAN Malaysia dan Jabatan Landskap Negara kembali ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Melalui ini, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak mempunyai tugas di peringkat nasional walaupun ia sebuah kementerian di peringkat nasional. Kini telah dijadikan sebuah kementerian yang mengawasi hanya tiga PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan. Ini bererti walaupun statusnya sebagai satu kementerian di peringkat nasional, tugasannya adalah begitu kecil dan lokal.

Kalau dibandingkan keadaannya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mengawasi lebih 100 PBT, Kementerian Wilayah Persekutuan tiga PBT sahaja. KPKT lebih 100 PBT. Justifikasi wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai sebuah kementerian penuh agak sukar untuk diberi. Ini berbeza dengan keadaan sebelum ini yang mana PLAN Malaysia di bawahnya dan persoalan perancangan pembangunan fizikal di seluruh negara turut dipantau Kementerian Wilayah Persekutuan. Begitu juga dengan persoalan persempadanan antara negeri yang masih ada yang belum diselesaikan.

Jabatan Landskap Negara, turut diletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sebelum ini dan segala perancangan terhadap mewujudkan beberapa kategori taman di seluruh negara termasuk Taman Persekutuan seluas 250 ekar di setiap negeri diuruskan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dulu. Konsep hendak jadikan Malaysia sebuah negara taman yang menjadi tema Jabatan Landskap Negara, sekarang ini diserahkan kepada KPKT. Oleh itu, dengan dikecilkan peranan Kementerian Wilayah Persekutuan sehingga menjadi kementerian yang hanya memantau tiga PBT sahaja, adalah diharap masalah-masalah di ketiga-tiga PBT akan diselesaikan secara tuntas kerana kementerian ini tidak ada kerja lain.

Butiran 030200 – Perbadanan Pembangunan Kampung Baru. Saya ingin memulakan dengan Butiran Bekalan 030200 – Perbadanan Pembangunan Kampung Baru sebanyak RM3,638,000. Ini adalah satu jumlah *overheads* yang besar untuk sebuah perbadanan yang ditugaskan untuk membangunkan Kampung Baru. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh menjustifikasikan perbelanjaan yang sebegitu tinggi dan pada masa yang sama tidak ada perancangan yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan pembangunan Kampung Baru? Sudah ada Perbadanan Pembangunan Kampung Baru yang menelan belanja RM3 juta lebih setahun tetapi perancangan untuk membangunkan Kampung Baru entah ke mana.

Yang Berhormat Menteri ada menyebut akan melaksanakan pembangunan Kampung Baru secara berkelompok melalui *parcel* seluas lima ekar setiap satu *parcel*. Ia pembangunan yang secara runcit yang amat sukar untuk dikawal untuk memenuhi satu perancangan yang menyeluruh. Adakah pembangunan seperti ini dianggap setimpal dengan perbelanjaan RM3.6 juta setahun yang disebutkan tadi?

Butiran 09000 – Program Pembangunan Semula Kampung Baru. Saya melihat di bawah Butiran Pembangunan 09000 – Program Pembangunan Semula Kampung Baru hanya RM1,000,100 diperuntukkan. Adakah wajar kerajaan membelanjakan RM3.6 juta untuk memantau projek pembangunan RM1 juta? Sedangkan pembangunan Kampung Baru yang dirancang sebelum ini oleh Kerajaan Pakatan Harapan mempunyai nilai GDV sebanyak RM50 bilion hingga RM60 bilion. Maka, wajar dibelanjakan RM3.6 juta setahun untuk Perbadanan Pembangunan Kampung Baru kalau ia ingin menguruskan satu pembangunan yang GDV-nya sebanyak RM50 bilion hingga RM60 bilion.

Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Menteri, adakah apa yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PPKB) sebelum ini akan disia-siakan begitu sahaja. Adakah Pelan Pembangunan Menyeluruh di bawah Kerajaan PH dahulu akan dikekalkan atau diubah setelah pembangunan secara berkelompok diperkenalkan? Sambil itu, Yang Berhormat Menteri ada sebut satu bajet akan dipohon sebanyak RM1 bilion untuk pembangunan infrastruktur di Kampung Baru. Saya tidak nampak ia ada dalam bajet ini.

Seterusnya 020300 – Perbadanan Putrajaya. Sebanyak RM90,980,000. Adakah dana yang diperuntukkan kepada Perbadanan Putrajaya ini termasuk dana untuk penyelenggaraan Projek Perumahan Awam Malaysia (PPAM) Melinjau di Putrajaya? Ini kerana, projek ini didapati mempunyai masalah struktural (*structural defect*) yang ketara sambil saluran najisnya rosak dan fasiliti lain yang tidak sempurna dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Saya juga mendapat aduan daripada persatuan penduduk agar isu ini diselesaikan segera. Ini semua pegawai-pegawai perkhidmatan awam, Yang Berhormat Menteri. Tidak boleh Pihak PPJ dan Kementerian Wilayah Persekutuan lepas tangan.

Ia melibatkan beratus ahli keluarga yang telah membelanjakan duit mereka membeli rumah-rumah ini tetapi akhirnya didapati, dianggap ataupun kelihatan tidak

selamat untuk diduduki. Pihak persatuan penduduk memohon wakil PPJ mendapatkan salinan JKR berkenaan pemeriksaan visual struktur bangunan yang telah dilakukan pada 22 Oktober 2020 yang lalu dan ingin mengetahui apakah perkembangannya.

Oleh sebab masa agak terhad, saya hendak ambil satu sahaja lagi iaitu Butiran 01100 – Private Public Partnership (PPP). Ini benda yang istilah yang penuh misteri. Kita dapati ia wujud dalam beberapa Kementerian termasuk yang baru-baru ini Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jumlahnya RM70,072,100. Ia adalah untuk private public partnership (PPP) yang mana sebelum ini nilainya untuk tahun 2019 adalah kosong, tahun 2020 adalah kosong tetapi pada tahun 2021 melonjak menjadi RM70 juta lebih seperti mana juga untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Adakah ini wang-wang yang telah diselitkan untuk kegunaan yang tidak jelas untuk menghadapi pilihan raya? Saya harap perincian diberikan kepada perbelanjaan yang sebegitu rupa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Seterusnya Yang Berhormat Jerai.

■1130

11.30 pg.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Terus kepada Butiran 020000 – Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar. Butiran 020300 – Perbadanan Putrajaya, dananya RM90.8 juta iaitu menyelenggarakan infrastruktur dan kemudahan awam yang akhirnya menjadikan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Saya cukup tertarik dengan cadangan Putrajaya akan dibangunkan perkampungan al-Quran dengan kos sebanyak RM150 juta, ditempatkan pula masjid baharu berkonsepkan al-Quran yang menelan kos sebanyak RM50 juta. Dari satu sudut, saya sangat bersetuju dan sangat mengalu-alukan cadangan paling bernas dan sangat efektif ini bersesuaian... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Apatah lagi men-*trademark*-kan Putrajaya dengan pusat percetakan al-Quran kedua terbesar selepas Arab Saudi.

Sehubungan itu, saya dapati tiada pun peruntukan khusus dalam peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan. Mohon penjelasan dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, Butiran 09000 – Program Pembangunan Semula Kampong Bharu. Saya setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam berkenaan dengan melihatkan pada peruntukan tahun 2019 sebanyak RM18,500,000 sedangkan pada belanjawan ini hanya sekadar RM1,000,100 sahaja. Sehubungan itu, apakah langkah-langkah pembangunan semula yang dimaksudkan dan menjadi mercu tanda masyarakat di perkampungan Melayu yang beridentiti kekal dengan tanah mereka sendiri?

Seterusnya, Butiran 020100 – Sosioekonomi. Telah pun dibincangkan dengan panjang lebar tadi oleh Yang Berhormat Jelebu. Isu gelandangan bandar menjadi antara fokus utama Yang Berhormat Menteri dalam menangani miskin bandar. Sehubungan itu juga, sejauh mana model pengurusan gelandangan ini dapat dicontohi oleh bandar-bandar lain di seluruh negara? Ini kerana gelandangan ini bukan sahaja berada di sini di Wilayah Persekutuan, malah di bandar-bandar yang lain juga memandangkan dana sebanyak RM6,268,600 telah diperuntukkan.

Seterusnya, dalam menangani isu COVID-19, saya menyokong penuh tindakan Yang Berhormat Menteri menangani penjaja-penjaja jalanan dengan membenarkan mereka berniaga dalam bandar semata-mata sesuap nasi keluarga mereka. Sehubungan itu, apakah usaha-usaha atau langkah-langkah jangka panjang menangani penjaja yang berselerakan di wilayah bagi mengangkat imej penjaja yang beroperasi sekali gus mampu menjadi pendapatan alternatif kepada kementerian itu sendiri?

Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat Wangsa Maju. Tidak ada? Yang Berhormat Cheras? *[Disampuk]* Ada? Oh! Ada. Yang Berhormat Wangsa Maju, silakan ya.



**11.33 pg.**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Saya menyentuh Butiran 01100 – Projek PPP/PFI. Walaupun beberapa Ahli Parlimen telah membangkitkan isu ini, tetapi saya ingin menekankan sekali lagi. Projek PPP di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan itu, harganya adalah RM350 juta dan peruntukan bagi tahun 2021 adalah RM70 juta. Bagi satu projek yang harganya begitu tinggi tetapi tiada sebarang maklumat diberikan tentang projek tersebut.

*Private public partnership* (PPP) merupakan hanya satu konsep untuk melaksanakan sesuatu projek sahaja. Untuk kita meluluskan peruntukan tersebut, kita perlu diberikan maklumat sekurang-kurangnya tentang tajuk projek, jenis dan tujuannya. Adakah projek tersebut perlu dilaksanakan pada waktu negara menghadapi masalah kesulitan kewangan? Adakah projek-projek itu untuk merangsang ekonomi negara dan untuk kepentingan rakyat ataupun hanya menguntungkan kroni-kroni tertentu? Menteri perlulah memberikan jawapan dengan jelas di Dewan yang mulia ini.

Perkara yang kedua, saya merujuk kepada Butiran 94000 – *Sewerage Non-River and River of Life*. Harga kos permulaan projek ini adalah RM4.4 bilion tetapi telah dinaikkan kepada RM7.696 bilion dan peruntukan bagi tahun 2021 adalah RM405 juta. Projek ini telah dilancarkan pada tahun 2012 dengan tujuan membersihkan Sungai Gombak dan Sungai Klang di Kuala Lumpur. Juvenasi sungai-sungai tersebut dan membangunkan kawasan sekelilingnya sebagai satu hab *waterfront* dengan aktiviti ekonomi yang hebat. Projek ini kononnya bakal mengangkat negara menjadi status negara maju.

Projek ini sepatutnya siap pada tahun depan tetapi telah ditangguhkan ke tahun 2024. Namun, selepas lapan tahun sejak dilancarkan, kita masih tidak lihat *River of Life* tetapi sebaliknya hanya sungai yang berlumpur penuh dengan sampah. Penyiapan sistem pembetungan telah ditangguhkan dan terdapat aduan mengenai ketidakpatuhan kualiti efluen, landskap dan kecantikan struktur seperti *fountain* dan jalan laluan telah rosak.

Sesungguhnya, projek ini gagal sepenuhnya. Memandangkan kegagalan ini dan cadangan bagi pertambahan peruntukan yang besar, kami menuntut supaya satu jawatankuasa teknikal bebas ditubuhkan untuk menilai prestasi dan kadar kejayaan projek ini dan satu audit bebas dilakukan untuk menyemak semua penyelewengan.

Saya juga mendesak supaya projek ini dirujuk kepada PAC untuk pemeriksaan kali kedua. Saya menuntut juga satu taklimat dengan maklumat terperinci tentang projek ini diberikan kepada semua Ahli Parlimen khususnya Ahli Parlimen dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Seterusnya Yang Berhormat Kuala Krai. Silakan.

**11.37 pg.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang dan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kod 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan dan Kod 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Saya ingin bertanya, kenapa kedua-dua butiran tersebut mengalami pengurangan yang sangat mendadak? Apakah pengurangan ini nanti akan menyebabkan peruntukan kedua-dua butiran tersebut akan memberikan kesan dan menyebabkan perkhidmatan akan terganggu?

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada 16 November yang lalu, DBKL memperkenalkan garis panduan baharu lesen minuman keras yang antara lain menetapkan kedai runcit dan kedai serbaneka tidak lagi dibenarkan menjual minuman keras mulai 1 Oktober tahun depan.

Pertamanya, Kuala Krai ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap garis panduan baharu ini. Ternyata ia sangat melegakan seluruh rakyat Malaysia terutama dalam membendung pemandu mabuk yang bukan sahaja menyebabkan kematian warga yang tidak bersalah malah garis panduan ini sangat bertepatan dengan kehendak agama. Dalam masa yang sama, sudah pastinya garis panduan ini sudah diambil kira berdasarkan kajian yang terperinci.

Saya juga melihat peraturan yang dipakai ini juga digunakan di negara-negara maju termasuklah di Eropah di mana pembelian minuman keras memang sangat dikawal daripada segi waktu dan lesen tempat yang boleh dijual. Oleh itu, sangat jelas isu ini tidak ada kena mengena dengan isu agama mahupun perkauman.

Negeri Kelantan telah memulakan garis panduan yang hampir sama sudah lebih 30 tahun yang lalu iaitu bermula pada tahun 1990 selepas PAS mentadbir Kelantan. Ternyata garis panduan ini memberi kesan yang sangat baik dan saya menyeru langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini diteruskan oleh PBT-PBT yang lain.

#### ■1140

Saya mencadangkan satu kajian harus dilakukan oleh pihak kementerian ataupun DBKL selepas enam bulan pelaksanaannya nanti, apakah kesan kepada pengguna di ibu kota terutama berkaitan pemandu mabuk dengan garis panduan tersebut?

Saya amat yakin ia akan memberi kesan yang sangat positif dan baik kepada seluruh rakyat Malaysia nanti, *insya-Allah*. Kita harus lihat kepada apa yang disebut oleh Nabi SAW dalam hadis antaranya ialah [*Membaca sepotong Hadis*], "*Hendaklah kamu menjauhi arak, sesungguhnya arak kunci segala kejahatan*". Dalam hadis yang lain, Nabi bersabda, [*Membaca sepotong Hadis*], "*Hendaklah kamu menjauhi arak kerana ia punca segala kejahatan dan kerosakan*".

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 03000 – Kompleks Perniagaan dan Pasar. Umum mengetahui dan sedar tentang penguasaan warga asing terhadap beberapa pasar dan jenis perniagaan khususnya di ibu kota. Kita dapat melihat dengan jelas bagaimana sesuatu perniagaan dimonopoli oleh mereka yang menyebabkan kita terasa sangat terasing walaupun kita berada dalam negara kita sendiri. Pusat perniagaan seperti, saya bagi contohhlah, *City One* misalnya, jelas dikuasai oleh warga-warga asing, bahkan lain-lain lagi pusat perniagaan.

Selain itu, warga asing juga mula menguasai jenis-jenis perniagaan, contohnya, bidang peruncitan di mana dikuasai oleh orang Aceh. Ini satu perkembangan yang sangat tidak sihat untuk negara kita khususnya ekonomi rakyat Malaysia. Saya memohon pihak kementerian menyelesaikan permasalahan ini secepat mungkin. Mungkin ketika pandemik COVID-19 ini, adalah waktu terbaik untuk menyusun semula dan mengurangkan penguasaan mereka. Dengan penguasaan mereka kepada pasaran tempatan, sudah tentu aliran duit juga dikaut oleh mereka untuk dihantarkan ke negara asal mereka.

Saya bagi contoh, pada tahun 2012, Bangladesh sebanyak RM3 juta, India sebanyak RM2.956 juta, Nepal sebanyak RM1.990 juta, Indonesia sebanyak RM625.1 juta dan Filipina sebanyak RM561.3 juta, telah mengalirkan duit kita ke negara masing-masing. Dapatan ini berdasarkan penghantaran yang sah, bagaimanakah pula yang tidak sah? Bayangkan betapa banyaknya duit kita mengalir keluar. Ini hanya baru dapatan tahun 2012, bagaimanakah dengan tahun-tahun berikutnya? Ini memberikan kesan yang besar kepada ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, butiran terakhir ialah Butiran 09000 – Program Pembangunan Semula Kampong Bharu. Saya ingin bertanya tentang perkembangan terkini Kampong Bharu. Tanah Kampong Bharu ini merupakan kawasan paling bernilai yang kebanyakannya masih dimiliki oleh orang Melayu.

Saya yakin ia menjadi rebutan pelbagai pihak kerana kedudukannya yang sangat strategik. Saya mohon kerajaan mengekalkan penguasaan orang Melayu di Kampong Bharu, sebuah bandar Melayu boleh dijadikan sebagai hab budaya Melayu bertaraf antarabangsa seperti makanan, pusat jualan pakaian dan perkembangan budaya Melayu. Saya yakin ia berupaya menarik kedatangan pelancong asing ke tempat tersebut. Ini seperti mana yang ada sekarang di Jalan Petaling, yang melambangkan budaya Cina dan *Little India* di *Brickfields*, untuk budaya India. Melayu juga tentunya mahu sebuah bandar Melayu diwujudkan bagi melambangkan identiti Melayu Islam di tengah-tengah pembangunan pesat ibu kota.

Kampong Bharu merupakan satu-satunya kawasan perkampungan Melayu yang berusia lebih 100 tahun dan masih mengekalkan identiti budaya Melayu. Bersama kita pertahankan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Cheras.

**11.43 pg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Saya berhasrat untuk menimbulkan bantahan saya terhadap rancangan DBKL untuk tidak memperbaharui lesen jualan minuman keras kepada para peniaga kedai runcit, kedai ubat tradisional Cina dan kedai serba niaga bermula pada 1 Oktober 2021. Kerajaan harus mengambil satu pendekatan polisi yang terbuka mengenai perkara ini, memandangkan pengharaman jualan ini adalah satu tindakan yang tidak sensitif terhadap hak-hak golongan bukan Islam yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pengharaman ini juga bersifat anti-perniagaan sehinggakan kedai ubat tradisional Cina yang telah berniaga berdekad lamanya juga dijadikan satu sasaran larangan. Mereka ini hanyalah perniagaan keluarga yang kecil, yang sedang berhadapan dan terkesan secara teruk dengan impak yang dibawa oleh wabak COVID-19.

Dasar yang menyekat ini akan membawa kesan yang buruk kepada industri pelancongan di ibu kota negara jua, memandangkan Kuala Lumpur ini adalah destinasi lebih daripada 90 peratus pelancong yang melawat negara kita.

Peraturan baharu ini tidak akan memberikan petanda yang memberangsangkan kepada banyak sektor perusahaan yang menantikan pemulihan industri pelancongan yang diharapkan kembali pulih menjelang tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, walaupun saya bersetuju yang undang-undang dan peraturan mengenai penjualan alkohol ini diwujudkan untuk mempertahankan ketenteraman dan kesihatan awam, saya bersetuju bahawa penjualan minuman arak haram seperti samsu, harus diharamkan sama sekali memandangkan ia tidak selamat untuk diminum. Akan tetapi, saya tidak dapat bersetuju dengan pengharaman penjualan minuman keras yang tulen melalui peniaga-peniaga tradisi.

Perkara ini merupakan satu pencabulan kepada hak mereka untuk terlibat dengan aktiviti perniagaan yang sah. Malah, Persatuan Patriot Kebangsaan sebuah persatuan yang terdiri daripada ahli-ahli veteran tentera dan polis juga telah mengkritik keputusan ini dan mempersoalkan sama ada perbuatan meminum alkohol atau perbuatan rasuah yang lebih buruk akibatnya kepada masyarakat.

Terdapat juga mereka yang menaikkan sekatan menyeluruh ke atas penjualan rokok, memandangkan rokok menjadi punca pelbagai penyakit kritikal dan juga terdapat lebih ramai perokok berbanding dengan peminum alkohol. Adakah pihak kerajaan dan DBKL bersedia untuk berbuat demikian atau adakah rancangan ini hanyalah satu cubaan untuk menyekat hak-hak golongan bukan Islam semata-mata?

Mengapakah kerajaan kini cuba untuk menyekat kebebasan ini? Sekiranya kerisauan kerajaan adalah mengenai kejadian memandu dalam keadaan mabuk, pindaan undang-undang untuk mengekang kejadian ini baru sahaja diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada sidang Parlimen yang lepas. Adakah kerajaan cuba mengatakan yang pindaan undang-undang yang dibawa oleh Kementerian Pengangkutan ini tidak memadai dan merupakan satu kegagalan?

Tuan Pengerusi, oleh itu, saya mohon supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membatalkan rancangan ini dan mengadakan satu sesi libat urus bersama dengan wakil-wakil rakyat di Kuala Lumpur dan dewan perniagaan serta persatuan-persatuan perniagaan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mereka sebelum merangka apa-apa dasar yang bakal diguna pakai di Kuala Lumpur ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Dungun.

**11.48 pg.**

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah, [Berselawat].* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 30000 – Aset. Di mana kita melihat dalam sumber kewangan Kerajaan Persekutuan, dalam perkara yang melibatkan hasil Kerajaan Persekutuan termasuklah hasil Wilayah Persekutuan, lalu ada aset-aset yang diperolehi. Walaupun dalam anggaran tahun 2021, sebanyak RM756,000 berkurangan daripada anggaran tahun 2020, adakah ini termasuk daripada 42 lot-lot tanah yang didakwa telah dijual? Bolehkah Menteri menjelaskan isu ini untuk pengetahuan semua?

Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin bertanya mengenai langkah-langkah pencegahan penyebaran wabak COVID-19 yang diambil oleh DBKL di tempat-tempat awam dan kaedah penjimatan yang boleh dilakukan selain daripada melakukan kerja-kerja sanitasi awam.

■1150

Bolehkah juga dijelaskan– saya difahamkan bahawa hampir 5,000 buah kilang dan bengkel-bengkel haram beroperasi di sekitar Lembah Klang dan 4,000 buah daripadanya berada dalam kawasan DBKL. Bagaimanakah penyelesaian yang diambil untuk menyelesaikan permasalahan ini? Butiran 04000 – Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur. Seperti yang semua maklum, rutin harian kanak-kanak untuk bermain dan pergi ke sekolah terjejas teruk disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaupun secara fizikalnya ramai ibu bapa bekerja dari rumah, mereka tidak dapat memberikan sepenuh perhatian serta memenuhi keperluan emosi kanak-kanak memandangkan mereka juga perlu memenuhi tuntutan kerja. Ramai pakar yang menyatakan bahawa pandemik COVID-19 ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan mental orang dewasa, bahkan juga kanak-kanak.

Soalan saya, adakah Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) akan diberikan geran untuk menjalankan program khusus untuk anak-anak, terutamanya bagi anak-anak yang tinggal di rumah flat dan pangsapuri. Selain itu, di *outcome* tiga bagi Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu komuniti Wilayah Persekutuan yang sejahtera. Di mana kementerian telah menyasarkan peningkatan daripada 79.30 peratus kepada 80.00 peratus indeks kebahagiaan. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi disesuaikan dengan kekangan dan cabaran pandemik COVID-19, khususnya untuk golongan kanak-kanak? Saya juga melihat bahawa peruntukan bagi pusat rekreasi Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam di Kuala Lumpur...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Dungun, sini, celah.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** ...di bawah Butiran 04000 – Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur, sepatutnya ditingkatkan bagi tujuan ini agar kanak-kanak masih boleh bermain dengan selamat walaupun dalam tempoh PKP. Maaf, tidak ada masa. Seterusnya, Butiran 09000 – Program Pembangunan Semula Kampung Bharu. Saya mengharapkan supaya kementerian melihat bahawa pembangunan Kampung Bharu Kuala Lumpur adalah aset dan bukan hanya semata-mata komoditi. Apabila aset, adanya pembangunan tetapi kekalkan ia sebagai Kampung Warisan supaya generasi-generasi yang akan datang dapat mewarisi daripada pembangunan yang ada di Pembangunan Kampung Bharu Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai, sila.

11.53 tgh.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya turut serta. Saya ingin menyentuh Butiran 020100 – Sosioekonomi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Dasar Wilayah Bebas Berniaga. Berapa ramai peniaga-peniaga yang telah memohon setakat ini sejak dasar diperkenalkan? Berapa ramai di kalangan mereka yang masih berniaga sehingga ke hari ini? Sekiranya angka tersebut ada untuk kita menilai keberkesanan dasar tersebut.

Saya ingin menyentuh Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian berniat untuk membina Projek Perumahan Rakyat yang baharu? Memandangkan kita tahu pada waktu ini jumlah pemohon bagi unit rumah PPR masih banyak. Pada masa yang sama, saya pohon Yang Berhormat Menteri untuk nyatakan berapakah jumlah unit sewa yang masih ada, yang belum dijual? Berapakah penyewa yang aktif membayar, berapakah jumlah tunggakan sewa unit rumah PPR setakat ini? Berapa ramai yang tidak membayar? Mengambil kira semestinya dasar kerajaan pada waktu ini untuk tidak mengenakan sewa sepanjang PKP dan PKPB. Berapakah anggaran unit rumah PPR yang masih diperlukan untuk memenuhi keperluan dan permohonan yang sedia ada?

Saya ingin juga bertanya, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan dasar tidak membenarkan kenderaan elektrik ataupun skuter elektrik untuk beroperasi di Kuala Lumpur, memandangkan terdapat keperluan dari segi menyelesaikan masalah, dengan izin, *last mile connectivity* ataupun keterhubungan

kilometer terakhir sama ada daripada hub pengangkutan ke tempat kerja ataupun hub pengangkutan ke rumah. Saya ingin menyentuh Butiran 030100 – Perancangan dan Pengurusan Pembangunan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bolehkah memberikan maklum balas. Apakah status proses pewartaan bagi Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2040? Berapakah lot-lot yang sedang dibincangkan, yang ingin ditukar status guna tanah setakat ini? Bilakah agaknya Pelan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun *KL City Plan 2040* ini akan dapat diwartakan? Apakah perancangan sekiranya—memandangkan kita sudah sampai ke hujung tahun 2020, apakah perancangan pihak kementerian dan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengendalikan proses sekiranya Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2040 masih lama lagi untuk diwartakan?

Saya ingin menyentuh maksud P.32, khususnya Butiran 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Kalau kita lihat di kawasan Kuala Lumpur, kita ada banyak jalan yang sering kali setelah diturap menghadapi masalah kurang sebulan, kadang-kadang dua bulan, jalan tersebut berlopak semula ataupun mengalami masalah. Apabila kontraktor-kontraktor syarikat utiliti tebuk sini, tebuk sana, gali sini, gali sana dan mereka tidak *make good* dan akhirnya, masalah itu berlarutan sehingga jalan menjadi sangat tidak baik untuk pengguna jalan raya. Apakah perancangan Yang Berhormat Menteri, khususnya untuk membantu memastikan sekiranya jalan itu telah diturap, maka hasil turapan itu dapat kekal lebih lama daripada mungkin apa yang sedang disaksikan. Saya bagi contoh, di Jalan Maarof daripada Bangsar Shopping Center menuju ke Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq di Bangsar, diturap beberapa kali tetapi memandangkan ada masalah utiliti di situ, jalan tersebut sering kali menjadi bermasalah. Jadi, mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Berkenaan dengan Butiran 08000 – Baikpulih Sungai. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan bagi sungai-sungai di Kuala Lumpur, apakah kelas sungai-sungai tersebut, tahap kebersihannya? Apakah fokus bagi kementerian bagi tahun 2021? Bahagian-bahagian mana? Apakah status Projek *River of Life* setakat ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Akhir sekali, sebelum Menteri menjawab, saya menjemput Yang Berhormat Rompin.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, saya hendak cadangkan, kami Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan haruslah diberi keutamaan. Sekarang banyak yang cakap dari Kelantan, ini kita bukan berbahas bajet untuk kawasan Parlimen Ketereh tau tetapi adalah untuk Wilayah Persekutuan. Saya sudah tunggu lama dan Tuan Pengerusi kata, Yang Berhormat Menteri kena gulung sekarang. Saya rasa, saya hendak lebih adil kerana kami hendak menyuarakan isu-isu di Kuala Lumpur. Hendak minta Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Saya berlaku adil.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...beri kebenaran.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Setuju.

**Tuan Pengerusi:** Lima sebelah sini, lima sebelah sini. Malah, Yang Berhormat Shah Alam tadi saya bagi *double* masa dia. Silakan Yang Berhormat Rompin.

11.58 tgh.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin sama-sama membahaskan Butiran 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan dan Butiran 03000 – Kompleks Perniagaan dan Pasar. Berhubung dengan beberapa perkara yang melibatkan kemiskinan di bandar, *cost of living* dan *quality of life* bagi membolehkan sesebuah bandar itu dilihat bandar yang mempunyai nilai-nilai kesejahteraan, *quality of life* dan mampu membangun sebagai sebuah bandar perindustrian, perkhidmatan yang boleh menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur dari luar untuk datang melabur apabila *cost of living* itu menurun dan banyak pelabur akan datang.

■1200

Di antara aspek penting yang ingin saya cadangkan supaya bandar raya melihat pembangunan secara menyeluruh berhubung dengan membina *a new cluster* dengan izin, penempatan-penempatan di luar Kuala Lumpur dengan sistem pengangkutan yang cekap dan terancang. Kerajaan mempunyai tanah-tanah yang bernilai di dalam bandar raya yang perumahan-perumahan lama.

Saya mencadangkan supaya tanah-tanah ini dijual, ditender secara terbuka dan hasil daripada pendapatan tender-tender ini kita gunakan untuk membangun a *new cluster*, penempatan baharu beberapa kluster yang di luar bandar raya yang jalanannya ke bandar raya mungkin mengambil masa kurang daripada satu jam 30 minit. Dengan ini kita boleh membina satu *new cluster* kependudukan yang mempunyai ciri-ciri yang lebih elok, mempunyai *quality of life* dan menurunkan kadar kemiskinan di dalam bandar ini. Ini boleh dilakukan kerana kerajaan mempunyai tanah-tanah yang bernilai di Kuala Lumpur.

Keduanya, saya berharap majlis ataupun Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan juga harus memainkan peranan yang lebih penting. Banyak wang zakat yang diperolehi daripada mereka yang tinggal di Kuala Lumpur dikutip dengan jumlah yang besar. Wang ini harus dimanfaatkan bersama untuk membina rumah-rumah yang lebih berkualiti untuk menempatkan mereka yang tidak berkemampuan dengan nilai yang agak munasabah. Tidakkah wang-wang ini dibiarkan sahaja tersimpan dalam bank-bank.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan harus lebih aktif melihat pemasalah sosial ekonomi di dalam Kuala Lumpur ini dan wang-wang ini digunakan, dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengatasi masalah sosial di dalam bandar raya. Masalah kemiskinan, masalah pendidikan, masalah aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral dilakukan oleh umat Islam.

Jadi, apa gunanya wang yang disimpan dalam bank beratus-ratus juta oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak digunakan, dimanfaatkan dengan sepenuhnya bagi mengatasi masalah sosial, masalah kemiskinan, masalah pelajaran yang dilihat hasil daripada perpindahan generasi kedua dari desa ke bandar. Masalah lebih ketara bila generasi pertama, generasi kedua di Kuala Lumpur ini tidak mampu untuk menangani masalah-masalah di Kuala Lumpur.

Mereka biasa hidup di kampung tetapi apabila mereka pindah di bandar mereka menghadapi situasi dan keadaan yang berbeza menyebabkan banyak masalah keluarga timbul. Kemurungan dan pelbagai penyakit masyarakat lahir daripada ketidakmampuan generasi kedua yang berpindah dari desa ke bandar untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Jadi, adalah wajar Majlis Agama Islam Wilayah sebagai satu institusi penting dalam Kuala Lumpur ini memainkan peranan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat, saya bagi satu ruang, tiga minit Yang Berhormat Seputeh dan tiga minit Yang Berhormat Arau. Dipersilakan Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Arau, / ambil empat minit. *You* ambil dua minit okey?

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen lain ada peluang tidak untuk berbahas?

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama ini dinafikan berucap dalam perbahasan. Macam mana?

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Kepong tidak ada kah?

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Kita sudah *submit* nama kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, tetapi lima sini, lima sini. Saya sudah...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Lima minit sahaja kerana Kementerian wilayah tidak banyak Ahli Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa. Saya berikan Yang Berhormat Seputeh dahulu tiga minit. Kemudian Yang Berhormat Arau tiga minit. Saya lihat nanti.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Bila isu Kelantan, saya tidak boleh cakap. Bila isu Kuala Lumpur saya pun tidak boleh cakap. Apa ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Siapa itu? Sila Yang Berhormat Seputeh.

**Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**12.05 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran – 030000 Perancangan dan Pembangunan. Saya ingin membangkitkan isu penjualan tanah oleh DBKL yang amat diragui di kawasan Parlimen saya iaitu di Lot PT 15358 di persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Kuchai Lama.

Pada tahun 2002, lot tanah tersebut diambil alih oleh JKR dengan tujuan pelebaran Jalan Klang Lama dan membina jejantas di tapak berkenaan. Akan tetapi projek ini tidak dijalankan dan kerajaan pun sewakan tapak itu kepada syarikat yang mengelola pusat penjaja. Dalam Mac 2017, JKPTG menyewa tanah tersebut selama tiga tahun kepada bekas pemilik lot tanah tersebut tetapi penyewaan ini dibatalkan dalam November pada tahun yang sama dan pemilikan tanah tersebut dipindah daripada JKPTG kepada DBKL.

Selepas tanah tersebut dipindah kepada DBKL, ia terus dijual kepada syarikat Kunci Muhibah. Perjanjian jual beli tanah dibuat di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan syarikat Kunci Muhibah iaitu anak syarikat aset Kayamas.

*Board* Aset Kayamas sedang disiasat oleh SPRM dan kerajaan atas banyak kes penjualan tanah yang diragui di Kuala Lumpur di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Penjualan tanah tersebut telah dihentikan di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan tetapi ia diteruskan di bawah Perikatan Nasional sekarang.

Persoalan saya adalah seperti berikut. Semua transaksi tanah Kerajaan Persekutuan mesti mendapat kelulusan Kabinet. Apakah penjualan tanah Lot PT 15358 diluluskan oleh kabinet? Penjualan lot ini dilakukan dan didaftarkan pada 23 Jun tahun ini iaitu empat bulan selepas Kerajaan Pakatan Harapan dijatuhkan oleh Perikatan Nasional. Mengikut amalan biasa, transaksi tersebut biasanya mengambil sekurang-kurangnya tiga bulan untuk menjalankan *land survey* dan sebagainya tetapi transaksi tersebut dijalankan begitu pantas dan malah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (MCO). Di mana banyak pejabat kerajaan dan swasta diarahkan tutup. Kenapa kah tanah ini dijual oleh DBKL secara terburu-buru?

Pada tahun 2002, lot tanah tersebut yang berkeluasan 4.2 ekar ini dibeli atau diambil alih oleh kerajaan dengan harga RM14 juta iaitu RM161 satu kaki per segi tetapi anehnya 18 tahun kemudian, tahun ini tanah ini dijual dengan harga RM80 sekaki per segi. Harga jualan ini adalah sangat aneh. Ia adalah *half price*, *special discount* kepada syarikat Kunci Muhibah dan saya difahamkan yang harga semasa lot tanah tersebut adalah RM600 bagi satu kaki persegi dan ia memang bukan RM80 satu kaki persegi.

Jadi, kenapakah DBKL sanggup jual tanah komersial ini di bawah harga pasaran menyebabkan kerajaan rugi sebanyak RM95.8 juta. Selain itu, lot tanah itu adalah tanah komersial. Biasa pemaju akan bayar lebih kurang RM10 juta untuk tanah komersial tersebut. Jadi bermaksud kerajaan rugi jual tanah kepada syarikat itu. Rugi RM106 juta. Kenapa macam – mana kerajaan di dunia ini boleh bagi tanah komersial kepada satu syarikat dengan *special discount* lima puluh peratus dan lebih. Khususnya kepada syarikat Aset Kayamas yang mana begitu kontroversial.

Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab di Dewan yang mulia ini kerana isu ini telah pun diuar-uarkan di media sosial di mana pengelola pusat penjaja itu telah buat laporan kepada SPRM dan mereka telah buat protes di tempat itu. Jadi saya rasa adalah patut bagi Yang Berhormat Menteri ini untuk memberi satu penerangan yang jelas di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Tiga minit.

■1210

**12.10 tgh.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Pertama sekali, saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Walaupun orang Kelantan tetapi mempunyai jiwa yang besar untuk membangunkan wilayah ini. [*Tepuk*] Yang Berhormat telah mengisytiharkan buat kali pertama, Kuala Lumpur sebagai wilayah bebas berniaga. Semasa PH, tidak buat seperti ini. Dia isytiharkan kawasan bebas berniaga. Bagus! Kita menyokong sepenuhnya tetapi saya minta seperti yang tadi Yang Berhormat Seputeh cakap tadi tentang minta penjelasan.

Akan tetapi Yang Berhormat, saya tidak dapatlah sebab jaga kementerian lain. Sebenarnya Tabung Haji pun macam itu juga. Kerajaan PH nyatakan harga penilaian RM240 juta, lepas itu hendak jual RM170 juta. Itu lagi sakan, PH kena jawab. Akan tetapi malangnya, tidak ada kementerian yang boleh menjawab perkara itu. Kita akan masuk di bawah rang undang-undang nanti ya.

Sekarang ini saya hendak tanya Yang Berhormat berhubung dengan laporan Ketua Audit Negara di bawah Butiran 020200 – Dewan Bandar Raya iaitu Laporan Audit Negara 2019 Siri I yang melaporkan bahawa sejak tahun 2017 sehingga 2019, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan pembaharuan permohonan lebih daripada 500 lesen penjaja yang menggunakan kad pengenalan individu yang telah meninggal dunia. Walaupun perkara ini telah disebut berkali-kali tetapi kita belum dapat penjelasan iaitu berhubung dengan lebih 500 lesen yang telah dikeluarkan.

Saya minta supaya Yang Berhormat mempermudah usaha untuk membolehkan warisnya mendapat lesen kerana sekarang ini proses birokrasi agak tinggi yang menyebabkan timbul masalah untuk waris mendapatkan lesen bagi mereka yang meninggal dunia. Akan tetapi kalau sebenarnya laporan audit ini betul yang 500 lesen dikeluarkan kepada orang yang telah meninggal dunia, ini adalah suatu perkara yang serius. Yang Berhormat saya minta tolong bagi penjelasan, lebih-lebih lagi Yang Berhormat sekarang ini dikenali sebagai Menteri Wilayah Persekutuan yang hebat kerana mampu mengisytiharkan wilayah bebas berniaga.

Keduanya ialah berhubung dengan Butiran 030100. Yang ini Yang Berhormat Seputeh akan setuju dengan saya sebab dia peminat Taman Botani, kan? Jadi, kita minta supaya mempercepatkan projek yang dibuat. Sehingga setahun sekarang ini kita tidak boleh ke kawasan tapak letak kereta yang dipagar sudah setahun. Malah pokok kecil yang ditanam itu sudah tinggi daripada pagar. Saya tidak tahu apa yang jadi dalam pagar itu kerana projek itu terbengkalai sampai sekarang. Kita minta supaya laluan pejalan kaki dan basikal itu diasingkan sebab kalau tidak nanti timbul masalah. Kita tahu bahawa di seluruh dunia, semua bandar raya berusaha untuk menjadikan bandar raya mereka kawasan riadah yang terbaik.

Contohnya seperti Adelaide, Eindhoven, Belanda, Bangkok. Malah di Bangkok, Thailand misalnya sebuah litar yang digelar Sky Lane Bangkok yang jaraknya sepanjang 23.5 kilometer bagi setiap satu pusingan telah dibina untuk memberi keselesaan kepada peminat sukan. Apakah Yang Berhormat ingin berbuat demikian rupa? Ini sebab di Malaysia sekarang ini trend riadah ini mengikut keadaan semasa. Sekarang ini semua orang hendak naik basikal, sampai ke peringkat Raja pun naik basikal. Semua naik basikal.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, minta rumuskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya rumuskan. Jadi saya minta satu litar yang berbentuk Sky Lane Bangkok itu dibina untuk *Sky Lane* Kuala Lumpur supaya semua pihak boleh menikmati riadah yang terbaru ini, berbasikal di samping berjalan kaki yang merupakan satu usaha *legend* yang harus dibuat di merata tempat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Yang lain saya harap dapat mencelah semasa Yang Berhormat Menteri jawab, 15 minit Yang Berhormat.

12.14 tgh.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa bagi membincangkan dan merundingkan tajuk-tajuk dan butiran-butiran yang terdapat dalam belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Saya juga ucapkan terima kasih kerana begitu banyak sekali Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu seramai 12 orang telah mengambil bahagian. Dengan masa 15 minit, *average* satu minit satu orang, mungkin tidak terdaya bagi saya untuk menjawabnya



sedemikian. Sedangkan saya nampak soalan-soalan ini semuanya adalah perkara-perkara yang amat penting sekali. Jadi saya akan mencuba memberi jawapan kepada kesemua sekali 12 orang Ahli Yang Berhormat secara bertulis. Di sini dalam masa yang pendek saya cuba juga menyentuh perkara-perkara yang penting bagi setiap Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Pertama sekali Yang Berhormat Labuan. Terima kasih, saya faham. Memang ada pelan pembangunan, Pelan Induk Labuan 2030 dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawasanya kita merasakan Labuan memerlukan *new deal* dan pelan pembangunan Labuan perlu diteliti semula. Oleh sebab itu, saya ingin mengambil beberapa langkah bagi peringkat Labuan dengan memperkenalkan *game changer* termasuklah pembinaan jambatan. Daripada pembinaan jambatan itu juga, beberapa kaedah-kaedah baru untuk membangunkan Pulau Labuan perlu digarap dengan segera.

Saya sedang menyusuli perkara ini secara berperingkat. *Alhamdulillah* Kabinet telah pun memberikan kelulusan untuk RFP dibuat dan ini sedang dipersiapkan. Apabila projek ini dapat kita laksanakan dengan cara yang lebih jelas, kaedah-kaedah dan konsep yang dicadangkan, maka kaedah membangunkan Labuan pada masa akan datang perlu diubahsuai dengan kaedah-kaedah, peluang-peluang dan prospek yang baru. Secara *detailed*, saya akan berikan jawapan-jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Mengenai penekanan Program Pembangunan Usahawan Muda Kota yang sememangnya aktif dilaksanakan di Kuala Lumpur, sememangnya akan diteruskan juga ke Labuan. Sebenarnya saya hari itu ada bercadang untuk turun ke Labuan untuk membuat penjelasan tentang perkara ini supaya boleh difahami bukan sahaja oleh jabatan, pegawai tetapi juga persatuan penduduk dan sebagainya.

Akan tetapi oleh kerana Labuan dijadikan zon merah kerana peristiwa COVID-19, ia telah ditangguhkan. Akan tetapi saya boleh memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawasanya pelaksanaan program-program tidaklah eksklusif kepada Kuala Lumpur. Perkara-perkara yang kelihatan baik dan berjaya di Kuala Lumpur atau Putrajaya, sememangnya akan juga turut dilaksanakan di Labuan.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang- saya hendak beri prioriti kepada satu persoalan yang penting yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh. Walaupun gilirannya agak ke belakang tetapi saya menjawab mendahulukan kerana saya tahu Yang Berhormat Seputeh sangat penting dan Yang Berhormat Seputeh juga begitu sekali berminat.

Pertama, saya hendak memperingatkan Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat, Kuala Lumpur ini bukan orang Kuala Lumpur sahaja. Di Kuala Lumpur ini ada orang Kelantan, orang Terengganu, orang Johor, orang daripada seluruh Malaysia. [*Tepuk*] Jadi nasihat saya kepada Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, jangan membuatkan orang-orang negeri lain berkecil hati kerana Wilayah Persekutuan ini adalah milik nasional, bukan milik orang Kuala Lumpur sahaja. [*Tepuk*] Itu nasihat saya yang pertama.

Kedua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh kerana membangkitkan sekali lagi isu penjualan tanah. Saya memandang perkara ini sangat serius dan kebetulan juga baru-baru ini Pengerusi Nasional DAP, Yang Berhormat Cheras juga ada bangkitkan benda yang sama dan saya menerimanya dengan berlapang dada iaitu rasa *concerned* wakil rakyat di Wilayah Persekutuan tentang kalau ada berlaku kaedah penjualan tanah secara yang tidak betul. Walaupun demikian, Yang Berhormat Cheras telah melakukan sedikit kesilapan kerana maklumat yang diterima tidak begitu tepat.

Sepertimana yang semua maklum, saya bercadang mendakwa, mengambil tindakan mahkamah tetapi Yang Berhormat Cheras telah datang berjumpa saya dan memohon maaf. Saya berfikir panjang bagaimana cara hendak menerima mohon maaf ataupun hendak meneruskan tindakan. Akan tetapi saya fikir ini bukan isu personal dan bukan isu peribadi. Dua hari lepas saya berunding dengan peguam-peguam saya. Saya hendak memaklumkan di sini, saya mengambil keputusan untuk menerima permohonan maaf daripada Yang Berhormat Cheras. [*Tepuk*] Mungkin kerana salah maklumat, orang kata dalam bahasa Inggeris *is...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Presiden, Presiden.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** *Forgive divine, forgive divine (?)*.

## ■1220

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Presiden. Presiden. Sini, sini Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Jadi kira kosong-kosonglah ya dan saya ucap terima kasih banyak kepada Yang Berhormat yang berjiwa besar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Pengerusi, bersangka baik, *husnuzon* adalah satu sikap yang amat didambakan oleh kita semua. Sesungguhnya sikap yang diambil oleh Menteri Wilayah adalah merupakan satu *gesture*, dengan izin, yang cukup baik walaupun kita berbeza pandangan, berbeza tempat duduk. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat setuju, jika sebarang tuduhan itu harus disiasat, didapatkan semua dokumen pendetilan agar *public perception*, dengan izin, tidak timbul? Ini kerana perkara-perkara yang berlaku di mana-mana kementerian harus dilihat bukan sahaja dari segi politik tetapi dilihat dari segi rasionalisasi.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Wilayah Persekutuan kerana bersifat dan bersikap dengan baik dan tentulah kedudukan kosong-kosong ini harus dipelajari oleh sesiapa pun agar perkara-perkara ini tidak dipanjangkan dan yang penting, persepsi khalayak harus dijaga supaya apa jua tuduhan itu dapat dibersihkan sama ada melalui media ataupun melalui persepsi yang sering disalahtafsirkan kerana ia mempunyai tujuan politik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Datuk. Silakan, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, teruskan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Menteri Wilayah, Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya menghargai cadangan Yang Berhormat Bagan Datuk dan...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** ...Patut diselitkan dalam ucapan saya.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ringkas sahaja, ringkas sahaja.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat Shah Alam duduk sekejap. Saya...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Isu yang sama.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Oleh sebab isu yang agak penting, Yang Berhormat Seputeh punya. Takut saya terlupa nanti sebab masa terlalu pendek.

Saya memandang serius tentang maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berhubung dengan adanya, kalau betul, adanya berlaku penjualan aset yang melibatkan Syarikat Aset Kayamas.

Sebagaimana saya jelaskan kepada Yang Berhormat Cheras, setakat sepanjang saya menjadi Menteri, belum ada sebarang penjualan aset berlaku dan saya telah menyemak berkali-kali, tidak ada. Saya tidak pernah membuat apa-apa keputusan menjual mana-mana aset setakat ini. Malah terbaharu, saya sedang menggubal satu SOP yang baharu supaya dilaksanakan satu SOP yang lebih ketat soal penjualan aset. Ini pegawai-pegawai tahu ia sedang dilakukan.

Merujuk kepada apa Yang Berhormat bangkit itu, maklumat awal yang saya terima pada hari ini, maklumat awal, kes Yang Berhormat bangkitkan itu proses penjualannya berlaku semasa Kerajaan Pakatan Harapan. *[Tepuk]* Saya akan semak perkara ini dan yang boleh memberi jawapan paling tepat perkara ini adalah Yang Berhormat Shah Alam. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat Shah Alam, minta duduk dahulu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Biar saya jawab.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Minta duduk dahulu. Ini berdasarkan kepada maklumat awal tetapi kita perlu menyasiat lebih lanjut kerana antara kelulusan itu berlaku pada penghujung tahun 2019 dan saya ada surat di sini, dalam *copy* ini yang dihantar kepada saya, ada beberapa surat komunikasi yang membenarkan dan menyetujui perkara itu diteruskan. Apa yang pastinya, ia tidak berlaku di bawah Kerajaan Perikatan Nasional sekarang. [*Tepuk*]

Jadi oleh kerana Yang Berhormat membangkitkan perkara ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, S&P pada 23 Jun tahun ini di waktu MCO. Jadi, saya tidak...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini adalah semua berlaku selepas Yang Berhormat ambil alih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, saya pandang serius perkara ini. Saya akan melihat secara lebih terperinci supaya jangan kita melakukan kesilapan, tersalah tuduh dan sebagainya. Cuma yang saya sebutkan, saya boleh mengesahkan, di bawah saya belum ada saya memberikan apa-apa kelulusan menjual mana-mana aset.

Akan tetapi, kalau keputusan-keputusan dibuat oleh Menteri yang terdahulu, maka dia perlu mengikut jalur-jalur undang-undang yang tertentu. Ini kerana pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur didakwa, disaman di mahkamah, banyak sekali kes-kes tuntutan ganti rugi dan sebagainya yang bernilai beratus juta yang telah dibuat oleh mereka yang telah terlibat dalam menandatangani perjanjian dan sebagainya. Maka pendirian saya adalah jelas, perkara mesti mengikut jalur undang-undang.

Jadi oleh kerana Yang Berhormat bangkitkan di sini, saya ucapkan terima kasih. Saya akan meneliti perkara ini dan menyemak maklumat awal yang menyatakan Menteri sebelum saya memberikan persetujuan. Akan saya semak lagi sekali.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Menteri Wilayah. Boleh saya respons?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Ini giliran...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Saya ucapkan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Ini bukan giliran bekas Menteri jawab.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Fasal Menteri Wilayah kalau sebut Shah Alam, *if you got the balls to make the accusation, give me the right to respond*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, baik.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya tidak membuat sebarang *accusation*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Saya tarik balikhlah. Saya tarik balik.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya tidak membuat sebarang *accusation*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tetapi kalau sudah sebut nama Shah Alam dan membuat pendakwaan seolah-olah saya yang menjual tanah itu, saya rasa agak wajar diberikan masa untuk saya jawab, kalau berani.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya rasa tidak perlu. Tidak perlu kerana saya sendiri tidak jelas mengenai perkara ini.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Kalau hendak main tuduh-tuduh sahaja, selepas itu lepas tangan, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, ini *floor* Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Dia sudah sebut Shah Alam. Saya hendak jawab. Saya hendak jawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Akan tetapi bukan dalam sesi ini.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tidak ada, tidak ada. Sekarang inilah masanya. Inilah masanya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Okey, Yang Berhormat, izinkan saya menjawab soalan kawan-kawan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri minta untuk menjawab soalan-soalan yang lain dahulu. Baik, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Kalau dia tidak anggap saya terlibat dalam perbincangan ini, jangan dibuat sebarang pertuduhan yang sebegitu rupa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Shah Alam jual tanah kah?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]:** Bukan tuduh. Semakan awal.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Dia telah membuat satu pertuduhan. Tadi dia tegur Yang Berhormat Cheras. Yang Berhormat Cheras, *alhamdulillah*, bila sedar dia tersilap, dia telah meminta maaf. Saya harap Yang Berhormat Ketereh yang membuat tuduhan yang sama pada pagi ini, bila diselidik dan didapati tidak benar akan juga sanggup membuat permintaan maaf dan jangan menggunakan *immunity of the Parliament* sebagai satu perisai...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Untuk mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Minta Yang Berhormat Menteri mengulangi tuduhan di luar Dewan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Baik, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Sila ulangi di luar Dewan, kalau berani.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat Shah Alam ada masalah pendengaran. *[Ketawa]* Jadi saya syorkan esok baca *hansard*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Saya rasa Yang Berhormat Ketereh ada masalah percakapan. Dia tidak sedar pun apa yang dia cakap. *[Dewan riuh]* Itu lagi teruk. *[Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya cadangkan Yang Berhormat ambil *hansard*, kalau apa yang saya kata bersifat tuduhan, saya tidak ada masalah untuk menarik atau minta maaf, *no problem*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ataupun sila ulangi di luar. Kalau Yang Berhormat Ketereh rasa dia mengeluarkan kata-kata dalam keadaan waras, penuh memahami apa yang dia katakan, dapat *hansard*, baca dekat luar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** *Insya-Allah*, apabila saya dapat maklumat yang tepat, saya akan sebut di luar. Di sini saya sebut maklumat awal tidak berapa jelas, saya akan menyusuli dengan menyiasat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Kalau maklumat tidak tepat, jangan sebut.

[Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya perlu berhentikan perdebatan ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk terus menjawab. Banyak lagi jawapan yang belum dijawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Shah Alam, jual tanah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta *switch on the mic*.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat Jelevu telah membangkitkan soal gelandangan. Saya ingin menjelaskan bahawasanya isu gelandangan di Kuala Lumpur ini kita telah mengambil pendekatan yang sedikit berbeza iaitu dengan memberikan penyelesaian secara komprehensif termasuklah untuk memberikan mereka kaunseling, membahagikan mereka kepada kategori-kategori yang tertentu, kemudian membuat preskripsi *solution* kepada permasalahan mereka berjangka panjang termasuklah membawa mereka ke alam pekerjaan.

Saya ucapkan terima kasih kepada banyak sekali syarikat-syarikat yang telah tampil ke hadapan. Jadi untuk *batch* yang pertama yang hampir 1,000 orang itu, boleh dikatakan semua sekali telah diberikan jalan penyelesaian yang berbeza-beza. Sekarang ini kita sedang memantau kewujudan gelandangan yang baharu yang mula timbul semula di Bandar Kuala Lumpur dan langkah-langkah sewajarnya akan diambil.

Tentang Wilayah Bebas Berniaga, sukalah saya hendak menyebutkan di sini, saya amat sedar bahawasanya bila terlalu ramai berniaga akan menimbulkan beberapa masalah seperti kesesakan, kebersihan dan sebagainya. Akan tetapi, saya merasakan semua masalah itu bukanlah masalah yang tidak boleh diatasi tetapi masalah yang sedang ditanggung oleh rakyat, derita yang ditanggung oleh rakyat yang hilang pekerjaan, yang kurang sumber pendapatan, itu adalah perkara yang sukar untuk kita atasi kalau kita tidak membuka ruang kepada mereka.

Saya sebenarnya merasa gembira kerana hampir 3,500 orang telah muncul sebagai peniaga-peniaga dan penjaja baharu yang sebahagian besarnya telah pun diluluskan lesen secara serta-merta dalam masa 24 jam dan mereka boleh mencetak sendiri lesen mereka dan urusan perniagaan mereka memang dipantau supaya mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang tertentu.

#### ■1230

Jadi, program Wilayah Bebas Berniaga adalah sebagai satu tanda keprihatinan, kita sebagai kerajaan pada saat rakyat mengalami kesulitan, saya rasa jabatan tidak harus mengekalkan kerenah birokrasi, menyulitkan rakyat mendapatkan lesen. Jabatan-jabatan ataupun kementerian di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang menjaga kehidupan rakyat di Kuala Lumpur mestilah bersifat lebih *friendly* dan proaktif terhadap keperluan rakyat.

Saya gembira melihat begitu ramai anak muda, orang-orang muda, malah ada pegawai kerajaan pun yang membuka gerai dan mendapatkan sedikit sebanyak pendapatan tambahan. Saya akan terus mengekalkan program ini sehingga tamat tempoh yang telah saya umumkan dan bagi mereka yang ingin melanjutkan selepas itu, kalau *track record* mereka baik, mereka patuh pada peraturan, mereka mengambil langkah-langkah yang sewajarnya, Bandaraya akan mengambil langkah-langkah bagi membuka peluang mereka melanjutkan kerjaya berniaga di Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Yang Berhormat Menteri, 15 minit sudah habis. Perlu tambahan masa sedikit?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Sikit sekali. Jadi saya kalau boleh berikan mungkin empat, lima minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya beri lima minit lagi.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** ...Menyentuh pandangan diberikan oleh kawan-kawan. Saya sekali lagi hendak menyentuh soal Yang Berhormat Shah Alam yang *passionate* dengan pembangunan Kampung Bharu. Saya ucapkan terima kasih. Saya tahu beliau berusaha bersungguh-sungguh, mengikut cara dan sekadar mana yang beliau faham. Cita-citanya begitu tinggi dan itu harus boleh dihargai.

Akan tetapi seperti mana kita tahu dalam merancang dan membangunkan sesebuah kawasan, antara yang kita cita-citakan dengan *practicality* itu harus ada satu

bentuk *balance* ya. Oleh sebab saya tahu masalah ini tidak mudah, kompleks, ada perkara-perkara yang tertentu yang boleh kita teruskan, kita teruskan.

Yang Berhormat Shah Alam bangkitkan soal *overheads* tinggi PKB. Saya ini cuma mewarisi daripada Yang Berhormat Shah Alam. Jadi *overheads* itu sudah memang tinggi semasa Yang Berhormat Shah Alam. Jadi tidak akan saya hendak buang pegawai-pegawai PKB saya. Jadi saya kekalkan. Dari itu saya punya satu daripada yang saya warisi daripada Yang Berhormat Shah Alam.

Jadi soalnya sekarang, pelan yang telah disiapkan oleh Yang Berhormat Shah Alam itu ternyata tidak dapat kita hendak *proceed* atas berbagai-bagai sebab. Bagi mendukung hasrat yang baik itu, kita sedang mengambil langkah-langkah mengikut cara kerajaan baru lah tanpa kita memperlekehkan cara yang lama. Saya tidak pernah usik, tidak pernah sentuh pun cara yang lama. Cuma saya kata nampaknya ia tidak dapat diteruskan. Tuan tanah ada hampir 40 peratus tidak bersetuju, tidak memberikan persetujuan jadi kita hendak mengambil secara paksa pun rasanya tidak sesuai.

Jadi apa yang kita lakukan untuk makluman Dewan yang mulia ini, langkah awal yang perlu dilakukan ialah termasuk meminda undang-undang itu sendiri. Apa yang mengekang pembangunan itu banyak, bukan hanya *physical constraint*, *town planning constraint* ataupun *land ownership constraint*, *legal constraint* ada banyak. Jadi saya telah membawa satu Kertas Jemaah Menteri minggu yang lalu dan *alhamdulillah* telah diluluskan oleh Jemaah Menteri untuk memperkenalkan satu akta yang khusus bagi Kampong Bharu bagi menggantikan akta *Malay Agriculture Settlement*. Jadi akta itu akan membuka jalan menyelesaikan bab yang terkait dengan soal undang-undang dan akta itu akan dibawa ke Parlimen, ke Dewan yang mulia ini mengikut proses-proses yang telah ditetapkan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Sementara bagi aspek perancangannya pula, langkah-langkah telah pun dilakukan perbincangan dan perundingan dengan Kementerian Kewangan telah pun dibuat. Konsep-konsep telah kita buat *presentation* dan kita telah satu *roadmap* yang jelas. Cuma yang penting di sini sebelum saya mengambil langkah selanjutnya, saya perlu membuat *engagement* dengan *stakeholders* yakni penduduk di Kampong Bharu, tuan tanah, ada banyak persatuan anak-anak Kampong Bharu, dengan mantan ahli-ahli jawatankuasa *Malay Agricultural Settlement* dan sebagainya supaya jangan timbul sebarang silap faham.

Jadi saya terpaksa lakukan ini *step by step* supaya semua orang faham apa yang hendak dilakukan. Pada masa yang sama kita telah mengenal pasti beberapa *parcel* tanah di Kampong Bharu yang boleh dibangunkan serta-merta oleh beberapa pihak swasta tanpa melibatkan peruntukan kerajaan.

Jadi itulah sebabnya untuk Bajet 2021 tidak kelihatan satu bajet yang besar sebab ia masih berada di peringkat perancangan. Akan tetapi, tidak bermakna Kampong Bharu tidak dibangunkan dalam tahun 2021 kerana dalam tahun 2021, beberapa program pembangunan akan dijalankan dengan kerjasama swasta. Sementara kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, kita akan melakukan *upgrading infrastructure* bagi kawasan-kawasan yang tertentu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ya Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah sikit.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Nampaknya masa...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Penjelasan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Apa ini...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ada lagi itu, sekejap saja.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** ...Cukup terbatas. Boleh Tuan Pengerusi...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Fasal hendak respons pada jawapan yang diberi...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Boleh saya,

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Yang pembangunan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Satu saja lagi.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Secara *parcel* itu, pembangunan yang runcit, adakah ia mengikut satu *master plan* ataupun diserahkan kepada pemaju untuk berunding dengan pemilik dan bangun ikut suka dia?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Dia akan mengikut satu *master plan*, *insya-Allah*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Apakah *master plan* nya?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Ini bukan tempat untuk berbahas, untuk...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tidak, hendak dapat penjelasan, bukan hendak berbahas. Semasa dulu kita....

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Terus, terus.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Boleh saya terus.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Kita telah kemukakan *master plan* nya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Jadi saya cuma hendak menyentuh...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tidak ada *master plan* lah, *five acres*, *five acres*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Shah Alam juga ada membangkitkan tadi tentang peruntukan RM70 juta, projek PPT itu, projek *public-private partnership* yang RM70 juta itu adakah itu peruntukan untuk pilihan raya? Satu sindiran sinis.

Akan tetapi saya rasa terkejut juga. Dua tahun mengendalikan bajet, tidak akan tidak tahu. Peruntukan RM70 juta itu antaranya termasuk untuk menyewa pejabat kementerian yang terpaksa ambil daripada Petronas di bawah program *public-private partnership* dan itu sudah terwujud tiap-tiap tahun jadi- dan tidak ada...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *Previous year's budget* tidak ada. Kalau ikut apa yang telah dibentangkan, 2019 kosong, 2020 kosong, 2021 baru ada RM70 juta.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Dia tajuknya sudah diubahsuai. Kerajaan baru, cara baru.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Itulah yang kita perlu, kalau sudah tukar tajuk perlulah penjelasan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Tadi saya sudah beri penjelasan itu tadi.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Janganlah menyindir kata tidak akan kita tidak tahu. Siapa suruh tukar tajuk.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Baik.

**Beberapa Ahli: [Ketawa] [Tepuk]**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Jadi kadang-kadang Dewan ini perlu juga orang macam Yang Berhormat Shah Alam ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Ya betul [Ketawa]

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Itu satu kepastian, itu satu kepastian.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Elok ada Raja Lawak.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Jadi bila dia bangun Dewan ini ceria dengan kenakalan dia sendiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Ya, *Insya-Allah*.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Menembak kaki sendiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Jadi yang ini saya hendak sebut sedikit tentang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai berhubung dengan perkampungan al-Quran ya. Saya hendak menjelaskan Program Perkampungan Al-Quran itu memang peruntukan hanya RM5 juta sahaja tahun hadapan sebab ia masih di peringkat perancangan dan *conceptual*.

Keduanya, program ini juga akan dilakukan dengan menggunakan dana wakaf antarabangsa. Jadi perkara-perkara yang lain akan datang kemudian kerana ia masih lagi di peringkat modifikasi kepada konsep, kaedah pelaksanaan dan sebagainya. Oleh sebab itu jumlah peruntukan untuk tahun depan, untuk makluman hanya RM5 juta sahaja.

Akan tetapi program ini adalah penting bagi melengkapkan Nasyrul Quran yang telah sedia ada supaya terwujud sebuah kompleks yang dapat ilmu dan inti pati al-Quran dapat dimasyarakatkan dan supaya Putrajaya menjadi sebuah bandar ikon yang menjadi rujukan antarabangsa dalam hal ehwal berkaitan dengan ilmu al-Quran, pengamalan dan penghayatan budaya yang terdapat dalam al-Quran.

Saya faham oleh sebab banyak sekali perkara-perkara yang dibangkitkan, yang ia semuanya sangat penting termasuk soal lesen araklah yang akhir sekali Tuan Pengerusi. Saya mengambil maklum pandangan daripada Yang Berhormat Cheras. Hari itu juga Yang Berhormat Bagan ada berjumpa saya mengenai perkara yang sama dan beberapa Ahli Yang Berhormat.

Akan tetapi sukalah saya hendak menjelaskan di sini. Saya merasakan adalah menjadi tanggungjawab sebagai Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, apabila ternyata rakyat dan masyarakat menzahirkan kebimbangan akibat daripada pelbagai peristiwa yang kita sedia maklum. Untuk melakukan itu bukanlah kita buat secara semberono, melainkan kita telah melalui satu proses runding dengan banyak sekali *stakeholders* yang mana saya tidak mencampurinya, saya menyerahkan kepada sebuah jawatankuasa daripada pihak Bandaraya telah membuat *engagement* dan juga telah membuat kajian amalan yang dilakukan di negara-negara lain.

Secara umumnya ialah kerana apa yang dikaitkan di bawah lembaga pelesenan adalah yang punca kuasanya daripada Akta Eksais yang terletak di bawah Jabatan Kastam yang dilaksanakan, diperturunkan kuasa kepada Bandaraya dengan garis-garis panduan yang tertentu.

Akan tetapi yang pastinya Yang Berhormat, hatta di negara-negara Eropah sekalipun, kawalan terhadap minuman keras ini adalah ketat dan nampak *tendency* kadang-kadang di negara kita terlalu longgar, terlebih longgar sehinggakan di kedai runcit pun boleh membeli minuman keras. Saya fikir tidak perlu. Kalau dikatakan menghalang hak rakyat ataupun menghalang hak orang bukan Islam dan sebagainya, ini sama sekali bukan isu agama.

#### ■1240

Ini adalah isu kebertanggungjawaban pihak berkuasa tempatan untuk mengawal selia. Kita tidak menyentuh sama sekali soal hendak minum boleh, minum dan sebagainya. Kita cuma mengawal proses menjual, di mana kita merasakan adalah tidak wajar bagi tempat-tempat yang kawalannya sukar, yang tempatnya terlalu banyak. Kalau sampai kedai runcit pun boleh beli, sedangkan di Europe sendiri pun tidak mengamalkan begitu. Saya harap Yang Berhormat semua dapat menerima dengan baik. Kita cuba dulu dengan cara ini bermula pada Oktober.

Oleh sebab itu saya bersetuju untuk memberikan tempoh satu tahun untuk membuat *adjustment*. Misalnya, Yang Berhormat Bagan beri pandangan kepada saya, saya terima dengan baik. Kedai-kedai ubat Cina misalnya, *Chinese traditional medicine*. Kita kata, boleh teruskan kalau hendak jual di kedai ubat Cina tetapi kalau *liquor* yang tidak ada kena mengena dengan perubatan itu kenalah jual di tempat yang tertentu.

Akan tetapi kalau *liquor* yang digunakan dalam membuat prinsip perubatan, mereka masih boleh memohon dan mereka masih boleh diberikan lesen menjual *liquor* tertentu bagi tujuan kegunaan perawatan perubatan. Akan tetapi kedai ubat Cina hendak disamakan menjadi kedai menjual arak, tidak bolehlah. Jadi, saya harap dengan adanya garis panduan yang baharu, kita dapat mengawal keadaan menjadi lebih teratur. Yang Berhormat, oleh kerana saya telah mengambil masa yang terlalu banyak lebihnya, terima kasih kerana memberikan..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya minta penjelasan.



**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** ...peluang ini kepada saya, yang lain-lain ini, banyak ini, saya bertimbun-timbun lagi jawapan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bertulis.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya akan memberikan jawapan kepada setiap daripada 12 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan persoalan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM256,312,000 untuk Kepala B.32 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Belah bahagi.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Belah bahagi.

*[Lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta kira, boleh? Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seperti petua Tuan Yang di-Pertua pada 5 November 2020, saya tempohkan Mesyuarat Dewan selama 10 minit tetapi sebelum saya menempohkan, saya ingin memperingatkan semula senarai nama penghitung undi dan pemerhati.

Penghitung undi Blok A, Yang Berhormat Kota Bharu, pemerhati - Yang Berhormat Tanjong Malim. Penghitung undi Blok B, Yang Berhormat Rembau, pemerhati - Yang Berhormat Batu Gajah. Penghitung undi Blok C, Yang Berhormat Tasik Gelugor, pemerhati - Yang Berhormat Kangar. Penghitung undi Blok D1, Yang Berhormat Arau, pemerhati - Yang Berhormat Hulu Langat.

Penghitung undi Blok D2, Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Kluang, pemerhati - Yang Berhormat Sabak Bernam. Penghitung undi Blok E1, Yang Berhormat Muar, pemerhati - Yang Berhormat Pasir Mas. Penghitung undi Blok E2, Yang Berhormat Lumut, pemerhati - Yang Berhormat Jempol. Penghitung undi Blok F, Yang Berhormat Permatang Pauh, pemerhati - Yang Berhormat Pontian. Penghitung undi Blok G, Yang Berhormat Sungai Petani, pemerhati - Yang Berhormat Sibuti.

Ada pemakluman, dimaklumkan bahawa terdapat tiga orang Ahli Yang Berhormat di Blok A, Blok B dan Blok E2 yang dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) dan mereka telah memohon untuk berada di Dewan untuk mengundi mengikut SOP yang ditetapkan. Mereka akan berada di galeri awam semasa undian diadakan. Oleh itu, Yang Berhormat penghitung undi dan Yang Berhormat pemerhati di blok berkenaan akan memakai *face shield* dan naik ke atas galeri awam untuk mengambil undian Yang Berhormat berkenaan.

Selepas itu, barulah undian di blok masing-masing akan diambil oleh penghitung dan pemerhati tersebut. Sekian, terima kasih Yang Berhormat. Majlis ditempoikan.

*[Mesyuarat ditempoikan pada pukul 12.47 tengah hari]*

■1250

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 12.57 tengah hari]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Pengerusi:** Untuk memulakan pengundian, saya meminta Ketua-ketua...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, saya hendak...

**Tuan Pengerusi:** Apa lagi?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit mengenai dengan tiga orang yang ada di atas yang pakai PPE ini... *[Merujuk kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat mengenakan pakaian PPE, berada di Galeri Awam]* Atas apa alasan mereka dibenarkan masuk di dalam Parlimen? *[Dewan riuh]*

■1300

Bila mereka sudah ada kontak dekat. Apa alasan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Pengerusi:** Alasannya, alasannya kerana...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Sebagai Tuan Yang di-Pertua di sini...

**Tuan Pengerusi:** Duduk. Alasannya kerana mereka hendak mengundi. Pada hari Khamis lalu, pada hari Khamis lalu...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat...

**Tuan Pengerusi:** Dengarlah saya hendak cakap.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *You* kena dengar kita juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Dengarlah saya hendak cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tak adillah mana boleh macam ini. Apalah.

**Tuan Pengerusi:** Duduk. Kamu tanya, saya hendak jawab ini. Pada hari Khamis lalu, terdapat seorang MP daripada sebelah sini yang tidak mematuhi perintah kuarantin, dan datang mengundi. Saya tidak mahu perkara itu berlaku, lebih baik saya *regulate* pengundian ini.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Saya akan, ya. Okey. Okey duduk. Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapa dia ni?

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya akan mengambil tindakan. Akan tetapi, pada pengiraan saya, daripada orang tidak mematuhi perintah kuarantin, lebih baik saya *regulate* pengundian ini... *[Dewan Riu]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Come on-lah...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, betul-betul...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Tolonglah, tolong. Kita hendak mengundi ini. Kamu takut pengundian kah, kamu takut pengundian kah?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Halau keluar sahaja, halau keluar.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Mereka akan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh macam ini. Tak adillah...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Duduklah, kita hendak mengundi. Kita hendak mengundi... *[Dewan riuh]* Saya pohon penghitung-penghitung mengambil tempat masing-masing.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal keselamatan kami, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Undian macam ini tidak sah.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *This is not...*

**Tuan Pengerusi:** Kita hendak mengundi cepat ini. Kita hendak mengundi cepat-cepat supaya dia orang boleh keluar.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Macam ini tidak sah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Ini soal keselamatan kami...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pengerusi:** Mereka sebenarnya telah didapati negatif.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** *You're making a mockery of the law.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Shame on you* masalah Tuan Yang di-Pertua, *shame on you.*

**Tuan Pengerusi:** Minta penghitung-penghitung mengambil tempat. Saya juga memohon pemerhati-pemerhati supaya mengundi dahulu sebelum duduk di sebelah penghitung masing-masing.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua, yang kita minta biar Tuan Yang di-Pertua memberi penjelasan apa yang berlaku. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Itulah penjelasan saya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Bagi penjelasan yang jelas, apa yang berlaku.

**Tuan Pengerusi:** Penjelasan saya itulah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pengerusi:** Penjelasan saya itulah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Saya ingin sebutkan di sini, jangan gadaikan keselamatan Ahli-ahli Parlimen. Kami ada anak bini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Ini soal COVID-19.

**Tuan Pengerusi:** Itu sebab mereka pakai PPE.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu sebab mereka pakai PPE...

*[Tiga orang Ahli Yang Berhormat mengenakan pakaian PPE, berada di Galeri Awam]*

**Tuan Pengerusi:** Saya minta penghitung-penghitung dari blok yang berkenaan disertai dengan pemerhati supaya mengambil undi Ahli-ahli Parlimen yang di atas dahulu. Undian sekarang dijalankan. Penghitung-penghitung dari blok yang tidak terlibat, sila mengambil undi sekarang.... *[Dewan riuh]*

Undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

#### ■1310

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut:

Bersetuju 110... *[Tepuk]*

Tidak bersetuju 7.

Tidak mengundi 31.

Tidak hadir 72.

*[Masalah disetujukan]*

*[Kepala B.32 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Ahli-ahli Yang Bersetuju:**

1. YAB. Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
2. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
3. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
4. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
5. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
6. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
7. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tengah)
8. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof (Alor Gajah)
9. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
10. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
11. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
12. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa (Keterah)
13. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
14. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong)
15. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)
16. YB. Dato' Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
17. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong)
18. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
19. YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
20. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
21. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
22. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
23. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
24. YB. Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
25. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
26. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
27. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
28. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun (Titiwangsa)
29. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli)
30. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
31. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
32. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
33. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
34. YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau)
35. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
36. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
37. YB. Dato' Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
38. YB. Dato' Kamarudin Jaffar (Bandar Tun Razak)
39. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
40. YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj. Samsudin (Masjid Tanah)
41. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
42. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
43. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
44. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
45. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
46. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
47. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
48. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
49. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
50. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
51. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
52. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
53. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
54. YB. Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
55. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
56. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
57. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
58. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
59. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
60. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
61. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
62. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)

63. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
64. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
65. YB. Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir (Setiu)
66. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
67. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
68. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
69. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
70. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
71. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
72. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
73. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
74. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
75. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
76. YB. Datuk Mohamad bin Alamin (Kimanis)
77. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
78. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
79. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
80. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
81. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
82. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu (Tambun)
83. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
84. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
85. YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem (Serian)
86. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)
87. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya)
88. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
89. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
90. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
91. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
92. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
93. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
94. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
95. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
96. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
97. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
98. YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
99. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
100. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
101. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
102. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun (Beaufort)
103. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
104. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh (Sabak Bernam)
105. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
106. YB. Dato' Haji Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
107. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
108. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris (Libaran)
109. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
110. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)

**Ahli-ahli Yang Tidak Bersetuju:**

1. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
2. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Jerlun)
3. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
4. YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
5. YB. Datuk Christina Liew Chin Jin (Tawau)
6. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Segambut)
7. YB. Datuk Ignatius Darell Leiking (Penampang)

**Ahli-ahli Yang Tidak Mengundi:**

1. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
2. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
3. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
4. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
5. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
6. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
7. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
8. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
9. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)

10. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
11. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
12. YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)
13. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
14. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
15. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
16. YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
17. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
18. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
19. YB. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
20. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
21. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
22. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
23. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
24. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
25. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
26. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
27. YB. Tuan Ong Kian Ming (Bangi)
28. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
29. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
30. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
31. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)

**Ahli-ahli Yang Tidak Hadir:**

1. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
2. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
3. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
4. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
5. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
6. YB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
7. YB. Datuk Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
8. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
9. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
10. YB. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
11. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
12. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
13. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
14. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
15. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
16. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
17. YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)
18. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
19. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Lumut)
20. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
21. YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
22. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
23. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
24. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
25. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu)
26. YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
27. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
28. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
29. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
30. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
31. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
32. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
33. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
34. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
35. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan)
36. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Farkharudy (Kota Belud)
37. YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading)
38. YB. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
39. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
40. YB. Datuk Wira Haji Mohd Anuar Mohd Tahir (Temerloh)
41. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)
42. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
43. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)

44. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
45. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
46. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
47. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
48. YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
49. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
50. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
51. YB. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
52. YB. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
53. YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Kuala Langat)
54. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
55. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
56. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
57. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
58. YB. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
59. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
60. YB. Puan Fuziah binti Salleh (Kuantan)
61. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
62. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
63. YB. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri)
64. YB. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji (Raub)
65. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar)
66. YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)
67. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
68. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
69. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
70. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin (Sepang)
71. YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Tuaran)
72. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.32 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Kepala P.32 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]*

#### ■1320

#### **Kepala B.60 [Jadual] –**

#### **Kepala P.60 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Petani.

#### **1.21 tgh.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan dengan Butiran 010200 – Jabatan Hal Ehwal Veteran. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apabila sesuatu terjadi kepada seseorang perajurit, contoh kematian, apakah manfaat-manfaat yang perajurit dapat dan berapa lama mereka atau keluarga dia akan mendapat manfaat tersebut? Sebagai contoh, manfaat pencen, insurans atau lain-lain.

Sebab, saya ada satu kes, Prebet 1199753 Allahyarham Muhammad Faiz Harun yang telah pun meninggal sejak 25 Mac 2020. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab agar bilakah manfaat-manfaat yang sepatutnya dia dapat, dia dapat? Sebab, itu kalau sekiranya belum dapat, saya hendak tanya apakah sebab-sebabnya kelewatan berlaku? Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 020000 – Pertahanan Negara. Semua orang malah di *social media* dan umum mengetahui bahawa dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019 telah membangkitkan tentang enam buah kapal peronda generasi kedua di mana enam buah ini telah pun dipesan oleh kerajaan. Akan tetapi, soal yang saya hendak tanya ini ialah disebut ada kelewatan yang amat luar biasa.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah syarikat manakah yang diberikan kerajaan untuk menguruskan pembinaan enam buah kapal peronda generasi kedua ini? Berapakah nilai yang diberikan kepada mereka? Apakah tahap-tahap penyerahan yang sepatutnya mereka berikan kepada kita? Kalau lewat, apakah tindakan-tindakan yang telah pun diambil kepada kontraktor-kontraktor ini?

Ketiga, tentang *land swapping*. Saya rasa telah pun dibangkitkan oleh beberapa kali dalam Dewan ini tetapi saya hendak ulangi sekali lagi bahawa 12 daripada 16 *land swap* yang dilaksanakan secara runding terus, kita perhatikan ada yang bermasalah. Jadi, *land swapping* ini kebanyakannya untuk projek merupakan pembinaan infrastruktur, bangunan kediaman, rumah angkatan tentera dan lain-lain lagi.

Jadi, saya hendak tanya, apa yang berlaku kepada projek-projek ini? Sebab, saya difahamkan ada syarikat-syarikat yang telah pun diberikan *land swapping* ini tidak memenuhi kriteria-kriteria yang telah pun disebut. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri sebutkan mana-mana syarikat yang memang tidak mempunyai kriteria dan apakah tindakan-tindakan yang telah pun diambil terhadap mereka?

Seterusnya ialah tentang Butiran 030000 – Program Khusus. Tuan Pengerusi, kalau dahulu pada lewat tahun 90-an, kita bangga dengan tindakan angkatan tentera kita yang mengadakan program-program Jiwa Murni di mana tentera turun ke padang *repair* jambatan, *repair* rumah orang-orang miskin, betulkan sungai dan banyak lagi khususnya di Sabah dan Sarawak.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah program-program ini diteruskan sekarang? Kalau diteruskan, saya yakin bukan sahaja kita boleh merapatkan anggota tentera dengan masyarakat tetapi kita akan melihat bagaimana perbelanjaan dapat dikurangkan khususnya di kawasan-kawasan majlis daerah ataupun PBT di mana tentera akan melibatkan diri mereka dalam projek-projek ini dan sekali gus mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Saya hendak tanya, adakah Program Jiwa Murni ini diteruskan? Kalau diteruskan, di manakah program-program dan projek-projek ini diadakan?

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita telah pun membeli banyak peralatan senjata dan sebagainya. Adakah kerajaan mempunyai program untuk buat R&D untuk Malaysia menghasilkan *light armament* ataupun senjata ringan seperti pistol, *rifle* dan lain-lain? Ini kerana sepanjang tahun kita membelanjakan jumlah yang begitu banyak.

Adakah sampai masanya yang kerajaan memperuntukkan sebahagian daripada perbelanjaan kita untuk R&D dan kita sendiri boleh *produce* senjata yang ringan ini dan akhirnya bukan sahaja untuk kegunaan kita tetapi juga boleh untuk kita eksport ke negara lain? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sebelum kita teruskan, usul Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

1.27 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Yang di-Pertua,

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan Mesyuarat 12(1) terdahulu iaitu pada hari Khamis, 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa, 15 Disember 2020.”

Terima kasih.



**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Pengerusi:** Kita sambung perbahasan. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Pontian.

**1.28 tgh.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara. Pertama ialah tentang Butiran 020400 – Pertahanan Udara yang diturunkan peruntukannya daripada RM2.5 bilion kepada RM1.735 bilion. Saya ingin bertanya, mengapa kurang?

Seterusnya ialah mengenai Pangkalan Udara Sungai Besi. Kita tahu ia terletak di atas 486 ekar dan ia tidak sesuai daripada segi operasi dan keselamatan. Oleh sebab itu, ia telah dipindahkan. Pemindahan ini telah dilakukan oleh 1MDB ke Pangkalan Udara Sendayan 750 ekar dan Pangkalan Udara PDRM Subang yang tiga kali lebih besar dengan segala kemudahan.

Saya ingin bertanya, adakah Kementerian Pertahanan berpuas hati terhadap prestasi yang dibuat oleh 1MDB untuk pemindahan itu dan juga yang telah menyelesaikan naik taraf Pangkalan Udara Gong Kedak, Pangkalan Udara Butterworth, Pangkalan Udara PDRM Ipoh? Saya ingin bertanya, adakah sudah siap Pangkalan Udara Kuantan yang ingin dinaik taraf, Pangkalan Udara Subang dan Rejimen Artileri Diraja Kajang?

Perkara seterusnya ialah mengenai pengoperasian di ESSCOM di ESSZONE yang diturunkan juga daripada RM101 juta diturunkan kepada RM92 juta. Kita tahu pada 12 Februari 2013 di Kampung Tanduo, Felda Sahabat 17, Lahad Datu, Sabah, terkorban seramai lapan orang polis dan dua orang tentera dan ia melibatkan serangan apa yang dipanggil oleh Tentera Diraja Kesultanan Sulu. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang berlaku sekarang ini di ESSZONE dan ESSCOM? Bagaimana tahap keselamatannya?

■1330

Saya ingin jawapan daripada kementerian secara rasmi. Adakah segala-galanya ini sandiwara sebagaimana ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyebut? Apakah tindakan dan hukuman yang telah dilaksanakan terhadap mereka yang terlibat?

Perkara ketiga, Butiran 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Ini tahniah kerana Menteri telah meningkatkan peruntukan daripada RM210 juta kepada RM301 juta. Apakah status terkini daripada segi tempat, daripada segi rumah yang telah siap dibina di mana ya? Itu yang ingin saya tanyakan.

Seterusnya, Butiran 010100 – Pengurusan Am, berjumlah RM520 juta dinaikkan kepada RM577 juta. Saya ingin menyentuh tentang PLKN. PLKN ini kita tahu bahawa ada lima tujuan. Generasi muda, patriotik dan cinta kepada negara, itu yang pertama. Kedua, generasi muda untuk mengeratkan perpaduan dalam semangat pelbagai kaum. Ketiga, generasi muda supaya prihatin dan mengamalkan sikap kesukarelaan. Keempat, generasi muda yang cerdas dan cergas dan yang kelima, watak-watak positif dengan nilai-nilai murni. Ada 79 buah kem ditutup, 3,000 orang pekerja. Apakah isu yang sebenarnya ya?

Apabila telah diumumkan pada bulan Februari/Mac 2018 bahawa ada PLKN 2.0 dengan aspek pertahanan dan keselamatan negara, aspek kemahiran seperti komputer dan keusahawanan tetapi kenapa ia ditutup? Apakah isunya? Saya ingin mencadangkan agar PLKN ini dikaji semula untuk diadakan sekali lagi dan dihidupkan semula PLKN yang telah memberikan lima tujuan dan objektif utama kepada generasi muda.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Lualan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Seterusnya ialah Butiran 01200 – Penyelidikan dan Pembangunan Pertahanan (Lain-lain). Yang Berhormat Muar boleh bercakap kemudian lah ya.

Saya ingin bertanya tentang King Salman Centre for International Peace (KSCIP) ...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** 10 saat sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...Ditutup iaitu pusat keamanan antarabangsa, ditutup pada Ogos 2018. Bilakah ia akan dibuka dan adakah ia akan dibuka? Berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan pertahanan ini ialah Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN pada 9 Disember 2020, baru-baru ini. Disebut sebagai ada lima inisiatif, *One ASEAN One Response*. Apakah yang utama? Apakah cabaran kini di kawasan ASEAN ini? Apakah cabaran pertahanan di negara kita Malaysia? Adakah kita boleh tidur lena Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan keadaan-keadaan yang berlaku? Kita ingin lebih kurang bolehkah kita tidur lena, pertahanan kita terjamin dan juga kawasan ASEAN adalah terjamin.

Seterusnya, yang akhir ialah aset RM109 juta, ingin penjelasan. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ada menyebut tentang *land swap*. Saya ingin tahu tentang perkara ini. Adakah ia telah selesai? Apakah isu yang dibangkitkan dan apakah perkara yang sebenarnya? Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Sekejap sahaja Yang Berhormat. Boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ada masa sedikit.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Adakah Yang Berhormat dalam mencadangkan untuk menghidupkan semula PLKN ...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** ...Untuk meneruskan skop yang sama, yang memakan dana dalam RM700 juta ke RM800 juta setiap tahun? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** PLKN 2.0 telah ditamatkan. Mula-mula kita ada PLKN 1.0 daripada pembacaan saya, daripada maklumat yang diberikan. Selepas itu PLKN 2.0 tidak sempat dilaksanakan, ditamatkan. Kemudian saya kira kalau hendak buka lagi PLKN 3.0 mungkin kosnya boleh dikurangkan agaknya, mungkin jumlah pelajar ataupun generasi muda yang terlibat mungkin boleh ditambah dan pelbagai lagi manfaat yang boleh diadakan semula. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Seterusnya Yang Berhormat Kota Raja.

### 1.33 ptg.

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, Butiran 01200 – Penyelidikan dan Pembangunan Pertahanan (Lain-lain). Apabila saya bertemu dengan Menteri-menteri Pertahanan dari negara-negara ASEAN dan sudah tentulah negara-negara yang mempunyai kuasa veto di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kita tidak boleh bandingkan dengan mereka. Akan tetapi peruntukan kepada penyelidikan dan pembangunan pertahanan di Malaysia amat rendah. Saya letakkan amat rendah.

Apabila kita berbual, berbincang dengan Menteri Pertahanan negara-negara ASEAN yang lain, apabila saya tanya berapa peruntukan untuk penyelidikan seperti kita di STRIDE, kita hendak menyebut angka kita itu, kita rasa segan kerana peruntukannya itu terlalu rendah. Ini disebabkan peruntukan kepada penyelidikan terutamanya STRIDE dan sebagainya perlu dipertingkatkan sebab keperluan pertahanan ini tetap ada walaupun aman ataupun berperang. Dalam keadaan aman, kita bersedia untuk berperang. Dalam keadaan berperang, kita hendaklah bersedia untuk aman. Ini adalah yang selalu difahami dalam hal pertahanan.

Sekarang ini pula soal penyelidikan yang paling penting untuk kita ada dron UAV dan sebagainya, perkara-perkara yang cukup penting dalam sistem pertahanan sekarang ini. Sekarang ini melalui peralatan ini dapat ditinjau dari jauh kalau ada musuh-musuh yang datang atau cuba datang atau mereka merancang untuk datang boleh dikesan melalui alat-alat pertahanan moden ini.

Oleh sebab itu bagi saya, STRIDE perlu diangkat martabat, bekerjasama dengan UPNM untuk membuat penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang. Janganlah kita melihat dari sudut peruntukan kepada penyelidikan ini dari sudut untung rugi tetapi kena dilihat dari sudut pertahanan dan keamanan yang perlu dijaga setiap waktu dan setiap masa.

Oleh sebab itu dengan RM26 juta ini, saya rasa terlalu kecil pada zaman ini kalau hendak dilihat Malaysia berada di kawasan perairan iaitu pertemuan di antara Laut Pasifik, Selat Melaka yang begitu sibuk, Laut China Selatan dan sebagainya, perlu kepada penyelidikan yang lebih hebat untuk menjaga sistem pertahanan Malaysia sekarang dan pada masa yang akan datang.

Kedua, Butiran 030400 – Pengoperasian di ESSZONE. Juga peruntukannya terlalu kecil sebab kita tahu Sabah sekarang ini ia berdepan dengan Laut China Selatan dan juga berdepan dengan perairan Filipina. Maka di sini kita lihat kesan-kesan awal hendak diketahui supaya serangan-serangan kalau ada sama ada *pirate* kah ataupun mereka yang terlibat untuk melakukan jenayah dapat dikesan lebih awal. Oleh itu kita hendaklah memperbanyakkan bot-bot laju FIC dan sebagainya.

Apa yang ada sekarang saya yakin ia tidak cukup, bahkan kalau dicampurkan dengan yang rosak dan sebagainya, kalau ditanya oleh negara lain, kita takkan beritahu berapa yang kita ada, yang bersiap siaga untuk menjaga perairan yang begitu penting. Oleh itu, peruntukan ini terlalu sedikit kerana perairan itu begitu penting.

Tambahan pula Laut China Selatan sekarang menjadi kawasan pertarungan kuasa-kuasa besar. Malaysia sebuah negara berkecuali hendaklah memainkan peranan lebih hebat lagi untuk menjaga keselamatan dan ESSZONE ini yang peruntukannya sebegitu, saya nampak ia terlalu kecil kalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang kita jangka perlu ditangguhkan dahulu yang lain-lain ataupun peruntukan-peruntukan propaganda kepada pemerintah seperti JASA dan sebagainya. Itu boleh ditiadakan atau dikurangkan tetapi peruntukan keselamatan ini mahu tidak mahu mesti ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kita lihat sekarang ini industri pertahanan, Malaysia yang memulakan hebat dalam industri pertahanan. Akan tetapi sekarang kita lihat, pertahanan yang memacu ke hadapan ialah Vietnam, Indonesia sudah ada kolaborasi untuk membuat kapal selam. Mereka membuat kapal terbang dan sebagainya. Kita memulakan tetapi kita tertinggal di belakang. Oleh itu kita harap kerajaan yang ada ini memang mereka kata ada duit dan di sini perlu ditumpukan.

Memang soal keselamatan ini kita tidak boleh lihat untung macam kementerian lain tetapi ia adalah kewajipan. Ini kerana ia cukup penting, kita tidak mahu tentera-tentera kita tertinggal di sudut menggunakan teknologi baharu khususnya dalam bentuk dron UAV dan sebagainya untuk mengesan kehadiran musuh ataupun menjaga keselamatan negara supaya sentiasa aman dan tenteram. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Seterusnya Yang Berhormat Pasir Mas.

**1.39 tgh.**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya mulakan dengan soalan di bawah perbelanjaan mengurus dengan penurunan sebanyak RM1.141 bilion iaitu hampir 68.7 peratus anggaran perbelanjaan tersebut ditumpukan kepada item emolumen. Perbelanjaan emolumen ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM352,771,100 berbanding tahun sebelumnya. Jadi siapakah yang mendapat manfaat di bawah emolumen gaji ini? Adakah peningkatan ini memberikan signal untuk pertambahan jumlah pekerja di bawah Kementerian Pertahanan?

■1340

Kemudian, untuk perbelanjaan bangunan bagi item perkhidmatan dan bekalan, menunjukkan satu peningkatan yang signifikan iaitu sebanyak RM1.9 bilion atau sebanyak 13 kali ganda lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, item aset menunjukkan penurunan sebanyak RM508.34 juta. Jadi, persoalannya adakah aset semasa negara berada pada tahap kukuh pada ketika ini sehingga peningkatan ditumpukan penuh kepada perkhidmatan dan bekalan? Kemanakah anggaran perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sebanyak 13 kali ganda berbanding tahun

sebelumnya ini akan disalurkan? Bahagian atau jabatan manakah yang akan mendapat manfaat terbesar daripada dana yang akan dibelanjakan ini?

Kemudian, yang berikutnya ialah di bawah Butiran 020000 – Pertahanan Negara. Mengapakah anggaran perbelanjaan bagi pertahanan darat, maritim dan udara memperlihatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya, sedangkan ketiga-tiga bahagian ini telah memainkan peranan signifikan dalam memastikan pertahanan negara, bukan hanya terjaga dari sudut serangan fizikal tetapi juga kemasukan pendatang asing tanpa izin dalam membendung penularan wabak COVID-19? Bukankah setiap sektor ini memerlukan perhatian yang lebih khusus pada tahun 2021? Dalam perbelanjaan “One-Off”, bagaimanakah perbelanjaan “One-Off” ini akan disalurkan? Siapakah yang akan menerima manfaat dan mengapakah bantuan ini tidak diberikan kepada sektor pertahanan darat?

Berikutnya, saya merujuk kepada satu pembentangan dalam perbincangan belanjawan bulan November lalu. Yang Berhormat Menteri Pertahanan ada mengatakan bahawa negara kita memperuntukkan sebanyak RM74 juta untuk penyelidikan pertahanan di Malaysia iaitu peruntukan tersebut disalurkan kepada STRIDE, disebut sebahagiannya oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi. Jadi, saya merujuk pada satu dokumen yang dikemas kini pada 28 Januari 2020, disediakan oleh Congressional Research Service: Government Expenditures on Defense Research and Development by the United States and other OECD Countries. Di mana dokumen ini membuat kajian berkaitan negara-negara dan peruntukan tahunan bagi R&D bahagian pertahanan negara. Hasil daripada kajian tersebut Tuan Pengerusi, ada menyenaraikan negara-negara dan peruntukan bagi R&D tahunan. US telah memperuntukkan sebanyak USD55.4 bilion hanya untuk R&D sahaja. South Korea sebanyak RM3 bilion, Jepun sebanyak RM1.1 bilion, Australia sebanyak RM358 juta dan banyak lagi senarai dikemukakan. Pada masa yang sama, mungkin ia tidak boleh dibandingkan dengan *apple to apple* tetapi KDNK yang berbeza tetapi dalam kajian itu juga disebut peratusan peruntukan R&D pertahanan daripada GDP negara.

Sebagai contoh, Canada, Estonia, Jepun, Finland, Sweden, German, Norway, telah memperuntukkan lebih 0.01 peratus daripada keseluruhan KDNK pada tahun 2017 untuk R&D pertahanan. Namun begitu di Malaysia, seperti yang dinyatakan kita hanya memperuntukkan RM1 juta sahaja untuk menyediakan pertahanan setahun. Bukan sahaja nilainya itu kecil tetapi seandainya dibandingkan dengan keseluruhan KDNK di Malaysia, kita hanya memperuntukkan sebanyak lebih kurang 0.0003 peratus sahaja untuk bidang penyelidikan pertahanan negara.

Saya juga cakna bahawa RMKe-12 akan memperuntukkan perbelanjaan lebih untuk bidang penyelidikan pertahanan negara seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pertahanan. Saya mengharapkan peruntukan daripada perbelanjaan ini dapat diberikan dengan penuh adil dan bijaksana, terutama pada bidang penyelidikan.

Begitu juga di bawah Butiran 30000 – Aset. Ingin saya menyentuh berhubung isu LCS yang sehingga kini masih tidak jelas hala tujuhnya oleh Kementerian Pertahanan. Secara peribadinya, saya dapat merasakan bahawa RM9 bilion telah dilaburkan oleh kerajaan tidak akan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Kita tahu bahawa hala tuju baharu yang akan ditentukan oleh Kementerian Pertahanan tetapi untuk mencapai sasaran sebanyak enam buah LCS yang telah ditetapkan itu, mustahil akan dapat dilaksanakan. Justeru, saya ingin membangkitkan isu ini walaupun mungkin ia sudah berlaku, ia sudah berlaku itu berlaku tetapi untuk ke depan ini, Kementerian Pertahanan perlu lebih cermat untuk memastikan perkara-perkara ini diteliti terlebih dahulu. Mustahil satu perkara yang begitu besar, pelan kapal tak siap lagi tetapi kontrak sudah ditandatangani. Orang kampung saya nak buat kadang lembu, kandang kambing pun siap pelan dulu barulah mereka boleh mulakan pembinaan. Ya, kita bukan hendak mencari pihak yang boleh kita salahkan tetapi selepas daripada ini, kita hendak pastikan semua pihak kena ingat, ini wang negara. Kita berbincang dalam Laporan Ketua Audit Negara, sungguh menyedihkan. Bagaimana wang negara seolah-olah dipergunakan ataupun dilaburkan dengan—saya gunakan istilah, dengan cara yang paling tidak cerdik oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi, oleh yang demikian, kita mahukan selepas daripada ini, bukan sahaja Kementerian Pertahanan tetapi kementerian-kementerian lain, kita tidak mahu mendengar rundingan-rundingan yang sangat tidak patut seperti ini berlaku lagi di dalam kerajaan.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya minta sedikit lagi iaitu isu PLKN. Menteri Pertahanan menyebut PLKN akan diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan. Ya, saya setuju. Saya juga ingin memberikan cadangan penambahbaikan iaitu pihak Kor

Agama Angkatan Tentera (KAGAT), agama dalam angkatan tentera ini dilibatkan juga untuk memastikan aspek pendidikan rohani, dimasukkan di dalam PLKN supaya selain daripada kekuatan fizikal dan juga mental tetapi kita masukkan juga pendidikan rohani kepada anak-anak muda kita supaya nanti PLKN bukan sahaja akan membentuk remaja yang mempunyai ketahanan fizikal dan kefahaman tentang Dasar Negara tetapi mereka juga tahu bahawa tanggungjawab mereka selain daripada suara rakyat kepada negara bernama Malaysia tetapi juga yang Muslim, sudah tentu merupakan tanggungjawab hamba kepada Allah SWT.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat SibU, silakan.

**1.46 ptg.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan 60, Butiran 040200 – Pertahanan Udara; dan juga Bekalan 60, Butiran (Tentera Laut) 00400 – Kelengkapan; serta Butiran (Tentera Darat) 00200 – Kelengkapan.

Tuan Pengerusi, kita semua sedar bahawa ada pesawat pengintipan Amerika Syarikat yang menyamar pesawat Malaysia menjalani misi pengintipan di Laut Cina Selatan. Jadi, saya ingin meminta kerajaan menyatakan berapa kali pesawat pengintipan Amerika Syarikat AE1CE menyamar sebagai pesawat Malaysia, selain daripada bulan September 2020 untuk menjalani misi pengintipan di Laut Cina Selatan? Selain itu juga, lokasi pengintipan itu dilakukan. Jadi, apakah kawasan tersebut juga merupakan kawasan tuntutan negara kita? Sudahkah kerajaan mengemukakan bantahan secara rasmi kepada Amerika Syarikat kerana mereka telah menyamar pesawat pengintipan mereka menggunakan kod transponder Malaysia? Ini merupakan satu perkara yang serius. Saya rasa tindakan Amerika Syarikat telah menindas kedaulatan negara kita. Sekiranya kita tidak membantah, seolah-olah menyatakan kita takut kepada negara kuat. Jangan kita menyerahkan perkara ini kepada pihak negara China untuk bertindak dan menyerahkan bantahan tetapi kita juga mesti menyerahkan bantahan kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang LCS. Memandangkan kerajaan telah memutuskan menyelamatkan projek *littoral combat ship* (LCS) yang telah membelanjakan sebanyak RM6 bilion. Berapakah dana penyelamat akan diperuntukkan lagi untuk membina semua enam buah kapal tersebut? Selanjutnya, saya ingin mengetahui bilakah perolehan susulan kapal peronda kelas rendah akan dilaksanakan? Ini kerana projek ini juga lama tertunggak. Saya juga difahamkan bahawa perolehan Gempita AV8 (*amphibious multirole armoured vehicle*) yang telah menelan beberapa bilion ringgit telah dijalankan banyak tahun juga. Saya ingin menggesa kementerian membentangkan laporan pengauditan Program Gempita AV8 yang dijalankan pada bulan Ogos sehingga bulan September 2020 kepada Dewan Rakyat yang mulia ini.

Ahli-ahli Parlimen ingin mengetahui pengurusan kewangan projek ini untuk memastikan tiada penyelewengan dalam pengurusan kewangan projek ini.

Selain itu, saya difahamkan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sedikit, Yang Berhormat. Yang Berhormat SibU, boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Boleh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih kerana—Tuan Pengerusi. Yang Berhormat SibU tadi membangkitkan isu pengauditan dan pengurusan kewangan. Saya ingin membangkitkan juga dari segi pembelian kapal tempur pesisir pantai LCS. Oleh kerana dalam peringkat PAC, kita juga menyiasat pembelian yang daripada tahun 2012, Menteri Pertahanan ketika itu daripada Yang Berhormat Bagan Datuk dan diwujudkan jawatankuasa khas untuk menyiasat bagaimana perbelanjaan. Ini kerana sampai hari ini, kita tidak ada satu pun *littoral combat ship* yang siap. Maka, baru-baru ini pada bulan November 2020, Boustead Heavy Industries telah membuat laporan kepada SPRM kerana ada salah guna kuasa dan juga beberapa *irregularities* dalam projek ini.

■1350

Namun, dalam sesi soalan daripada anggota PAC, SPRM mengumumkan dan memaklumkan tidak ada salah guna kuasa ataupun sebarang *incidence of transgression*

*of the law*. Jadi, saya hendak minta kalau boleh dalam celahan ini dijawab juga oleh Kementerian Pertahanan kerana melibatkan sudah RM6 bilion. Terima kasih Yang Berhormat SibU dan Tuan Pengerusi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Okey, terima kasih. Jadi, saya harap kementerian boleh menjawab soalan Yang Berhormat Permatang Pauh juga. Selain itu, saya difahamkan kementerian juga telah mula memperoleh pesawat tempur ringan dan *unmanned aerial vehicle*. Saya ingin tahu adakah tender antarabangsa akan dilaksanakan dalam perolehan ini?

Tuan Pengerusi, nampaknya begitu banyak masalah dalam pembelian aset Kementerian Pertahanan. Saya rasa sudah tiba masanya kita menubuhkan satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen untuk memantau proses-proses pembelian aset Kementerian Pertahanan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat SibU. Sila Yang Berhormat Sik.

**1.51 ptg.**

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meneruskan untuk perbincangan Kementerian Pertahanan. Butiran 010200 – Jabatan Hal Ehwal Veteran. Saya ingin mohon penjelasan beberapa perkara berkaitan butiran ini khususnya berkaitan dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera serta operasi-operasi syarikat di bawahnya khususnya ketika berhadapan dengan cabaran ekonomi semasa. Bagaimana prestasi semasa syarikat-syarikat tersebut? Berapa keuntungannya serta agihan dividen yang bakal diperoleh oleh ahli-ahlinya sepanjang tahun 2020?

Saya juga ingin mendapatkan statistik ahli-ahli veteran yang berpendapatan di bawah paras kemiskinan, ahli-ahli yang mengalami sakit kronik serta mereka yang memerlukan bantuan yang berterusan, begitu juga kepada ahli-ahli yang masih tidak mempunyai rumah sendiri dan sebagainya. Apakah langkah yang menyeluruh yang telah dirangka pihak kementerian bagi menangani permasalahan kebajikan ahli-ahli veteran ini?

Seterusnya Butiran 020200 – Pertahanan Darat. Saya bangkitkan mengenai isu pertahanan di sempadan negara iaitu bagaimana ingin kementerian melihat suatu pasukan yang kukuh dan yang utuh, kita menghadapi ancaman di sempadan negara. Saya mohon perhatian pihak kementerian untuk mengkaji keperluan bagi mewujudkan kem tetap sempadan di Gubir, Sik supaya kita mempunyai tambahan markas-markas yang khusus di sempadan Malaysia-Thailand.

Perkara ini penting untuk dipertimbangkan bersama kerana kita sedia maklum isu-isu sempadan yang telah berlaku sebelum daripada ini, antaranya kes pembolosan di sempadan Wang Kelian, Perlis selain isu-isu yang melibatkan pemerdagangan manusia yang pernah berlaku di Bukit Wang Burma, Perlis beberapa tahun yang lalu.

Seterusnya, Butiran 020300 – Pertahanan Maritim. Saya ingin juga membangkitkan persoalan yang sama yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli Parlimen iaitu berkaitan kelewatan projek kapal pesisir pantai LCS. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa ada tiga opsyen yang telah dilihat oleh kementerian untuk memastikan projek ini dapat diteruskan. Sudah pastilah saya mohon untuk ketiga-tiga opsyen ini keutamaannya ialah pastinya tidak melibatkan lagi pembaziran wang kerajaan.

Kedua, memastikan bahawa segala perolehan ataupun kewangan negara itu tidak dibazirkan.

Ketiga sudah pastilah peralatan-peralatan ketenteraan termasuk kapal LCS ini dapat dibekalkan oleh pihak kontraktor dengan seperti mana yang telah pun dimuktamadkan dalam kontrak yang dibuat sebelum ini. Kita tidak mahu melihat bahawa projek ini menjadi projek gajah putih dan projek yang akan menyebabkan seolah-olah kita kalah sebelum berperang. Projek ini sangat penting khususnya untuk pertahanan maritim kita di Laut China Selatan dan juga di sempadan-sempadan negara.

Seterusnya berkaitan dengan yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 020400 – Pertahanan Udara. Saya ingin membangkitkan persoalan projek pengurusan pembangunan penempatan semula Markas Unit Tentera Udara Diraja Malaysia dan Tentera Darat di Pangkalan Udara Kuala Lumpur khususnya projek yang belum siap di PU Subang, PU Sendayan dan PU Kuantan yang telah dilaporkan dalam Laporan Audit

Negara Tahun 2019 yang dilihat ada beberapa kelemahan dalam aspek perancangan awal iaitu tidak ada maklumat asas kelulusan pelantikan syarikat induk.

Tiada maklumat asas penetapan kos projek RM2.6 bilion yang diputuskan dan penyediaan *project brief* yang tidak lengkap dan jelas dan dilaporkan oleh Laporan Audit bahawa skop kerja pembinaan kolam latihan *underwater escape training* di PU Subang serta kerja tidak mengikut spesifikasi serta kualiti kerja, pembinaan dan penyelenggaraan yang kurang memuaskan. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sila Yang Berhormat Kalabakan.

#### 1.56 ptg.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk membahas Kementerian Pertahanan.

Peruntukan mengurus Kementerian Pertahanan telah berkurang daripada RM12.4 bilion kepada RM11.35 bilion. Walau bagaimanapun telah berlaku peningkatan yang ketara bagi peruntukan pembangunan bagi perkhidmatan dan bekalan iaitu sebanyak RM1.9 bilion yang mana peruntukan keseluruhan bagi MinDef berjumlah RM15.86 bilion berbanding tahun 2020 sebanyak RM15.43 bilion.

Saya ingin menyentuh Bekalan 60 Butiran 010200 –Jabatan Hal Ehwal Veteran. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana tidak melupakan jasa dan pengorbanan para veteran Angkatan Tentera Malaysia dengan kenaikan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Kedua, saya ingin mendapatkan status terkini berkenaan Program Penempatan Pekerjaan bagi veteran ATM yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dan pencapaian Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dalam membantu bakal dan veteran ATM mendapatkan pekerjaan.

Ketiga, seterusnya selain daripada bantuan sebanyak RM500 juta pada bulan April yang lalu, apakah rancangan jangka panjang kementerian untuk membantu bekas perajurit yang tidak berpencen demi memastikan kumpulan ini diambil berat sejajar dengan cabaran ekonomi semasa?

Keempat, berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi membaik pulih rumah veteran ATM bagi tahun 2021?

Seterusnya saya menyentuh Bekalan 60 Butiran 020000 – Pertahanan Negara. Pertama, peruntukan bagi perkhidmatan dan bekalan bagi ketiga-tiga sektor pertahanan negara iaitu darat, maritim dan udara telah mengalami pengurangan peruntukan lebih daripada separuh berbanding tahun 2020.

Kedua, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan pengurangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan peruntukan bagi pembangunan yang besar bagi selenggaraan dan naik taraf aset-aset utama Angkatan Tentera Malaysia.

Ketiga, oleh yang demikian, saya ingin bertanya, adakah dengan langkah pengurangan daripada perbelanjaan mengurus dan kenaikan kepada perbelanjaan pembangunan ini akan membuka lembaran baharu kepada proses perolehan dan pengurusan aset pertahanan negara yang lebih telus, cekap dan bersih?

Baru-baru ini Laporan Audit Negara Tahun 2019 mendedahkan bahawa perolehan dan pengurusan empat Aset X iaitu aset angkut taktikal milik TUDM yang digantikan dengan Aset Y telah melibatkan implikasi kewangan yang tinggi sebanyak RM3.574 bilion. Malah, perolehan enam kapal *littoral combat ship* atau LCS berjumlah RM9 bilion yang dibuat semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah terus mendapat perhatian umum dengan pelbagai isu yang melanda sehingga memberikan kesan negatif ke atas kesiapsiagaan pertahanan negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Jawatankuasa]*

#### ■1400

Sehubungan dengan itu, saya memohon agar kementerian dapat menjelaskan langkah-langkah pembaharuan yang dibuat oleh kementerian sejajar dengan Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang menekankan berkenaan perolehan peralatan dan aset ketenteraan yang memenuhi keperluan ATM dalam mempertahankan kepentingan negara dan aspirasi rakyat. Saya juga ingin bertanya. Adakah kementerian boleh mempertimbangkan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan yang berkebolehan dalam membekalkan peralatan dan kenderaan (*armoured vehicle*) kepada syarikat-syarikat tempatan ini kepada Kementerian Pertahanan?

Saya juga ingin menyentuh bekalan B60 Butiran 020200 - Pertahanan Darat. Saya ingin tahu status mengenai cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah sebelum ini mengenai pemindahan kekuatan tentera, Kem Lok Kawi ke Pantai Timur Sabah atau adakah kerajaan sedang merancang untuk membangunkan sebuah kem tentera yang baharu di Pantai Timur Sabah bagi menangani ancaman keselamatan seperti jenayah rentas sempadan, serangan lanun dan sebagainya? Seterusnya, saya ingin tahu sejauh mana pembangunan teknologi ketenteraan tentera darat sejajar dengan pembangunan teknologi digital semasa dan IR4.0 dan berapakah peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini?

Saya juga ingin menyentuh Bekalan B60 Butiran 020300 – Pertahanan Maritim. Idea menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim telah diperkukuhkan sejak Rancangan Malaysia ke empat apabila kerajaan pada waktu itu telah menzahirkan hasrat untuk mencapai status negara maritim. Namun, setelah 40 tahun, aset pertahanan maritim yang kita miliki masih jauh ketinggalan berbanding negara serantau. Sasaran untuk menjadikan Malaysia mencapai status negara maritim, masih belum tercapai.

Terakhir, memandangkan ancaman daripada perairan negara yang semakin mencabar, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah penilaian semula yang dibuat oleh ATM bagi memastikan strategi pertahanan negara dimantapkan sebaiknya sejajar dengan perubahan ekonomi dan geopolitik semasa? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau.

#### 2.02 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, *Bismillahi Rahmani Rahim*. Pertama sekali, saya hendak bahas Butiran 010000 – Pengurusan. Di bawah pentadbiran kerajaan PH dahulu, banyak aset negara telah dijual atas alasan kononnya untuk membayar hutang. Akan tetapi kita tahu bahawa hutang tidak berkurangan tetapi ianya bertambah.

Jadi, alasan ini tidak munasabah iaitu kenapa aset negara dijual? Walaupun ada pihak pembangkang cuba merujuk saya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana saya tuduh mereka berhutang, tidak ada masalah. Saya hendak bagi tahu bahawa kalau sekiranya saya tuduh RM130 bilion itu tidak betul, bagi tahu apa yang betul. Akan tetapi memang berhutang berlaku.

Keduanya ialah amanah perajurit juga turut dinoda oleh PH. Antaranya adalah aset milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang dimiliki oleh anak syarikatnya, Boustead Holding Berhad. Aset yang dijual ialah pertama Hotel Royale Chulan, Bukit Bintang Kuala Lumpur kepada Hotel Royale Ltd., syarikat yang disenaraikan di Singapura dengan nilai RM197 juta.

Keduanya ialah menjual syarikat petrolnya iaitu BHP Petrol dengan harga RM1.3 bilion. Penjualan ini ialah bagi saya merupakan satu pengkhianatan kepada anggota tentera. Di bawah pentadbiran BN dahulu, selama sembilan tahun berturut-turut Boustead tidak pernah mengalami kerugian.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dan bercadang. Pertama, adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji semula urusan pembelian tersebut memandangkan kita agak risau kerana berlakunya konflik berkepentingan bagi tujuan mendapat keuntungan. Keduanya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk membeli semula aset tersebut. Ketiganya apakah perancangan strategi pihak kementerian bagi memulihkan semula struktur kewangan dan juga perniagaan di bawah kelolaan LTAT bagi membolehkan ia mencapai keuntungan yang berganda. Keempat, apakah pihak kementerian akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat penjualan tersebut.



Berikutnya ialah Butiran 020300 - Pertahanan Maritim. Tuan Pengerusi, kita lihat terdapat penurunan, pengurangan iaitu daripada RM2.04 bilion pada tahun 2020 diturunkan kepada RM1.57 bilion pada tahun 2021 iaitu penurunan sebanyak RM477 juta. Saya tidak pasti bahagian mana yang dikurangkan. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apakah wajar penurunan ini dibuat? Oleh sebab kita tahu maritim terutamanya memerlukan bahan api untuk mereka meronda negara. Kalau sekiranya bahan api ini dikurangkan, akan ada kisah seperti di masa yang lepas kita tidak dapat membuat rondaan kerana bahan api tidak mencukupi.

Keduanya, bahan api sekarang ini mungkin bertambah penggunaannya sebab kapal-kapal kita sudah berumur. Jadi mereka berumur, jadi kita kena pakai minyak lebih lah bahasa mudah. Dengan itu, kita akan pakai lebih. Kalau pakai lebih, kenapa diturunkan? Saya sering kali bercakap di luar sana hanya menyebut suatu perkara berhubung dengan pertahanan iaitu tentang Beting Patinggi Ali. Ia memerlukan rondaan Yang Berhormat. Perlukan rondaan dan rondaan ini akan berlaku rondaan terus. Daripada tahun 2013 sampai sekarang, kita tengok rondaan tidak berhenti. APMM juga meronda dan selepas itu dalam masa yang sama kita meletakkan kapal kita di sana.

Saya mencadangkan supaya kapal-kapal kita yang sudah uzur ataupun yang sudah tidak boleh digunakan lagi supaya diletakkan di Beting Patinggi Ali. Tunggu di sana dan kalau sekiranya mereka terpaksa mengakhiri hayatnya di sana, biarlah ia jadi tukun yang bermakna. Kita tahu Terumbu Layang-Layang dibina di atas tukun. Jadi saya mencadangkan supaya Beting Patinggi Ali dibina tukun, oleh sebab ini ialah kawasan Malaysia. Tidak boleh ada pemikiran mengatakan ini tuntutan bertindih.

Kalau sesiapa menggunakan perkataan bertindih di pihak kerajaan, maka saya hendak bagi tahu bahawa mereka tidak tahu makna tuntutan bertindih dan juga pencerobohan. Kalau sekiranya tuntutan bertindih, misalnya berlaku di atas sempadan, jadi kita kata bertindih.

Akan tetapi ini bukan sempadan. Ini jaraknya 83 batu nautika daripada Bintulu, Sarawak. Jarak penguasaan kita ialah 200 batu nautika. Jadi mereka telah menceroboh. Pencerobohan mesti dibuat satu noktah, kata bahawa ini tidak dibenarkan lagi. Kalau dia hendak ceroboh dalam jarak 200 batu nautika, okey. Itu bertindih. Ini dalam kawasan Malaysia. Kita biarkan benda itu berlaku dan kita hanya menghabiskan duit minyak untuk pergi buat rondaan.

Saya rasa Kementerian Pertahanan, saya ada cadang dahulu. Bekas Menteri Pertahanan pun ada sini, saya cadang tetapi dia tidak dapat buat apa-apa mungkin hayat mereka pendek. Akan tetapi Yang Berhormat dalam hayat Kerajaan PN sekarang, supaya kita buat sesuatu menghentikan serta-merta apa juga bentuk pencerobohan. Tuntutan bertindih tidak apa. Saya ingat tidak ada masalah. Ini adalah pencerobohan. Pencerobohan ini bukan sahaja berlaku di kawasan Beting Patinggi Ali. Termasuk Beting-beting yang berdekatan. Beting Raja Jarum dan sebagainya. Saya minta supaya pihak kementerian dapat memberi perhatian daripada perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Menteri akan menjawab sekitar 2.15 petang.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi. Saya bekas tentera.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya belum habis cakap. Saya kata Menteri akan menjawab lebih kurang 2.15. Saya akan bagi peluang dua lagi. Satu, Yang Berhormat Padang Serai dan sebelah sini diikuti oleh Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tunggu untuk isu perajurit dan juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri peluang kemudian. Saya panggil dua orang dahulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tunggu dalam Dewan tidak diberi kebenaran juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, kita mulakan dahulu dengan Yang Berhormat Padang Serai. Lima minit.

2.09 ptg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Minta tambah sedikit, Tuan Pengerusi sebab hal tentera. Tuan Pengerusi, terima kasih. Ingin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan berjuta terima kasih kepada *frontliners*, badan sukarelawan dan NGO di kawasan Paya Besar Parlimen Padang Serai. Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa pertahanan sesebuah negara dan kawalan sempadan yang kukuh amat penting bagi meyakinkan para pelabur bahawa keselamatan dan kemakmuran negara kita terjamin.

■1410

Negara-negara seperti Amerika Syarikat, China dan India memberi peruntukan yang lebih dalam bajet. Namun, saya faham bahawa negara kita masih kekurangan peruntukan kerana isu pandemik COVID-19 ini. Walau bagaimanapun, saya berharap pertahanan kita setanding dengan negara-negara Asia yang lain.

Tuan Pengerusi, secara keseluruhannya saya ambil maklum bahawa peruntukan keseluruhan untuk Kementerian Pertahanan meningkat sebanyak RM200 juta tahun ini. Sebagai seorang veteran, saya mengalu-alukan segala peruntukan tambahan, tetapi saya khuatir sama ada bajet pertahanan akan dibelanjakan dengan setulus dan secermat mungkin.

Saya merujuk jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan dahulu. Bajet pembangunan jauh lebih besar tahun ini iaitu RM4.5 bilion berbanding RM3 bilion. Ini ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan di Dewan dan juga Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam temu bual Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan Astro Awani dan BERNAMA TV.

Pada hemah saya, saya mungkin mengelirukan warga ATM dan rakyat kerana sebanyak RM2 bilion daripada bajet pembangunan sebenarnya ialah perkhidmatan dan bekalan. Saya terkejut kerana mengikut fahaman biasa, bajet pembangunan patut digunakan untuk tujuan aset.

Saya telah menyemak setiap perbelanjaan Kementerian Pertahanan untuk 10 tahun yang lepas. Tidak pernah peratusan perkhidmatan dan bekalan setinggi tahun ini. Tahun ini perkhidmatan dan bekalan adalah 46 peratus daripada bekalan pembangunan. Jika kita meneliti pengurusan pula, hampir sejumlah RM1.5 juta dipotong daripada perkhidmatan dan bekalan. Jadi di bawah pembangunan, tambahan RM2 bilion di bawah pengurusan dipotong RM1.5 bilion. Perkara ini adalah dengan izin *creative accounting*.

Saya veteran tetapi saya terpaksa berbahas seperti akauntan kerana ini bukan soal perakaunan. Ia teknikal sahaja tetapi menyentuh ketelusan dan akauntabiliti belanja duit rakyat dan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia. Sebenarnya, *creative accounting* oleh kerajaan bukan baharu. Bajet pertahanan hari ini adalah bersamaan dengan bajet kesihatan yang hebat dibahaskan pada minggu-minggu lepas. Rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat Kuala Selangor sudah pun menyuarakan kerisauan masing-masing.

Tuan Pengerusi, apabila *creative accounting* dialukan, ini memberi gambaran bahawa kerja penyelenggaraan di bawah pembangunan akan naikkan taraf aset atau kelengkapan angkatan tentera. Perkara ini bukan kecil, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga menekankan peruntukan sebanyak RM2.3 bilion untuk menyelenggarakan dan aset utama. Malah, Yang Berhormat Menteri Pertahanan menyatakan jumlah RM300 juta ini lebih tinggi daripada peruntukan tahun lepas.

Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, adakah penyelenggaraan yang dibanggakan ini bersifat naik taraf atau bersifat penyelenggaraan biasa sahaja? Kerja naik taraf (*upgrading*), kerja penyelenggaraan biasa (*routine maintenance and repair operation*); berapakah jumlah untuk *upgrading*? Berapakah jumlah untuk *routine* MRO? Sila jelaskan.

Saya rasa prebet biasa pun tahu beza antara *upgrading* dan *maintenance*. *Upgrading* ialah tukar M16 kepada M4. *Maintenance* ialah sekadar tukar *firing pin* sahaja. Soalan ini penting kerana Angkatan Tentera Malaysia mungkin perlu bergantung pada kelengkapan lama yang dinaiktarafkan untuk beberapa tahun yang akan datang. Kerajaan mungkin tidak mampu membeli peralatan baharu memandangkan unjuran cukai dan hasil kerajaan lebih rendah selepas kesukaran ekonomi disebabkan COVID-19. Contohnya *batch littoral mission ship* yang kedua mungkin perlu ditangguhkan.

Saya berharap sebahagian jumlah RM2.3 bilion ini semuanya untuk *upgrading*. Jika gambaran ini tidak benar, saya minta kerajaan perbetulkan supaya tidak

mengecewakan warga ATM. Malah, tidak jelas pecahan antara kerja *upgrading* dan kerja *routine maintenance* di peringkat setiap angkatan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan memperincikan mengikut setiap angkatan.

Tuan Pengerusi, Butiran 30000 – Aset pula di bawah pembangunan. Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengatakan angka RM1.6 bilion untuk perolehan aset baharu. Saya tidak nafikan keperluan aset baharu tetapi saya ada beberapa persoalan untuk Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Adakah aset atau kelengkapan yang ingin dibeli tahun ini?

Adakah peruntukan ini untuk membeli kereta kebal atau radar? Adakah rasionalnya kementerian memberi keutamaan kepada aset atau kelengkapan tersebut berbanding aset lain? Bagaimana pula dengan *lead-in fighter trainer* dan *light combat aircraft* (LCA) yang segera diperlukan mengikut Kertas Putih Pertahanan?

Menurut jawapan lisan Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Tanjong Malim, kementerian masih dalam menyediakan spesifikasi. Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri Pertahanan akan menggalakkan masalah seperti kontrak untuk *littoral combat ship* (LCS) yang mana pembinaan kapal lewat sebanyak 33 peratus atau seperti kontrak *Light Attack Helicopter MD 530 G*? Di manakah helikopter ditempah pada tahun 2015 tetapi baru sampai tahun ini. Berapakah yang sudah diterima? Jika kerajaan terpaksa mengkaji semula atau menangguhkan perolehan kelengkapan tertentu, apakah langkah sementara atau dengan izin *stop gap and gap filler* kementerian. Misalnya jika tiada platform UAV, *medium-attitude long-endurance*...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Padang Serai rumuskan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** ...Disenaraikan perkataan – Sedikit lagi. Apakah perancangan kerajaan untuk teruskan penggunaan?

Tuan Pengerusi, Butiran 10200 – Jabatan Hal Ehwal Veteran. Ini panas sedikit Tuan Pengerusi. Saya merujuk pula kepada perkara yang dekat dengan hati saya. Peruntukan tahun ini tidak banyak berubah berbanding tahun lepas. Soalan saya, lebih berhubung dengan dasar Yang Berhormat Menteri Pertahanan tentang kebajikan veteran berpencen dan tidak berpencen.

Apakah dasar Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk meneruskan insentif-insentif bantuan oleh kerajaan-kerajaan lepas seperti Bantuan Bakti Negara, Skim Anuiti Veteran, Pencen Hilang Upaya, Skim Veteran Kelainan Upaya dan kuota ibadat haji veteran?

Bagaimana prestasi PERHEBAT setakat ini dalam membantu melatih dan mencari peluang pekerjaan untuk veteran? Apabila saya mendengar perbincangan Belanjawan 2021 tempoh hari, saya begitu sedih kerana isu mengenai penyelenggaraan pencen veteran masih tidak dipedulikan oleh kerajaan yang melibatkan seramai 312,900 orang veteran. Walaupun pihak kementerian telah menubuhkan pasukan kajian bagi membuat jurang pencen pesara ATM pada 12 Mac 2020, 20 Jun 2020 dan 13 Julai 2020 bagi membincangkan isu berkenaan, namun tiada kata putus yang dicapai. Sampai bilakah harus mesyuarat ini perlu diteruskan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Padang Serai, masa dah tamat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sedikit, sedikit. Ini tentera – Ini mustahak. Cadangan saya, kerajaan tidak harus menyamakan pencen kakitangan awam dan pencen tentera. Semasa berkhidmat, anggota tentera tidak menurut kerja lebih masa, cuti kelepasan am, sanggup bekerja 24 jam, raya pun kita masuk hutan, terpaksa berpisah dengan keluarga, isteri mesti disanjung tinggi oleh anggota tentera punya dengan keluarga tercinta sepanjang berkhidmat dan kehidupan hanya keliling hutan, lautan, udara sepanjang perkhidmatan kita.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sedikit lagi. Saya ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Pertahanan mewujudkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja yang bertujuan untuk menyalut perkara yang berkaitan dengan layanan tidak adil kepada veteran berpencen dan tidak berpencen. Selain itu, RC juga berperanan dalam mengkaji polisi yang berkaitan dengan golongan veteran terutama dalam isu peluang pekerjaan dan kekangan dari sudut sosial ekonomi. Perkara ini penting dalam usaha menyalut penyalahgunaan yang mungkin berlaku dalam kerajaan sebelum ini.

## ■1420

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat Yang Berhormat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Ingin saya jelaskan, *last, last* sekali. Ingin saya menjelaskan isu bahawa veteran dan bekas tentera yang memerlukan bantuan ini adalah orang yang sanggup berkorban nyawa menentang komunis suatu ketika dahulu. Saya sendiri terlibat dalam letupan jerangkap samar yang dipasang oleh komunis semasa saya membuat *clearance*, dengan izin.

Adakah semua tidak merasai keperitan yang mereka lalui? Disebabkan golongan inilah negara tercinta kita terus aman dan makmur. Semasa berkhidmat ketika usia muda, tenaga kita dikerah habis-habisan. Apabila sudah pencen bakti kita dilupakan begitu sahaja. Bak kata, "*Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi*".  
[Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Baik, terima kasih Yang Berhormat. [Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi lima minit kena *compress*-kan ucapan dalam lima minit, Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menjemput pada asalnya Yang Berhormat Bachok tidak ada, saya bagi terakhir Yang Berhormat Jelutong, lima minit. Kemudian, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

## 2.21 ptg.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, saya terhutang budi kerana memberi saya peluang. Cuma saya ingin persoalkan Yang Berhormat Menteri berkenaan Butiran 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Saya mohon penjelasan kenapakah terdapat pengurangan daripada RM3 bilion kepada RM101 juta.

Saya cuma ingin tahu, adakah ini bermaksud bahawa perumahan akan terdapat kekurangan dalam pembinaan perumahan anggota-anggota tentera? Rata-rata kita lihat bahawa kemudahan-kemudahan ini perlu kita beri peningkatan kerana kita lihat bahawa perumahan-perumahan ini tidak begitu selesa. Mungkin ada juga aduan diterima bahawa ia ada dua buah bilik sahaja, jadi saya mohon kalau boleh – dan juga satu lagi permintaan yang telah saya terima adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan lain untuk anak-anak mereka, taman-taman permainan mungkin kolam renang yang ada kemudahan-kemudahan asas. So, ini adalah perkara yang ingin saya mohon penjelasan.

Satu lagi adalah berkenaan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Butiran?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Juga di muka surat Butiran 020200 – Pertahanan Darat, Butiran 020300 – Pertahanan Maritim dan Butiran 020400 – Pertahanan Udara. Rata-rata kita lihat dalam Butiran 020200 – Pertahanan Darat terdapat pengurangan. Butiran 020300 - Pertahanan Maritim juga terdapat pengurangan dan Butiran 020400 – Pertahanan Udara.

Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan kebimbangan bahawa kita tidak mahu kedaulatan negara terancam. Saya mohon penjelasan sama ada pengurangan dalam bajet ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak begitu serius untuk meningkatkan kelengkapan angkatan tentera awam, maritim dan juga udara.

Perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah Butiran 010200 – Jabatan Hal Ehwal Veteran. Walaupun ada peningkatan tetapi apakah peningkatan ini digunakan? Manfaat yang akan diberikan kepada veteran Angkatan Tentera? So, ini adalah perkara-perkara yang ingin saya soalkan yang saya mohon penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya, 15 minit.

**2.24 ptg.**

**Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan dan juga yang membuat pencelahan. Ramai yang terlibat dalam jangka masa 15 minit, mungkin saya tidak dapat menjawab kesemuanya. Walau bagaimanapun, saya berjanji akan menjawab secara bertulis.

Saya cuma fokus kepada beberapa perkara yang besar seperti Jabatan Hal Ehwal Veteran, saya kira itu penting kerana kebajikan anggota. LCS penting, ini isu yang selalu dibangkitkan, *land swap*, pertahanan sempadan, ESSCOM dan juga R&D yang dibangkitkan oleh semua rakan-rakan tadi.

Sedikit sahaja saya hendak sentuh, saya tidak hendak ada perbincangan kerana perkara ini saya hendak sentuh sedikit sahaja iaitu mengenai perbelanjaan OE ataupun perkhidmatan pengurusan yang didapati berkurangan berbanding dengan tahun-tahun lepas. Sebenarnya tahun ini OE itu dipindahkan menjadi DE untuk pembangunan. Oleh sebab itulah penyelenggaraan, pembelian peralatan baru RM1.6 bilion, penyelenggaraan – RM2.3 bilion semuanya dahulu di dalam OE tetapi tahun ini di dalam DE.

Saya hendak terus pergi kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Ada selepas kematian, selepas berhenti dan sebagainya beberapa bayaran telah pun ditetapkan untuk JHEV dan juga keluarga mereka untuk veteran dan keluarga mereka.

Sebagai contoh pencen perkhidmatan, pencen terbitan untuk balu dan anak jika anggota meninggal dunia, pencen hilang upaya bagi kecederaan dan perkhidmatan disebabkan tugas, pencen orang tanggungan, *ex-gratia*, orang tanggungan. Siapa yang layak adalah balu atau duda, anak, anak tiri, anak angkat pun dapat, ibu atau bapa. Bayaran *one-off* ganjaran terbitan, faedah gantian cuti rehat dan sebagainya.

Ini semua ada dan ini tidak termasuk pemberian-pemberian kerajaan secara *one-off*. Apabila negara menghadapi pandemik COVID-19, kerajaan memberikan bantuan *one-off* RM500 kepada semua termasuk anggota veteran berpencen peringkat awal dan selepas itu ditambah lagi kepada anggota veteran yang tidak berpencen, kita bagi. Pingat Jasa Malaysia kita bagi kepada anggota kita yang berkhidmat waktu menentang komunis. Kita bukan sahaja memberi *one-off*, pingat dan sebagainya.

Baru-baru ini yang terakhir di dalam bajet masih lagi ada yang diberikan kepada veteran. Cuma saya hendak komen sedikit fasal daripada Yang Berhormat Padang Serai tidak silap tadi ialah mengenai PERHEBAT. PERHEBAT, saya dimaklumkan oleh pengurusan PERHEBAT, mungkin Yang Berhormat mantan Menteri boleh *confirm* atau tidak. Saya dimaklumkan oleh pengurusan PERHEBAT bahawa waktu zaman PH dahulu, PERHEBAT hendak ditutup dan itu yang saya dapat dan bajet pun tidak diberi khusus tetapi menggunakan wang dalaman untuk PERHEBAT.

Akan tetapi tahun ini di dalam Bajet, kerajaan memperuntukkan bajet khusus untuk PERHEBAT sebanyak RM30 juta untuk kita melatih anggota tentera sebelum mereka bersara. Inilah tujuan PERHEBAT adalah untuk melatih mereka supaya apabila mereka keluar daripada menjadi angkatan tentera, mereka boleh memulakan kehidupan mereka sendiri.

Kementerian juga menyediakan bantuan veteran untuk pengurusan jenazah iaitu kadar bantuan adalah RM3,000. Proses untuk menukarkan pencen veteran kepada balu, waris sebenarnya memakan masa selama 45 hari. Manakala insurans di bawah syarikat insurans iaitu bukan berada di bawah Kementerian Pertahanan, jadi insurans sukar saya hendak jawab.

Untuk kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, saya akan minta supaya disemak lanjut kerana ini melibatkan kes-kes tertentu. Jadi 45 hari itu daripada segi piagamnya dan *insya-Allah* kalau ada kes-kes yang lewat, kita akan *handle* perkara ini. Jiwa Murni memang kita teruskan bersama kementerian lain. Untuk tahun ini memang tidak ada bajet khusus tetapi kita telah pun membuat ketetapan program-program kebajikan akan diteruskan menggunakan wang dalaman.

■1430

Saya hendak sebut fasal LCS ini, ini yang saya kira menjadi perkara besar yang sentiasa dibangkitkan. Seperti saya sebutkan dalam jawapan saya yang lepas, kita akan membawa opsyen menyelamatkan projek ini kepada Kabinet. Seperti kita tahu, projek ini adalah projek yang memakan jangka masa yang lama dan dari segi kontraknya, sehingga tidak silap saya sehingga 2023, dari segi kontrak. Maknanya, sekarang masih lagi di dalam tempoh kontrak, kontrak belum ditamatkan. Jadi, ada tiga opsyen yang kita cadangkan kepada Kabinet. Pertama, supaya syarikat French Naval Group yang menjadi pemegang kepada *design* ini, ia meneruskan kontrak ini. Itu opsyen yang pertama.

Opsyen kedua, kita serahkan semula kepada Boustead Shipyard untuk meneruskan projek. Kalau LCS diteruskan oleh Boustead Shipyard, kita terpaksa *release* kan RM3 bilion lagi. Sebenarnya projek ini RM9 bilion, RM6 bilion memang telah digunakan, tinggal RM3 bilion lagi. Kita terpaksa beri kepada mereka untuk meneruskan projek. Ketiga adalah tamatkan kontrak, kita lantik syarikat lain sebagai syarikat penyelamat. Jadi, dalam keputusan yang dibuat oleh Kabinet, opsyen pertama kita kata, kita tidak perlu gunakan opsyen pertama, tidak perlu memilih opsyen yang pertama. Ada dua opsyen saja. Boustead Shipyard, mungkin kita boleh beri mereka peluang. Akan tetapi Boustead Shipyard perlu membentangkan dari segi perancangan mereka kalau kita berikan kebenaran mereka untuk teruskan kontrak, itu untuk *long-term*.

Akan tetapi untuk *short-term*, jangka pendek, tindakan-tindakan diambil. Pertama, melaporkan kepada SPRM. Kedua, menyerahkan kepada PAC supaya menyiasat. Ketiga, *forensic audit* mesti dilakukan. Keempat, *due diligence*, kalau kita hendak bagi kepada mereka, adakah mereka mempunyai kemampuan lagi? So, *due diligence* mesti dilakukan dan laporan akan dikeluarkan. Kelima, *revamp*. Semua pengurusan tertinggi di dalam Boustead Shipyard dan yang seterusnya kalau ada di dapati kes yang melibatkan penyalahgunaan, *domestic enquiry* akan diteruskan. Ini untuk *short-term*. Akan tetapi *long-term*, kita akan tunggu lagi cadangan yang akan dibuat oleh Boustead Shipyard ini, apa yang sepatutnya dilakukan seterusnya. Cuma saya hendak sebutkan sedikit saja.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Biar saya *detail* sikit.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Baik.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dari segi status. Status sekarang ini memang 57.03 peratus untuk melibatkan enam kapal. LCS1 - 60.72 peratus, LCS2 - 48.09 peratus kerana projek ini dilaksanakan serentak. Itu masalah ia. Biasanya, projek akan dijalankan satu persatu tetapi projek ini dijalankan serentak. Jadi, tujuan kerajaan dulu adalah untuk mewujudkan satu syarikat di dalam negara kita yang boleh membangunkan pembinaan kapal sendiri. Kalau kita boleh menguruskan dan menyiapkan LCS, kita mungkin akan menjadi salah satu negara yang terlibat dalam pembinaan kapal. Silakan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Saya nampak banyak tindakan ini diambil *post the fact*. Maksudnya, bila sudah berlakunya perjanjian yang dimeterai dan juga laporan daripada Ketua Audit, maka untuk memastikan kita bersiap siaga bagi pembelian pada masa hadapan, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya kita wujudkan jawatankuasa tetap untuk pemerolehan aset-aset pertahanan? Oleh kerana walaupun PAC siasat, walaupun SPRM menyiasat tetapi kerana daripada peringkat awal, perjanjian dan pengurusan kewangan, termasuk audit dalaman itu terlalu lemah, sampaikan RM116 juta pun kelewatan dihantar tidak dikutip. Jadi pada saya, Yang Berhormat terpaksa menanggung banyak bebanan. Adakah kalau pada masa hadapan, kita wujudkan jawatankuasa tetap ini memudahkan, di mana ia bersifat rahsia tetapi membantu dari segi sebelum kita meterai perjanjian. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Sibu, sini juga. Yang Berhormat Sibu, belakang sini. Yang Berhormat Menteri, saya juga difahamkan kalau tidak silap pada jawapan yang dulu dibagi kepada saya, LCS ini sekarang dibina di China. Syarikat China juga terlibat. Adakah ini betul?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Di Lumut ya, saya sendiri baru pergi bulan lepas untuk melihat sendiri pembinaan kapal itu. Itu yang di China itu adalah LMS, bukan LCS, bukan *combat ship* tetapi LMS. Ya, cadangan daripada Yang Berhormat

Permatang Pauh, kita akan teliti. Apa yang pentingnya, setiap kementerian mempunyai jawatankuasa tender yang sendiri. Kita ada jawatankuasa tender yang diwakili oleh Kementerian Kewangan dan sebagainya yang meneliti. Cuma kadang-kadang isu tender tidak timbul. Kadang-kadang yang timbul isu, apabila dilaksanakan dari segi pengurusan, *mismanagement* dan sebagainya berlaku. Duit yang sepatutnya dibayar untuk kapal, sebagai contoh.

Sebagai contoh, saya tidak tahu betul atau tidak, fasal *forensic audit* menentukan. Sebagai contoh, kemungkinan duit untuk pembinaan di-*siphoned* ke lain untuk perkara-perkara lain. Jadi, perkara-perkara ini yang perlu kita ambil kira. Maknanya, dari segi peringkat awal tender dengan jawatankuasa tendernya sudah *perfect*. Akan tetapi dari segi pelaksanaan, itu juga. Kita sudah mencadangkan di dalam Kabinet supaya akan diwujudkan satu jawatankuasa *highpowered* yang dipengerusikan oleh KSN sendiri. Itu telah pun dibentangkan di dalam Kabinet supaya *next time*, apa saja projek yang besar, yang melibatkan projek bilion ringgit ini, dipantau oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai yang tertinggi di dalam kerajaan seperti KSN dan juga wakil daripada MOF, wakil daripada EPU dan sebagainya, semua akan dilibatkan. Ini untuk pemantauan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat, terima kasih. Saya setuju perlu pantauan dan saya sambut baik. Masalahnya, menerusi prosiding dalam PAC pun, bila Yang Berhormat Menteri memberikan kelulusan, ada surat sokongan, jadi ia menyusahkan tugas-tugas dalaman. Jadi, kalau ada jawatankuasa di peringkat Parlimen yang seperti norma di banyak negara dan yang berlangsung, kita boleh melindungi kerajaan dan kepentingan negara dalam hal pembelian besar. Saya faham, kita tidak perlu ambil semua tetapi ia masih lagi menjaga kerahsiaan tetapi terbukti tidak berfungsi dengan baik menerusi begitu banyak siasatan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Menteri Pertahanan]:** *Insyallah*, saya katakan tadi kita akan teliti cadangan Yang Berhormat itu. Kita ucap terima kasih.

Saya boleh berpindah ke PLKN. Sikit saja PLKN ini. Sudah dimansuhkan sewaktu zaman Pakatan Harapan dulu, diletakkan di bawah tidak silap saya Kementerian Belia dan Sukan. Kita mendapat cadangan daripada kebanyakan Ahli Parlimen, yang sentiasa bercakap, Yang Berhormat Pontian. Setiap kali bercakap fasal pertahanan, mesti hendak PLKN. Kita bersetuju sebab Perintah Menteri 2020 telah pun dikeluarkan iaitu Akta PLKN diletakkan kembali di bawah Kementerian Pertahanan, di bawah Menteri Pertahanan. Pihak kita sedang menyediakan Kertas Jemaah Menteri untuk mewujudkan semula PLKN tetapi dengan, mungkin dengan *new module*. Modulnya berbeza.

Perbelanjaan saya tahu, besar dulunya. Mungkin boleh dikurangkan lagi. Jadi, perkara-perkara ini yang sedang kita teliti. Kita akan mendapatkan keputusan daripada Kabinet untuk mewujudkan satu jawatankuasa yang khusus untuk melihat keperluan dan juga perkara-perkara baharu yang mungkin kita adakan di dalam PLKN modul baharu ini. STRIDE, saya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Menteri Pertahanan]:** Saya hendak terus ya. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. *STRIDE, R&D*. Saya terima kasih, cadangan daripada Yang Berhormat Kota Raja dan beberapa rakan Ahli Parlimen tadi yang menceritakan, yang mencadangkan banyak perkara tentang R&D ini. Yes, cita-cita kita besar, hendak mengeluarkan senjata sendiri, berbagai-bagai lagi. Akan tetapi bajetnya memang betul. Yang Berhormat, saya tidak boleh tipu Yang Berhormat lah, Yang Berhormat pun sudah jadi Yang Berhormat Menteri Pertahanan dulu, tahu. Bajet STRIDE ini amat kecil. Tadi, berbilion-bilion daripada negara besar tetapi kita terlalu kecil.

#### ■1440

Saya hendak sebutkan untuk RMKe-12 ini, kita memohon sebanyak RM192 juta. Setakat ini diluluskan RM43 juta dan tahun 2021 untuk sebagai permulaannya, kita hanya diberi sebanyak RM3.3 juta sahaja dulu untuk sepanjang tahun 2021. Mungkin ini *cash flow* peringkat awal untuk memulakan projek tetapi kalau kita lihat secara keseluruhan, lima tahun RM192 juta jika diluluskan. Kalau lulus pun RM192 juta, bahagi lima untuk kita tahu berapa jumlah *per year*.

Jadi memang dari segi bajet, saya pun amat berterima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang ada kerana semuanya bersetuju supaya bajet Kementerian Pertahanan ditingkatkan lagi, perlu ditingkatkan. Saya tidak hendak dedahkan dalam Parlimen kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara jiran kita sebab apa yang saya cakap

pada hari ini mungkin orang luar boleh dengar. Akan tetapi bajet kita memang berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain pun kita memang terlalu rendah kalau dibandingkan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sikit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kalau hendak menyokong saya benarkan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya sokong, *insya-Allah* saya sokong. Yang Berhormat Menteri ini kira 'A'. Cumanya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau bajet kita kecil boleh tidak kita adakan *collaboration* dengan *private investor* contohnya yang mungkin ada *interest* yang sama dari Malaysia. Untuk sama-sama kita bangukan *certain defence* untuk projek-projek yang dikenal pasti yang tidak menjejaskan keselamatan tetapi untuk yang – terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pertani. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita mengambil berat cadangan tersebut dan kita boleh pertimbangkan. Itu satu cadangan yang saya kira boleh kita *explore* lagi sebab banyak syarikat-syarikat yang membina, membangunkan industri pertahanan ini yang terlibat dalam pembinaan kapal, *tank*, kereta kebal dan sebagainya.

Mungkin mereka bukan setakat ikut *spec* yang kita bagi sahaja tetapi ada ruang bagi mereka untuk membuat R&D untuk kereta-kereta kebal yang lebih canggih daripada yang telah ada dan kita sudah berikan mereka projek tersebut. *I think it's a good idea* saya ucapkan terima kasih. Saya hendak sikit sahaja kepada- ada masa?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, masa sudah tamat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Masa tamat ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Perlu tambah masa sikit?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Banyak lagi ini. Jadi saya boleh jawab secara bertulis lah. Saya memang hendak jawab sangat fasal ESSCOM dan sebagainya. *Last* sekali saya beri ESSCOM sahaja. ESSCOM sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Saya bagi tiga minit sahaja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Peranan di Pantai Timur Sabah terutamanya, perlu diperketat. Bukan sahaja PATI tetapi juga *statement* yang dibuat oleh rakan-rakan daripada negara-negara jiran kita kadang-kadang agak merunsingkan, bukan merunsingkan tetapi agak kita nampak macam sesuatu yang tidak kurang baik untuk kita dengar. Kita perlu memperkuatkan serangan Tanduo adalah serangan yang *real* bukan sandiwara dan sebagainya.

PATI yang paling banyak adalah datang melalui Pantai Timur Sabah, bukan sahaja membawa jenayah rentas sempadan tetapi juga membawa penyakit COVID-19. Penyakit COVID-19 bermula dari Tawau adalah daripada PATI. Jadi ini merupakan satu perkara yang serius. Oleh sebab itulah kita telah pun meluluskan projek pembinaan kem tentera di Pantai Timur Sabah iaitu di Lahad Datu untuk memperkasa kedudukan kita mengawal sempadan tersebut. Perkara ini telah pun...

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya, sama-sama. Terima kasih. Cuma saya hendak maklumkan dari segi status, statusnya mula-mula sudah dirunding terus waktu zaman Barisan Nasional dulu. Kemudian bila PH memerintah PH membuat dasar bahawa tidak ada lagi rundingan terus mengikut dasarlah. Kita dengar banyak buat rundingan terus juga tetapi secara dasarnya tidak mahu ada rundingan terus.

Jadi projek itu ditender, telah pun dtender dan baru-baru ini beberapa bulan yang lepas jawatankuasa tender telah pun meluluskan kepada satu syarikat untuk meneruskan projek itu secara tender, tender terbuka. Akan tetapi bila dihantar ke Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan tidak bersetuju dengan cadangan daripada Kementerian Pertahanan untuk tender tersebut dan pulang balik kepada kementerian.

Kalau pulang balik kita akan ada tender semula. Tiga kali maknanya pergi balik, pergi balik, pergi balik, kem pun tidak siap keselamatan kita masih lagi tidak di dalam



keadaan yang baik dan terkawal. Jadi mungkin dengan sokongan Ahli Parlimen termasuklah Yang Berhormat Kota Raja, mungkin Kementerian Pertahanan boleh *review* balik supaya mempercepatkan perkara ini dan kita boleh teruskan projek ini dengan segera. Jadi saya kira itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya minta maaf kepada yang lain saya tahu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh buat bertulis.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Berusaha bersungguh-sungguh membuat *preparation* untuk berbahas dalam masalah yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan tetapi kerana tidak ada masa. Saya berjanji yang tidak dapat saya jawab hari ini saya akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri bagi secara bertulis, tidak apa kita terima. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,355,404,800 untuk Kepala B.60 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Kepala B.60 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.60 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Kepala P.60 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]*

#### **Maksud B.62 [Jadual] – Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Saya rujuk kepada senarai Ahli-ahli Yang Berhormat. Hendak mulakan dahulu? Baik, lima minit.

#### **2.46 ptg.**

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Kepolisan dan Butiran 040100 – Pembantaran Dadah. Tuan Pengerusi, kekuatan seluruh anggota polis di negara kita sekarang adalah sekitar 127 juta orang daripada jawatan sebenar yang sepatutnya diwujudkan ialah 150 juta, bermakna ada pengurangan.

Tumpuan saya ialah apakah pengurangan dari segi pengambilan anggota polis ini ikut menjadikan beberapa ancaman terhadap negara itu di-*compromised* dengan izin. Sebagai contoh narkotik misalnya, kekuatan anggota mereka ialah sekitar 5,000 orang dan masalah dadah ini adalah ancaman yang sangat serius di negara kita selama berpuluh tahun, berdekad-dekad kita bertarung untuk memerangi ancaman dadah.

Namun, kita dapati barangkali Yang Berhormat Menteri nanti ketika menjawab boleh memberikan satu gambaran semasa apakah sebenarnya tahap ancaman dadah di negara kita. Namun, sekilas pandang dari kaca mata orang biasa kita melihat ancaman ini semakin mengganas dan semakin menggerunkan dan menakutkan.

Apakah ia ada kaitan dengan saiz anggota polis di bawah segmen narkotik ini kecil bilangannya sehinggakan anggota polis tidak terdaya atau tidak termampu bagi menangani masalah ancaman dadah. Sebelum itu, saya ucapkan tahniah, semalam di Pulau Pinang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berjaya menahan dengan nilai

rampasan hampir RM106 juta. Itu berlaku di laut, adegan kejar-mengejar, bertarung nyawa dan sebagainya kita ucapkan tahniah kepada mereka.

Akan tetapi topik pokok saya ialah ketika ancaman dadah semakin berleluasa, apakah keadaan itu disebabkan oleh saiz bilangan anggota Bahagian Narkotik ini yang *kecil*? Saya ambil contoh narkotik 5,000, CID 13,000, CID komersial 2,000, Special Branch 9,000.

Apakah boleh, barangkali Yang Berhormat Menteri boleh memberikan response nanti, saya tahu Cawangan Khas ini ia *closed* servis. Akan tetapi kerana ancaman sebenar itu kalau dadah ini supaya tidak dilihat menjadi ancaman tetapi semakin kita abaikan, apakah boleh berlaku penyusunan semula struktur keanggotaan ketika Cawangan Khas itu penting tetapi menangani ancaman narkotik juga jauh lebih penting misalnya. Hal ini kerana kemahiran Cawangan Khas adalah risik.

#### ■1450

Narkotik sebelum mereka membuat serbuan besar sudah tentu mereka perlukan juga keupayaan perisikan. Jadi, saya ingin bertanya. Apakah Kementerian Dalam Negeri ada kesediaan untuk menyusun atur supaya bahagian-bahagian yang diberikan keutamaan harus diberikan kekuatan penambahan anggota?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Cuma, komen tentang kes yang melibatkan kes-kes dadah dan juga kes-kes jenayah. Saya berbincang tentang kes Allahyarham Muhammad Adib, anggota bomba yang telah terbunuh. Dalam peringkat sesi perbincangan persidangan yang lalu, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa kes itu telah pun disiasat. Akan tetapi, sehingga sekarang tidak ada sebarang keputusan, tidak ada sebarang pertuduhan dibuat. Bolehkah Yang Berhormat komen tentang perkara itu juga? Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Jelutong. Saya mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya jawapan itu saling tidak tumpah sepertimana jawapan ketika PH menjadi kerajaan, sama sahaja jawapannya, tidak ada sebarang perubahan pun. Cuma, hiruk pikuk di luar itu kerana isu itu dijadikan isu politik, seolah-olah tak ada pembelaan semasa kerajaan lepas. Akan tetapi sekarang hakikatnya bahawa untuk mengambil tindakan kepada satu insiden yang melibatkan masa adalah sangat rumit dalam mengenal pasti si pelaku. Oleh sebab itu, saya percaya Yang Berhormat Menteri nanti boleh memberikan reaksinya.

Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, ladang ketum di negara kita ini hampir sebanyak 50 ladang. Ladang ini maknanya keluasan sepuluh ekar ke atas sebanyak 50. Saya dapati kalau di kawasan luar bandar, bila kita pergi ke sekolah-sekolah, cikgu-cikgu mengadu kita hampir tidak ada sekolah yang bebas daripada masalah ketum daripada kalangan pelajar.

Kalau di kawasan saya itu Yang Berhormat, ada kawasan FELDA dan penempatan KEDA. Pegawai-pegawai polis di kawasan saya, mereka beritahu, Dato', kami pun sudah tidak tahu lagi apa hendak buat. Kalau cikgu buat pemeriksaan mengejut dengan memeriksa beg, pasti ada ya. Kalau anggota polis pun sudah memberikan keluhan begitu, mereka pun rasa *helpless* dengan izin dengan ancaman dadah satu bab. Dadah sekarang ini hendak buat dadah, dia belajar dengan *YouTube* sahaja, dadah yang lebih *sophisticated*.

Jadi oleh sebab itu bila saya semak daripada segi kekuatan anggota dalam Buku Perjawatan yang kita dibekalkan, saya tengok angka sebanyak 5,000 ini terlalu kecil. Saya fikir terlalu kecil. Saya rasa sahabat saya Yang Berhormat Menteri boleh dahulukan apa - Cawangan Khas itu dikecilkan lah. Dahulu ya lah semasa komunis. Sekarang ini Cawangan Khas hendak tengok kami, kami baik-baik tidak ada apa pun sebenarnya. [Ketawa] Cawangan Khas hendak jaga apa lagi? Yang Berhormat Port Dickson pun okey sudah. Dahulu tak apa lah, ya *dak*?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Cawangan Khas hendak tengok UMNO tu..

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Tak ada dah. Jadi, sebanyak 9,000 Cawangan Khas dan sebanyak 5,000 Narkotik. Payah kita hendak tengok, sedangkan bila beban kerja terlalu berat kepada anggota polis di Cawangan Narkotik ini, dia *compromise* mutu kerja.

Jadi, ancaman di luar itu tak terbendung. Jadi, kita rasa ralat sangat sedangkan kita nampak potensi penyelesaiannya depan mata dengan penyusunan semula. Ketika ada beberapa cerita kejayaan di luar, namun masalah ini berterusan. Betul, dia ada isu *supply and demand*. Selagi ada permintaan, selagi itulah masalah itu berlaku. Namun, daripada sudut *governance*-nya, pentadbiran saya percaya syor saya sangat sederhana untuk melihat semula satu peruntukan tidak boleh dikurangkan kerana mereka perlu risikan, ya perlu bayar.

Mana ada risikan tidak ada bayar langsung sedangkan kalau narkotik ini hanya tertumpu kepada penguat kuasa dan juga tindakan undang-undang semata-mata. Akan tetapi kalau peruntukan kewangan untuk risikan terpaksa bergantung kepada cawangan lain, saya semak di sini, buku- dia tak boleh. Ia akan menyebabkan mutu kerja dan semangat kerja ketika mereka tengok beban besar, harapan rakyat besar, ancaman terhadap negara dipikul di pundak mereka, kekuatan mereka sangat kecil.

Sebanyak 5,000 berbanding sebanyak 3 juta rakyat. Satu nisbah 6,000 penduduk. Itu satu yang harus kita betulkan segera. Demikian, ucapan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulim- Bandar Baharu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jempol diikuti oleh Yang Berhormat Sepanggar.

**2.54 ptg.**

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang undang-undang Perbekalan 2021 Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Dalam Negeri pada petang ini.

Butiran 020100 – KePOLISan. Kebelakangan ini sindiket *Macau Scam* semakin meluas, hampir setiap hari kita membaca mengenai kes penipuan yang mana individu membuat laporan polis selepas mengalami kerugian iaitu sebanyak ribuan ringgit. Modus operandi sindiket ini semakin hari semakin licik sehinggakan menyukarkan orang ramai untuk mentafsirkan sama ada panggilan yang diterima itu memang benar ataupun sebaliknya.

Soalan saya. Apakah strategi kementerian untuk membanteras sindiket ini secara total? Apakah perancangan kementerian untuk mendidik masyarakat supaya tidak lagi tertipu dengan sindiket penipuan dalam talian ini? Selain itu, saya merasa amat kecewa terdapat pegawai PDRM yang telah ditahan dan disyaki mempunyai kaitan dengan kegiatan *Macau Scam*. Penahan anggota PDRM tersebut sudah tentulah meruntuhkan nilai integriti dan moral PDRM di seluruh negara, ibarat '*tumpah nila setitik, rosak susu sebelanga*'.

Soalan saya. Apakah dengan tindakan penukaran jabatan sahaja sudah memadai bagi anggota yang tidak amanah dengan tanggungjawab mereka dan apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil terhadap anggota terbabit? Pihak kementerian perlu tegas dalam perkara ini, lebih-lebih lagi isu yang melibatkan integriti PDRM. Janganlah biarkan rakyat merasakan seolah-olah, '*harapkan pagar, pagar makan padi*'.

Seterusnya, di bawah butiran yang sama, saya ingin membangkitkan isu bilangan anggota PDRM di Jempol. Setakat ini berapakah bilangan sebenar anggota PDRM di seluruh negara mengikut pecahan negeri? Berapakah bilangan anggota yang bakal direkrut pada tahun hadapan? Hal ini kerana bilangan anggota di setiap balai polis di Jempol adalah kurang daripada sebanyak 15, orang sedangkan keselamatan penduduk perlu dijaga adalah sekitar sebanyak 20 sehingga sebanyak 30,000 orang di bawah pentadbiran balai masing-masing.

Contohnya, Balai Polis Ladang Gadis mempunyai sebanyak 10 orang anggota sahaja dan kawasan jagaan pula adalah daripada Kampung Ladang Gadis sampai ke Palong 16 hingga ke Palong 18. Balai Polis Rompin mempunyai sebanyak 12 orang anggota sahaja. Kawasan jagaan pula adalah meliputi Palong 1 hingga ke Palong 5. Begitu juga dengan balai polis yang lain iaitu Balai Polis Batu Kikir, Balai Polis Air Hitam dan Balai Polis Sungai Lui. Keseluruhan balai ini kekuatan anggota adalah di antara sebanyak 10 hingga sebanyak 15 orang sahaja.

Selain itu, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian mewujudkan Balai Polis di kawasan Palong khususnya mengawal keselamatan penduduk di kawasan Palong 1 hingga Palong 18 kerana keadaan di kawasan peneroka FELDA ini gejala

penagihan dadah, penagihan ketum dan sebagainya terlalu meluas malah keanggotaan polis tidak mencukupi. Dengan keadaan secara langsung, penambahan bilangan anggota di Jempol ini menerusi pembinaan balai polis yang baharu. Ia nya dapat mengurangkan kadar jenayah yang berlaku.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Berdasarkan peruntukan tahunan, berdasarkan peruntukan tahunan.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Yang Berhormat Jempol, mohon mencelah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tampin hendak mencelah?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tak cukup masa ini.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Mohonlah sikit.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, sikit boleh. Sila, sila orang Tampin.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Tampin.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Masalah balai polis ini merata tempat. Bukan hanya dekat Jempol tetapi dekat Tampin pun berlaku juga ya. Saya dimaklumkan bahawa Balai Polis di Daerah Tampin itu sudah diperuntukkan dan diluluskan tetapi dialih tempat lain. Ini yang jadi masalah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Masukkan sekalilah Balai Polis Tampin. Tak apa sana *insya-Allah* dia akan datang ke sini nanti.

Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis. Berdasarkan peruntukan Tahun 2021, berlaku pengurangan sebanyak RM3 juta iaitu sebanyak RM11 juta bagi tahun sebelumnya kepada sebanyak RM8 juta sahaja. Soalan saya adakah peruntukan sebanyak RM8 juta pada tahunnya hadapan mencukupi untuk membina dan menaik taraf balai polis seluruh negara? Berapakah bilangan anggaran balai polis yang bakal mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut?

Di kawasan Parlimen Jempol kebanyakan pondok polis berada dalam keadaan daif, usang dan banyak yang rosak. Sekiranya hendak dibaiki, kosnya amat tinggi berbanding untuk membina.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Lebih menyedihkan di FELDA Serting Hilir, kompleks pondok polis di sana terpaksa ditutup kerana terlalu banyak kerosakan. Apabila ditutup, penduduk kawasan terbabit terpaksa..

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sedikit Yang Berhormat Jempol, Hulu Rejang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** ...ke balai polis Air Hitam untuk pengurusan.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rejang, kawan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sikit lagi, kalau ada masa, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah habis dah.

#### ■1500

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sikit lagi, ini penting ini. Oleh sebab aduan isu keselamatan, penyelesaian anggota polis di pondok ini sering diajukan oleh masyarakat di Jempol. Pada bulan lepas sahaja, kerjasama saya dengan DUN Palong telah berjaya membina, menyiapkan Pondok Polis Palong 7, Palong 8 dan juga di Jeram Padang. Kita bina sendiri pondok polis ini. Oleh sebab bit polis ini tak ada, rakyat susah, nak buka ATM tidak boleh. Syaratnya hendak kena ada Pondok Polis. Jadi, ini keadaan ini amat mendukacitakan...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Jempol, sedikit Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Akan tetapi, kita tidak boleh korban dalam soal keselamatan, kita bina sendiri bit polis dan mohon supaya Kementerian Dalam Negeri menghantar anggota bertugas dan saya mohon agar pihak kementerian juga mengadakan perbincangan dengan pihak FELDA kerana pihak FELDA tidak *reserved*-kan tanah tersebut untuk balai polis mahupun pondok polis kerana ia sukar untuk menaik taraf atau membaik pulih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Kesian Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sikit Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Butiran 18000 – Pembaikan dan Ubahsuai, sikit sahaja lagi, sikit sahaja. Peruntukan tahun hadapan RM35 juta berbanding sebelumnya RM95 juta. Ini pengurangan sebanyak RM61 juta dan daripada segi kuarters, pembaikan harap berek-berek polis ini diambil kira kerana kepentingan mereka bertugas siang dan malam. Kebajikan mereka juga perlu dijaga. Banyak kuarters polis ini tidak boleh digunakan, tak boleh *repair* dan sebagainya dan tak layak diduduki.

Terakhir ialah, Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen. Umumnya mengetahui sejak tahun 2013, kerajaan memperkenalkan penggunaan i-Kad yang memiliki ciri-ciri keselamatan berteknologi tinggi sebagai dokumen tambahan yang diwajibkan kepada pekerja asing dan pegawai dagang. Berapakah jumlah i-Kad yang telah dikeluarkan pada tahun 2020 dan adakah peruntukkan sebanyak RM50 juta untuk perolehan i-Kad ini pada tahun 2021 untuk kegunaan pekerja asing dan juga pegawai dagang? Sikit sahaja Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sikit sahaja. Okey, kesian Hulu Rajang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ringkas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ringkas Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol kerana memberi masa sedikit. Sekarang Balai Polis Belaga sedang dalam kebakaran, Yang Berhormat Jempol. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri KDN ini supaya turun padang. Sekarang tak ada balai polis lagi. Saya mohon, sebagai Wakil Rakyat di Hulu Rajang, balai polis sedang terbakar sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri ambil tindakan yang drastik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ya, terima kasih. Penutupnya, sekian sahaja daripada saya buat masa ini. Saya harap agar segala yang disampaikan sebentar tadi mendapat perhatian pihak kementerian untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jempol. Sekarang saya jemput Yang Berhormat – Tadi Yang Berhormat Sepanggar tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Bukit Gelugor, selama lima minit. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sabak Bernam.

### 3.03 ptg.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya. Tuan Pengerusi, memberi saya peluang untuk bahas di Kementerian Dalam Negeri. Saya merujuk kepada Butiran 020100 dan juga 020300 iaitu berkenaan dengan kepelisan dan juga kawalan sempadan dan juga Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa isu. Pertama adalah berkenaan dengan laporan baharu-baharu ini daripada *The Times of India* iaitu satu akhbar di negara India yang mana laporan tersebut telah pun membongkar bahawa terdapatnya satu *intelligence report* di negara tersebut yang menyatakan, saya petik dalam bahasa asal Tuan Pengerusi, "*The Indian intelligence establishment is learnt to have intercepted crucial financial transactions with links to wanted Islamic preacher Zakir*

*Naik suggesting that a Malaysia-based Rohingya outfit may be in an advanced stage of orchestrating a terror strike in the country by a group led by a woman”.*

Juga terdapat beberapa laporan yang menyatakan ada kemungkinan bahawa satu *terror strike* tersebut mungkin akan berlaku dalam beberapa minggu sahaja dalam satu bandar di India. Jadi, saya meminta penjelasan berkenaan dengan isu ini yang saya fikir adalah amat serius berkenaan dengan peranan Zakir Naik tersebut dalam perkara ini. Adakah apa yg dilaporkan oleh pihak berkuasa India tersebut, adakah itu diambil serius oleh kerajaan kita?

Oleh sebab saya baru-baru ini mendapati bahawa IGP kita telah pun menyatakan melalui satu sidang akhbar mengatakan bahawa beliau tiada apa pengetahuan berkenaan dengan isu ini. Ini amat menghairankan. Oleh sebab sekiranya, ini adalah satu perkara yang telah pun berlaku maksudnya ia telah pun berlaku sudah lama lagi. *It has been going on for a while. It couldn't have happened overnight.* Jadi, ini adalah satu perkara yang saya minta Yang Berhormat Menteri KDN ini untuk menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan atau mengesahkan peranan Zakir Naik tersebut dalam perkara ini. Sama ada kerajaan kita ada mengambil tindakan ataupun langkah-langkah untuk bekerjasama dengan kerajaan India untuk mengatasi masalah ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Sama ada kami telah pun mendapati ataupun mendapat tahu identiti pihak Rohingya tersebut yang dikatakan merancang *terror strike* tersebut oleh penguat kuasa India tersebut. Ini saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, juga sama ada pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk menerima permintaan Kerajaan India untuk *extradite* Zakir Naik tersebut ke India dan sama ada langkah-langkah akan diambil dengan secepat mungkin terutamanya selepas pembongkaran *terror strike* ini oleh Kerajaan India tersebut.

Kedua Tuan Pengerusi, adalah berkenaan dengan Hal Ehwal Imigresen yang saya ingin membangkitkan di sini. Berkenaan dengan beberapa laporan baharu-baharu ini yang menyatakan bahawa satu sindiket penyeludupan (*smuggling syndicate*) yang dikatakan dijalankan oleh pegawai-pegawai imigresen telah pun ditangkap dan didapati bahawa pegawai-pegawai imigresen tersebut beberapa daripadanya mempunyai rekod *criminal* ataupun rekod jenayah. Ini merupakan satu perkara yang amat serius.

Salah seorang daripada dia dinyatakan ataupun dikatakan merupakan seorang ahli sindiket untuk pencurian kenderaan (*vehicle theft*). Dia juga mempunyai pangkat kalau tidak silap saya Tuan Pengerusi, gred KP19 dan dia dikatakan juga mempunyai ataupun memiliki kenderaan-kenderaan *luxury* seperti Rolls Royce, Mustang, Range Rover dan Audi. Bagaimanakah seorang pegawai yang mempunyai kesalahan jenayah ataupun rekod jenayah boleh menjadi ataupun menjadi seorang ahli imigresen?

Saya juga dimaklumkan bahawa sindiket tersebut di dalam Jabatan Imigresen ini juga mempunyai peranan dalam membawa orang masuk ke dalam negeri dan juga membenarkan orang keluar dari Malaysia ke luar negeri. Jadi, ini juga kena mengenai dengan bagaimana –Apakah yang diambil ataupun apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa *our borders are safe?* dengan izin Tuan Pengerusi.

Apakah yang dikatakan di sini, kalau ada *Indian terrorist strike and our own Immigration officers are enabling* dengan izin Tuan Pengerusi, *enabling such roughs to leave the country or enter the country. Is this being taken seriously? What other steps that have been taken to overcome this problem? We cannot wait for strike to occur. We must act now before it occurs. I think the Indian Government,* dengan izin Tuan Pengerusi *has been making requests to our government and we have a right to know what those requests are and what action has been taken for it.*

#### ■1510

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan lagi satu isu iaitu berkenaan dengan isu *approval permits* di mana baru-baru ini bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Hishamuddin Yunus telah pun membangkitkan isu ini iaitu berkenaan dengan laporan dari Public Accounts Committee (PAC) baru-baru ini yang membongkarkan bahawa kelulusan *special approvals* adalah berleluasa di dalam Kementerian Dalam Negeri. Ini adalah untuk *foreign worker recruitment*.

Jadi saya ingin mengetahui, Tuan Pengerusi, apakah tindakan yang telah pun diambil oleh Kementerian untuk menghalang perkara ini daripada berlaku? Saya faham bahawa *such approval permit process was undertaken* pada masa kerajaan dahulu, bukan kerajaan PH, kerajaan dahulu, tetapi kalau sekarang, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa terdapatnya *safeguards* untuk mencegah proses tersebut daripada berlaku lagi?

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berkenaan dengan isu *body cam* yang saya difahamkan baru-baru ini telah pun diumumkan akan diguna pakai oleh pihak polis. Saya tidak dapat nampak peruntukan itu di dalam bajet ini.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, sedikit.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya percaya *that is a good idea*, satu pengumuman yang baik dan saya ingin bertanya, di manakah dan apakah peruntukan yang diberi untuk *body cam*?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sedikit, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Sedikit pencerahan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya. Anggaran kos satu *body cam* jenama Axon yang diguna pakai oleh anggota polis di London Charing Cross Station boleh dianggarkan lebih kurang RM2,000 dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ada mengumumkan satu pengumuman yang baik dan kami semua sokong bahawa beberapa unit dengan anggaran 2,168 unit *body cam* akan diguna pakai tahun depan. Sekiranya kos tersebut adalah RM2,000, maka kos keseluruhan mencecah RM4.336 juta. Saya tidak nampak dalam butiran belanjawan Kementerian Dalam Negeri *body camera* atau kamera badan atau apa bentuk kamera badan dalam butiran tersebut.

Jadi saya ingin tahu, di manakah letaknya lebih RM4 juta itu dalam butiran belanjawan Kementerian Dalam Negeri? Adakah Yang Berhormat Bukit Gelugor sokong? Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Itu adalah satu perkara yang serius dan saya mohon izin untuk memasukkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Kawan di dalam *speech* saya.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya mempersilakan Yang Berhormat Sabak Bernam.

### 3.13 ptg.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Kementerian Dalam Negeri.

Pertama, Butiran 11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM) yang mendapat peruntukan sebanyak RM113 juta pada tahun 2021 berbanding sebanyak RM160,410,000 pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak RM47.4 juta.

Sehubungan dengan ini, saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam yang dipohon semenjak tahun 2007 lagi. IPD Sabak Bernam telah diwujudkan semenjak tahun 1983 lagi. Bangunan selama 37 tahun ini sudah banyak kerosakan serta tidak sesuai dengan perkembangan perbandaran dan pertambahan penduduk yang pesat di Daerah Sabak Bernam iaitu termasuklah kawasan Parlimen Sungai Besar dan Sabak Bernam.

Jadi saya mencadangkan mungkin berlaku di seluruh negara, kalau tak ada peruntukan untuk membina baharu, saya mengharapkan kepada KDN dapat membaik pulih semua bangunan ibu pejabat polis. Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan projek ini yang telah dipohon sejak tahun 2007?

Kedua, saya ingin menyentuh Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM8 juta pada tahun 2021 berbanding dengan RM11,239,500 pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak RM3.2 juta.

Sehubungan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan Balai Polis Sungai Air Tawar yang telah dibina semenjak sebelum merdeka lagi sebagai pondok polis dalam tahun 1924 dan dinaiktarafkan sebagai balai polis mulai tahun 1926. Balai Polis Sungai Air Tawar ini masih beroperasi dan memerlukan penyelenggaraan segera khususnya dalam bekalan pendawaian elektrik seperti yang dinyatakan tadi di Hulu Rejang yang telah terbakar. Saya berharap kepada KDN terus menyelenggarakan balai-balai polis di seluruh negara.

Ketiga, saya ingin membangkitkan berkenaan Butiran 18000 – Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) yang mendapat peruntukan dan saya ingin membangkitkan tentang kuarters perumahan polis di Pekan Sabak yang begitu uzur. Saya mengharapkan mungkin Yang Berhormat Menteri atau pegawai yang tertentu untuk melihat sendiri sama ada bangunan itu perlu dibaik pulih ataupun dirobohkan ataupun dilupuskan kerana bangunan itu sekarang ini begitu terbiar. Apakah langkah-langkah dan tindakan kerajaan membaik pulih kuarters tersebut bagi menjamin...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Sabak Bernam, saya juga minta laluan untuk bertanyakan tentang kuarters polis di Balai Polis Jelutong. Minta Yang Berhormat Menteri memberi perhatian juga. Ia yang tertua di Malaysia. Satu bilik sahaja untuk seorang anggota. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Masukkanlah. Mungkin di seluruh Malaysia, Tuan Pengerusi.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Pengurusan Pendaftaran dan Imigresen khususnya Butiran 030100 – Pendaftaran Negara. Saya ingin membangkitkan mengenai isu dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran dan MyKad mengenai kad pengenalan palsu yang berleluasa di negara ini. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah melaporkan sebanyak 1,047 tangkapan dibuat melibatkan orang awam hasil daripada 2,100 operasi penguatkuasaan yang dijalankan terhadap sindiket penipuan dan pemilikan dokumen pengenalan diri palsu ataupun milik orang lain dari tahun 2013 hingga 2019.

Saya ingin mendapat penjelasan bilangan individu yang telah ditangkap dan didakwa bagi penipuan pemalsuan sijil lahir, MyKad ataupun kad pengenalan kewarganegaraan bagi tahun 2020, terkini, mengikut negara dan bilangan. Apakah langkah dan tindakan penguatkuasaan serta penambahbaikan yang telah diambil kerajaan khususnya KDN dalam menangani isu penipuan dan pemalsuan dokumen diri ini? Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji seksyen 466 Kanun Keseksaaan dan seksyen 109 Kanun Keseksaaan, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 bagi mengenakan hukuman yang lebih berat kepada individu dan penjawat awam yang terlibat dengan sindiket penipuan dan pemalsuan dokumen pengenalan diri dan termasuklah mengenakan hukuman denda dan penjara lebih tinggi dan sebatan mandatori?

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Pengurusan Pendaftaran dan Imigresen. Saya ingin menyentuh secara khusus Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2. Saya ingin mendapat penjelasan bilangan dan jumlah sebenar dan terkini pelancong warga China dan India yang masih tidak keluar daripada negara ini selepas tamat tempoh lawatan. Apakah langkah kerajaan bagi menjejaki pelancong China yang masih berada di negara ini selepas tamat tempoh lawatan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil? Adakah kerajaan telah mengambil tindakan menyenaraihitamkan agensi pelancongan yang gagal membawa keluar pelancong daripada negara China dan India selepas tamat tempoh lawatan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Yang Berhormat Sepanggar.

**3.19 ptg.**

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menjurus terus ke B.62 Butiran 010200 – Dasar dan Operasi dan Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan



disokong oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak berkenaan dengan pelaksanaan pemutihan pendatang asing tanpa izin dan pemberian pas sementara di seluruh negara termasuk di Sabah bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan.

■1520

Saya bertanya ini kerana terdapat kenyataan yang agak bercanggah, khususnya daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak dan juga dari Keningau yang mengatakan bahawa ia tidak terpakai di Sabah. Akan tetapi, apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia seluruh negara. Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada ia seluruh Sabah ataupun sebaliknya.

Ini kerana, saya masih ingat dahulu sewaktu saya berada di sana, bila mana cadangan PSS ini dilaksanakan, *mainly* hanya untuk kepada tiga *group* sahaja iaitu pemegang kad Burung-Burung, IMM13 dan Sijil Banci tidak termasuk PTI atau PATI. PATI ini maksudnya pendatang asing tanpa izin yang masuk secara haram.

Jadi, apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu seolah-olah menghalalkan yang haram untuk dihalalkan bekerja di negara kita termasuklah di Sabah. Jadi, ada sedikit konflik di sana, kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak tidak selari dengan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. So, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Maksud Bekalan B.62, Butiran 020100 – KePOLISAN. Pertama, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota PDRM yang telah berkorban jiwa dan raga dalam menjalankan tugas demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kedaulatan negara terus terpelihara.

Saya terus pergi kepada butiran ini. Pertama, baru-baru ini Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman menyatakan bahawa terdapat sebilangan anggota polis yang mampu berkereta mewah dan sering keluar negara untuk bermain golf. Gaya hidup berlebihan dikesan walaupun tidak setara dengan jawatan serta gaji bulanan yang diperolehi. Oleh itu, jangan hanya '*kerana nila setitik, rosak susu sebelanga*'. Kementerian harus bertindak segera dalam merangka satu strategi, satu sistem yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah ini yang jelas merosak dan mencemarkan imej PDRM di mata rakyat.

Saya juga terpanggil untuk menyahut dan menyokong saranan Ketua Polis Negara yang meminta kerajaan mempertimbangkan kenaikan Elaun Tetap Perumahan untuk anggota PDRM. Dengan tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi, ditambah dengan komitmen kewangan yang sedia ada, anggota PDRM tidak boleh diberikan galakan dan dibantu dengan cara lain atau orang lain selain daripada kerajaan sendiri bagi menampung kehidupan keluarga sehingga menjejaskan integriti dan amanah yang diberikan rakyat kepada mereka.

Justeru, saya sekali lagi menyokong cadangan dan kenyataan Ketua Polis Negara dan saya berharap, Yang Berhormat Menteri serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar menyegerakan kenaikan Elaun Tetap Perumahan kepada anggota PDRM dan saya percaya sekiranya isu kebajikan anggota polis dijaga sebaiknya, isu salah laku dan rasuah yang sering dikaitkan dengan segelintir anggota dapat – walaupun tidak dihapuskan tapi sekurang-kurangnya dikurangkan.

Maksud Bekalan B.62, Butiran 020200 – Kesukarelawan. Diperuntukkan sejumlah RM125.5 juta, yang mana ia kenaikan RM400,000 berbanding tahun ini. Pertama, saya ingin dapatkan pencerahan peruntukan ini dan apakah program-program sukarelawan yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun hadapan.

Kedua, berapakah jumlah sukarelawan simpanan polis sehingga kini dan jumlah mereka mengikut pecahan bandar dan di luar bandar? Ketiga, berapakah peruntukan yang disediakan bagi menyediakan elaun khidmat kepada pasukan sukarelawan dan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan elaun ini?

Maksud Bekalan B.62, Butiran 020400 – Eastern Sabah Security Command (ESSCOM). Butiran 051300 – Penugasan ESSZONE dan Butiran 08800 – Pembangunan ESSCOM. Pertama, adakah perancangan dan pelan jangka panjang kerajaan bagi kawasan ESSZONE ini, sama ada perintah *sea curfew* ini akan berterusan dan selamanya atau akan ada perancangan lain?

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak bahawa di Pantai Timur Sabah ini masih terdapat masalah di mana peronda-polis tidak

dapat ke laut kerana kekurangan bekalan minyak. Ini yang berlaku di negeri Sabah sebab itulah bagaimana mereka boleh menjaga keselamatan Pantai Timur Sabah kalau bekalan minyak pun tidak mencukupi.

Kedua, adakah peruntukan yang disediakan ini merangkumi pemasangan kamera *Big Eye* beresolusi tinggi di Pulau Bohey Dulang seperti dipohon oleh ESSCOM baru-baru ini. Ketiga, bilakah kementerian akan melengkapkan aset udara untuk ESSCOM bagi membolehkan mereka mengatur gerak aset udara lebih berkesan memandangkan mereka bergantung dengan aset-aset udara daripada agensi lain yang terkekang dengan misi serta jadual penerbangan yang telah ditetapkan oleh agensi masing-masing.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum, kawasan Pantai Timur Sabah ini adalah kawasan yang sering menghadapi masalah penculikan dan masalah yang kita hadapi di Pantai Timur Sabah ini, Unit Udara pun agak tidak ada. *In fact* tadi Kementerian Pertahanan saya telah minta rakan saya untuk menyebut agar kalau boleh diwujudkan di Pantai Timur Sabah ini, Unit Udara kita ataupun pangkalan Tentera Udara kita. Ini kerana yang berhadapan dengan pencerobohan setiap tahun, ada sahaja anasir-anasir cubaan untuk menculik di kawasan ini.

Terakhir, Maksud Bekalan B.62 Butiran 040200 – Kepenjaaran dan Koreksional. Pertama, saya menyentuh mengenai gaji dan elaun kakitangan penjara. Saya harap agar kementerian dapat mempertingkatkan dan mengkaji semula perkara ini kerana kita tahu ini merupakan perkara asas yang dihadapi oleh kakitangan kita di penjara.

Kedua, berkenaan dengan reformasi penjara, ini juga antara perkara yang saya rasa pihak kementerian perlu melihat dengan lebih teliti sebab sekarang ini pun masalah lebihan banduan-banduan yang duduk dalam penjara kita perlu ditangani dengan begitu baik. Itu sahaja daripada saya.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Sepanggar, Ledang. Boleh celah sekejap, Ledang. Boleh, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar, saya ada kaitan tadi dengan penjara sedikit. Oleh sebab dalam Butiran 56000 – Bangunan-bangunan Penjara. Dalam belanjawan, diperuntukkan sebanyak RM137.8 juta. Jadi, saya ingin tahu, apakah ini juga mengandungi perbelanjaan untuk ubahsuai penjara? Justeru, berkenaan dengan keadaan Covid sekarang yang mana penjara kita mungkin sesak dan menjadi tempat merebaknya COVID-19. Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Masukkan dalam ucapan saya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Serian.

### 3.27 ptg.

**Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya terus pergi ke Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Sebentar tadi kita telah mendengar berita sedih bila mana sebuah balai polis iaitu Balai Polis Belaga telah terbakar 100 peratus. Jadi, mengambil kesempatan ini, saya ingin menyampaikan rasa sedih saya dari orang Serian kepada Polis Diraja Malaysia, khususnya kepada mereka yang bertugas di *police station* Serian.

Tuan Pengerusi, mengenai balai polis, saya ingin bertanya, berapakah balai polis di seluruh negara yang masih usang? Berapakah dari balai polis di seluruh negara yang masih dibina menggunakan kayu?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya pergi ke Butiran 11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM). Tuan Pengerusi, pada masa sekarang peratusan anggota Polis Diraja Malaysia, anak jati Sarawak yang bertugas atau berkhidmat di negeri Sarawak adalah 70 peratus. Saya telah difahamkan bahawa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bercadang untuk mengurangkan peratusan ini daripada 70 peratus kepada 40 peratus sahaja. Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan cadangan ini, maka saya cadangkan supaya peratusan sebanyak 70 peratus ini dikekalkan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 020000 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam dan juga Butiran 020300 – Kawalan Sempadan. Tuan Pengerusi, CIQ Tebedu. Perkara ini saya telah bawa ke Dewan yang mulia ini tidak kurang daripada tiga kali sebelum ini. CIQ Tebedu dibina dalam tahun 80-an lagi, ia sudah terlalu usang dan terlalu kecil untuk menampung kegunaan sebuah CIQ, lebih-lebih lagi dengan

terbukanya, dengan pemindahan ibu negara Indonesia dari Jakarta ke Kepulauan Borneo.

#### ■1530

Saya tahu- di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Menteri Dalam Negeri sendiri kerana pada 17 Julai yang lepas telah mengadakan lawatan tapak ke CIQS Tebedu itu sendiri untuk melihat keadaan di situ. Tuan Pengerusi, saya amat berharap dengan lawatan tapak sendiri oleh Yang Berhormat Menteri melihat agar perlunya CIQS Tebedu ini diperbesarkan, malahan saya cadangkan supaya kompleks bukan sahaja CIQ, malahan Kompleks CIQS dibina di Tebedu.

Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, sebenarnya dua hingga tiga tahun yang lepas, kerajaan ketika itu bukan Kerajaan Pakatan Harapan, telah bersetuju untuk membina Kompleks CIQS yang baharu di Tebedu yang bakal menelan belanja RM400 juta. Dalam perkara ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah pun bersetuju untuk menampung separuh dari kos pembinaan Kompleks CIQS Tebedu ini. Maka dengan itu, saya amat berharap agar pembinaan Kompleks CIQS Tebedu ini akan dapat dipercepatkan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya pergi ke Butiran 17000 – Pasukan Gerakan Am (PDRM), Polis Diraja Malaysia iaitu tentang pos kawalan di Bunan Gega. Pos kawalan di Bunan Gega hanya dianggotai oleh 12 orang iaitu satu seksyen sahaja untuk mengawal sempadan Malaysia–Indonesia, Indonesia–Malaysia di bahagian Serian. Jumlah 12 orang ini tidak cukup dengan jalan-jalan tikus yang banyak. Ada jalan-jalan tikus ini bukan sahaja jalan tikus, malahan ialah ia sudah menjadi jalan gajah. Jumlah ini tidak cukup.

Maka, saya cadangkan, saya minta kementerian untuk melihat sekurang-kurangnya menambah keanggotaan PGA di situ, sekurang-kurangnya kepada satu platoon. Mengenai pos kawalan sempadan, saya cadangkan juga supaya kerajaan melihat untuk mendirikan pos kecil kawalan sempadan di Kampung Mongkos. Maka dengan itu Tuan Pengerusi, masa tidak mengizinkan saya. Itu permintaan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Serian. Yang Berhormat Pokok Sena.

#### 3.33 ptg.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh mengenai B.62 Butiran 020100 – KePOLISan. Saya juga ingin menyentuh walaupun telah pun disentuh oleh rakan-rakan tadi iaitu isu pertukaran 20 orang pegawai dan anggota polis yang didapati terlibat dalam sindiket *Macau Scam* dan juga judi dalam talian ini. Saya anggap bahawa suatu tindakan yang tidak dapat menyelesaikan masalah ataupun menghentikan penglibatan mereka dalam persengkongkolan dengan pihak penjenayah sepertimana yang diakui oleh Ketua Polis Negara sekarang ini. Saya melihat bahawa apa yang sepatutnya kerana ini membabitkan ada OCPD pun ada.

Jadi, kalau dia ditukar untuk mengetuai satu lagi daerah polis, apa jaminan pihak kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri bahawa dia tidak akan bersekongkol lagi dengan penjenayah *scam* dan juga judi di talian ini? Jadi, sepatutnya bagi saya, dalam prosedur soal penugasan pihak berwajib ini, kalau mereka itu dalam siasatan, seharusnya digantung, bagi saya. Sepatutnya digantung walaupun tidak boleh diambil tindakan mahkamah lagi, sepatutnya digantung tugas mereka sehingga selesai siasatan itu dibuat untuk memastikan sama ada, ada wujud kes itu sebenarnya ataupun tidak.

Akan tetapi kalau dalam kenyataan yang dibuat oleh ketua polis itu menggambarkan, ketua polis sendiri pun mengakui bahawa penglibatan mereka. Jadi, ini tindakan pertama katanya. Jadi, kalau tindakan pertama ditukar, bermakna bahawa kegiatan itu akan berterusan. Jadi, saya minta supaya satu tindakan yang tegas sebab ini hendak menjaga nama baik polis. Jangan kerana seorang dua, akhirnya semua terpalit dengan pandangan yang serong terhadap pihak polis.

Jadi, saya minta satu tindakan yang lebih tegas diambil. Kedua ialah saya hendak menyentuh berkaitan dengan Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen. Pun begitu ya. Walaupun ini bukan tindakan penukaran tetapi masalah dalam Kementerian Dalam Negeri iaitu pihak penguat kuasa ini terlibat dalam kes-kes yang berkaitan dengan soal rasuah dan sebagainya. Seramai 27 pegawai Imigresen yang ditahan oleh SPRM kerana

terlibat dalam sindiket salah guna cop keluar dan masuk di pintu sempadan negara. Jadi, bagi saya bahawa ini satu yang membimbangkan kita semua kerana ini akan membabitkan kesan kepada lambakan pekerja asing ataupun pendatang tanpa izin yang akan lebih ramai di dalam negara kita.

Kemudian yang keduanya, berkaitan dengan Imigresen ini ialah berkaitan dengan pekerja asing iaitu pendatang tanpa izin (PATI) yang akan dibenarkan untuk diambil dan disahkan menjadi pekerja yang sah, pendatang yang sah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu dalam Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin sama ada dalam rekalibrasi pulang ataupun rekalibrasi tenaga kerja iaitu antara kerjasama Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Bagi saya, bahawa seperti mana yang saya sebut baru-baru ini dalam Kementerian Sumber Manusia, kita berhasrat untuk hendak mengurangkan pekerja asing. Tiba-tiba hari ini, kita membenarkan pihak pendatang tanpa izin untuk disahkan mereka itu sebagai pekerja. Saya bimbang akan menyebabkan lebih ramai orang akan melihat bahawa Malaysia adalah destinasi untuk mereka datang secara haram kerana selepas itu akan dibersihkan sebagai pekerja atau pendatang yang sah. Jadi, ini akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada masa depan negara kita.

Keduanya juga, kerana ada sektor yang diizinkan dikatakan antaranya sektor perkilangan. Bagi saya tidak sepatutnya, kerana lebih ramai masyarakat Malaysia yang boleh berada dalam sektor perkilangan. Sepatutnya kerajaan mengambil langkah untuk memberikan kesedaran kempen secara lebih meluas untuk pekerja-pekerja tempatan, warga tempatan ini untuk bekerja di sektor tiga 'D' ini, 3D ini. Kalau sekarang ini dalam suasana pandemik COVID-19 ini, saya lihat bahawa ramai orang yang kerja yang *smart* dulu, hari ini sanggup *berlemuuh*.

Contohnya *pilot*, kapten, sanggup jual mi kari. Jadi, dulu ini dia *smart*, bukan bawa traktor tetapi bawa kapal terbang. Akan tetapi hari ini dia duduk di warung untuk jual mi. Maknanya, orang sudah tidak lihat lagi soal sektor 3D ini adalah masalah yang lekeh bagi mereka. Perkara yang penting kepada mereka ialah sumber pendapatan yang perlu diberikan kepada—diperoleh oleh mereka.

Akhir sekali, yang berkaitan dengan soal penjara. Saya tidak ingat kosong berapa iaitu saya lihat bahawa jawapan kepada saya semalam iaitu kepadatan yang melebihi kapasiti di penjara sekarang ini iaitu 64,732 banduan, sedangkan kapasitinya ialah 46,420 orang banduan sahaja. Jadi, melebihi 39.45 peratus. Maknanya, 18,000 lebih sudah melebihi kapasiti dan ini yang terjadi menyebabkan berlaku pandemik COVID-19 ini di beberapa penjara di dalam negara kita. Jadi, apa langkah-langkah pihak kerajaan untuk mengatasi masalah kepadatan ataupun yang melebihi kapasiti ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Seterusnya, Yang Berhormat Baling.

### 3.39 ptg.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan Nasional kerana telah menyediakan sebanyak RM16.8 bilion bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ini menunjukkan kerajaan komited dan prihatin untuk menjaga keselamatan serta keharmonian dalam negara.

#### ■1540

Akan tetapi, apa yang ingin saya bahaskan pada petang ini adalah dalam kita berhadapan dengan masalah pandemik COVID-19 ini, kerajaan telah menurunkan peruntukan untuk KDN sebanyak RM75.8 juta. Saya kira kerajaan perlu mempertimbangkan semula peruntukan untuk KDN agar ditambah bagi memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara terjamin serta kesejahteraan rakyat terpelihara, khususnya bagi anggota polis.

Butiran 020100 – Kepolisian. Kita dapati penurunan sebanyak RM134 juta iaitu daripada RM8.670 bilion pada tahun 2020 dikurangkan kepada RM8.536 bilion bagi tahun hadapan. Saya memohon pada kerajaan untuk tambah peruntukan atau kembalikan peruntukan sebanyak RM134 juta tersebut buat program aktiviti kepolisian negara untuk memastikan kes jenayah di Malaysia menurun di seluruh negara termasuk Pulau Pinang, Sarawak dan Terengganu pada tahun yang mendatang ini.

Selain daripada itu, saya sendiri dan rakan-rakan sudah banyak bahaskan, saya ingin sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan masalah perjawatan dan kekuatan atau *strength* anggota di balai polis. Hampir 40 tahun perjawatan di balai-balai polis, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, masih lagi menggunakan perjawatan lama dan kekuatan balai-balai dilihat sudah tidak relevan lagi.

Yang Berhormat Menteri, bayangkan sejak tahun 1970-an, Balai Polis Kupang di Baling contohnya, dengan kekuatan anggota ada hanya 15 orang daripada perjawatan 19 orang dan jumlah penduduk hampir 60,000 orang penduduk. Mana mungkin penugasan ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan kerana anggota tidak mencukupi. Ini seperti penggunaan jika balai polis seperti di kaunter aduan, *patroller* dengan izin iaitu MPV, ronda jenayah, NCR, lokap, bantuan tugas lain, kawalan tempat awam, lalu lintas serta menjadi sangat kritikal untuk diatur oleh semua ketua-ketua balai polis atau OCS serta memberikan kesukaran kepada pentadbiran di balai-balai polis ini.

Oleh itu saya memohon perjawatan di balai-balai ini harus disemak kembali dan diberi perhatian yang serius serta diambil tindakan segera oleh Kementerian Dalam Negeri dan JPA. Saya juga meminta perjawatan di semua balai polis yang terkesan haruslah ditingkatkan atau ditambahkan keanggotaan mengikut peredaran masa terkini yang mendatang. Saya cadangkan setiap balai polis sekurang-kurangnya ada 20 orang hingga 30 orang *strength* keanggotaannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menambah satu lagi perkara. Ini berkaitan, ini seiring dengan arahan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang pernah memberikan arahan dalam mesyuarat SPP supaya memberi ruang dan keutamaan kepada anggota dalaman iaitu anggota-anggota polis yang nak memohon jawatan inspektor.

Jadi, dalam kes ini saya melihat temu duga telah dilaksanakan untuk jawatan YA13 PSL pada tahun 2020. Seramai 523 orang yang layak dan dipanggil untuk temu duga, kemudian seramai 486 orang telah berjaya di dalam temu duga dan sesuai untuk dilantik pada tahun 2020, adalah seramai 523 orang. Seramai 380 orang untuk PSL dan 145 orang calon awam.

Oleh yang demikian, terdapat baki 106 orang calon yang dijadikan simpanan dan tidak dilantik. Bagi tahun 2021, terdapat 480 kekosongan jawatan inspektor dan saya mohon 106 orang calon PSL ini dilantik sebagai siri kedua tahun depan. Ini kerana alasan yang saya berikan mereka telah hadir ke temu duga dan telah diperakukan layak, membiayai kos sendiri, mengambil ijazah undang-undang dalam pasukan, umur semakin meningkat. Tahun hadapan undang-undang pasukan tidak boleh diguna pakai dan dimansuhkan. Calon yang ada undang-undang pasukan tidak ada peluang untuk memohon sebagai pegawai. Mereka ini ialah *frontliners* dan kita harus memberikan keutamaan kepada mereka.

Calon-calon awam masih ada peluang untuk memohon pekerjaan lain yang masih muda. Anggota dalam pasukan perlu diberikan keutamaan seperti Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan kepada SPP. Jadi, satu lagi kes isu *syllabus* latihan untuk pegawai-pegawai dan anggota perlu diubah mengikut peredaran masa dan tenaga-tenaga pengajar perlu diberikan latihan yang sesuai. Tempoh latihan juga boleh ditambah ke enam bulan, sekiranya pelatih-pelatih ini tidak mantap lagi.

Jadi, saya harap perkara ini dapat dilakukan. Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya agak begitu gembira dahulu apabila Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan bahawa National Task Force (NTF) telah dilancarkan oleh kerajaan bagi menghalang kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) di sempadan negara dengan tujuan untuk mengekang penyebaran COVID-19. Selain angkatan tentera polis, ATM, Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), agensi-agensi di bawah KDN, PDRM, APMM, Jabatan Imigresen, AKSEM, ESSCOM dan RELA juga terlibat dalam Operasi Benteng yang dilaksanakan di bawah NTF sejak 9 Mei yang lalu yang begitu mantap.

Soalan saya, melihat kepada kejayaan NTF ini, apakah Yang Berhormat Menteri akan memastikan ia dijadikan sebagai satu inisiatif yang tetap, diperluaskan skop kawasan operasi dan bidang kuasanya di seluruh negara? Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya harap jawapan akan diberikan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Sungai Petani.

**3.46 ptg.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 030100 – Pendaftaran Negara. Saya didatangi oleh ramai anak muda baru-baru ini yang berjumpa dan bertanya tentang proses untuk mendaftarkan anak-anak mereka yang baru lahir.

Yang Berhormat Menteri, sekarang ini kena buat *appointment*, macam-macam. Jadi, saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah ini proses sementara sahaja kerana PKP ini ataupun satu urusan yang akan berterusan? Ini kerana memang susah untuk nak daftar anak yang baru lahir. Itu yang pertama.

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah. Kita dengar banyak Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangkitkan keluhan dan sebagainya, teman-teman lain isu – Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan mempertimbangkan pandangan pakar-pakar, termasuklah Doktor Adeeba, daripada Universiti Malaya dan ramai lagi pakar-pakar yang mengatakan bahawa *drugs addict* bukan *criminal*. *Drugs addict* ialah orang-orang yang sakit. Orang-orang yang terlibat dalam jenayah apabila kena *drugs* itu, mereka *criminal*.

Apa yang saya nak bincang ini bukan orang yang terlibat dalam *criminal*, mencuri, membunuh dan sebagainya tetapi orang *addict* ini sebab apa, kita juga pernah dimaklumkan oleh pegawai penjara bahawa hampir separuh...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Sungai Petani...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Daripada penghuni-penghuni penjara yang 60,000 orang itu ialah kebanyakan kes *drugs related*...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Sungai Petani...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Jadi, adakah masanya, tiba masa untuk kita lihat bahawa kita bagi *treatment* kepada mereka ini secara *medication*. Tidak menghukum mereka kerana – menghukum mereka kerana mereka *drug addict*, saya rasa tidak akan menyelesaikan masalah. Jadi permintaan saya...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Sungai Petani...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Wait, two minutes* ya. Permintaan saya, adakah Menteri akan melihat dimensi baharu supaya bukan sahaja kita akan dapat mengurangkan perbelanjaan kita, tetapi juga kita akan dapat kurangkan *crowd* dalam penjara itu. Silakan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya *just* nak tanya berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi berkenaan dengan isu penagih dadah, bukan penagih dadah tetapi *the menace of drugs*, di mana terdapat banyak kajian dan penyelidikan yang menunjukkan bahawa kebanyakan ataupun ramai daripada orang ini *suffered from diseases*. Bukannya satu perkara yang kita boleh ambil secara ringan.

Adakah Yang Berhormat Sungai Petani berpendapat bahawa memandangkan terdapat *expert opinion* macam itu, adalah wajar untuk kerajaan untuk mempertimbangkan agar kita *tackle* isu ini dari segi *medical* dan bukan dari segi menghukum mati. Oleh sebab itu bukannya akan mengatasi masalah tersebut. Apakah pandangan Yang Berhormat Sungai Petani?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya mohon untuk masukkan dalam ucapan saya kerana saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Boleh? Boleh?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Okey, sikit, sikit sahaja *please*.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Di atas perkara pendaftaran, saya nak minta Menteri juga. Oleh sebab kelahiran-kelahiran di dalam negara kita, adakah kementerian teruskan dengan isu kelahiran ini? *My question is about newborn in Malaysia* yang mana ibu bapanya, bukan warganegara Malaysia. Akan tetapi bila kita dapat seorang bayi di dalam negara kita, fasal apa kita hukumkan bayi itu dan kita tidak daftar bayi itu tetapi kita mendaftar ada masalah dengan ibu ataupun bapanya?

## ■1550

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kuala Langat minta saya tanya Menteri kah? Yang Berhormat Kuala Langat minta saya tanya Menteri? Okey, terima kasih. Saya akan bertanya Menteri sekarang.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Sedikit, sedikit lagi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Itu ialah ucapan yang saya anggap patut untuk dijawab oleh Menteri. Baik, seterusnya...

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Sedikit, sedikit lagi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Oh! Ada lagi. Hah! Okey, okey.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Lagi satu ialah isu *Malaysia My Second Home* ini, pendaftaran itu adakah kita teruskan pendaftaran atau kita telah memberikan visa sudah diberhentikan? Kalau visa sudah diberhentikan, apa yang akan dilakukan kepada orang-orang sebelum ini yang telah pun masuk ke dalam negara kita dan telah membuat pelaburan dan membeli kediaman dan sebagainya? *What is their status now? I go back to you now?*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Masukkan juga dalam ucapan saya kerana panjang tadi.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah Butiran 040200 – Kepenjaaran dan Koreksional. Kita ada 27 buah penjara keseluruhannya. Sebanyak 18 buah di Semenanjung, 19 buah di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Menteri, kita ada 60,000 orang penghuni. Bagi saya, ini ialah *free labour*. Adakah kita tidak fikirkan, *rather than* kita *feed* mereka *everyday*, apakah tidak ada pemikiran untuk menyuruh mereka buat kerja?

Contohnya, di samping saya tahu yang penjara Terengganu suruh buat songket tetapi songket ini kita tidak boleh jual di Vietnam, kita tidak boleh jual di Amerika. Akan tetapi kalau kita suruh mereka buat skru, sebesar-besar skru kapal sehinggalah ke sekecil-kecil skru di jam. Saya rasa kalau kita buat skru, Malaysia akan menjadi pengeluar skru Tuan Pengerusi yang paling canggih, yang paling baik, paling konsisten dan paling murah. Jadi kalau kita *invite investors* untuk siapa hendak beli skru, *mai* beli skru di Malaysia, kita akan ada *free labour*. Jadi, tidak ada masalah ataupun buat *wire harness*.

Ini benda-benda yang kita boleh buat untuk kita tidak beri makan mereka...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** [Bangun]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Selepas itu akhirnya kita lepaskan mereka, *problem*.

Baik, sementara itu juga Tuan Pengerusi...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Sungai Petani, mencelah sedikit.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Satu, *last minute* ini ialah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri, pihak penjara telah pun memutuskan untuk mengadakan Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) di kawasan Kuala Muda. Saya difahamkan oleh pengarah bahawa Pusat Reintegrasi Penghuni ini macam hendak beri parol lah. Sebelum mereka ini diberikan parol, akan dikumpulkan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, yang dipilih ini ialah di Kampung Teluk Nipah, bekas kem PLKN yang dalam kampung betul-betul, dalam kampung. Jadi saya hendak tanya, saya ingat tidak sesuai Yang Berhormat Menteri. Buka-buka tingkap, nampak– buka tingkap, tidak sampai 13 meter akan ada Pusat Reintegrasi ini. Saya mohonlah Menteri lihat balik.

Kita ada banyak kuarters guru yang terbiar dan cantik di kawasan Kuala Muda. Melihat bagaimana kita boleh gunakan kuarters-kuarters ini. Bangunan empat tingkat dengan batu, elok tempatnya, dengan padang semua ada. Gunakan kuarters yang tidak digunakan oleh guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan. Saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh *pi* arahkan mereka, lihat daripada kita hendak ambil kem bekas PLKN ini yang kita terpaksa bayar pula, kerajaan terpaksa bayar. Ini rumah guru *free*. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tengok yang itu.

Akhir sekali Menteri, saya ucapkan terima kasih kepada semua *frontliners* yang bersungguh-sungguh khususnya anggota polis kita yang berjemuur siang dan malam.

Saya faham mereka ini bekerja kuat. Jadi kalau ada elaun-elaun itu, bagilah lebih kepada mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Ini Yang Berhormat Tanjong Karang dahulu...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong Karang dahulu.

**3.53 ptg.**

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 020100 – Kepolisian. Sebelum itu saya hendak beritahulah Yang Berhormat Menteri. Masa menggulung dahulu, menggulung Rang Undang-undang Perbekalan, Yang Berhormat Menteri janji hendak beri saya jawapan bertulis tetapi sampai sekarang pun saya tidak dapat lagi. *[Ketawa]* Saya harap tunaikan janji.

**Seorang Ahli:** *On the way, on the way.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Oleh sebab isu yang saya bangkitkan ini ialah isu penting iaitu isu jenayah siber. Ini kerana kita tahu, isu jenayah siber ini Tuan Pengerusi, amat penting sekali. Kita tahu negara kita ini Kerajaan Malaysia adalah Pengerusi Jawatankuasa Jenayah Siber ASEAN. Akan tetapi, jenayah siber menyebabkan Malaysia kerugian berbilion ringgit. Berdasarkan Laporan Ancaman Keselamatan Sophos 2014, sebuah agensi bebas yang menyelidik tahap bahaya serangan siber, Malaysia berada pada tangga keenam mudah diserang penjenayah siber.

Saya lihat hari ini dan esok giliran Malaysia, giliran PDRM akan ada satu *video conference* INTERPOL melibatkan 181 buah negara. Isu jenayah siber dan juga *current national crime* jadi isu utama. Jadi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh selesaikanlah jenayah siber ini dengan begitu profesional. Pertama, wujudkanlah Akta Jenayah Siber, menggantikan Akta Jenayah Komputer 1997 yang mungkin kurang relevan sehingga hari ini kerana jenayah siber ini amat penting.

Kedua, saya hendak cadangkan juga supaya PDRM tengok balik. Hari ini kita ada Unit Jenayah Siber dan Multimedia yang diletakkan di bawah Jabatan Jenayah PDRM. Saya hendak cadangkan supaya Unit Jenayah Siber dan Multimedia dinaikkan taraf sama sebagai satu *department* baharu menunjukkan di bawah PDRM, menunjukkan betapa seriusnya negara kita hendak memerangi jenayah siber ini. Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia pun bersetuju itu. *[Ketawa]*

Kedua, kecekapan polis. Saya hendak ucapkan tahniah daripada ketangkasan dan juga kecekapan polis, kita lihat negara kita ini berada dalam keadaan yang aman, jenayah pun kita dapat atasi. Akan tetapi ada satu kes lah, kalau boleh. Ini kes arwah Adib ini, bekas pegawai bomba. Dari dahulu sampai sekarang, saya baca baru-baru ini pula, keluarga dia begitu sedih mengapa penjenayah yang terlibat dengan kes pembunuhan Adib ini masih belum dapat ditahan ataupun didakwa.

Kalau saya tidak silap, Jabatan Peguam Negara telah menyerahkan semula kes ini kepada polis untuk mengadakan siasatan lanjut. Jadi kes Adib ini amat penting kerana ia satu pengorbanan pegawai kakitangan awam yang terkorban sewaktu menjalankan tugas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, isu Adib, isu Adib.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Janganlah panjang-panjang sangat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, sedikit sahaja. Terima kasih. Dalam sesi penggulungan yang lalu, saya telah nyatakan tadi, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa suspek-suspek terlibat akan dituduh tetapi untuk Kesalahan 148 Rusuhan. Akan tetapi sehingga sekarang kita lihat, tidak ada sebarang perkembangan. Minta ulasan Yang Berhormat, sama ada perkara itu perlu diberi perhatian atau tidak.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini— sejak akhir-akhir ini Yang Berhormat Jelutong okey dengan saya. Saya bersetuju masukkan ucapan Yang Berhormat Jelutong sebagai ucapan saya supaya perkara ini bukan sahaja berdasarkan



parti, ini ialah satu isu yang penting. Yang Berhormat Arau pun menyokong apa yang saya nyatakan tentang isu Adib ini. Tolong selesaikan supaya rakyat dapat melihat keadilan dapat kita tegakkan.

Isu yang ketiga ini saya hendak minta juga Yang Berhormat Menteri supaya dapat menimbang lah, ini mengenang jasa bekas-bekas pegawai polis yang telah pun bersara dan banyak berjasa kepada negara. Kita tahu bekas tentera yang berjasa, veteran tentera dia telah pun dianugerahkan Pingat Jasa Malaysia. Tidak silap saya mereka telah pun dapat elaun RM500 bagi *one-off* tetapi untuk polis ini kalau boleh minta Menteri KDN perjuangkan nasib bekas pegawai polis yang dapat anugerah Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN).

Ini sepatutnya juga harus diberikan pembelaan seperti mana rakan-rakan mereka di bawah PJM. Apa yang kita tahu, polis dan tentera ini tidak boleh kita pisahkan kerana mereka inilah yang bekerja siang malam seperti Yang Berhormat Padang Serai sebutkan tadi, yang kita hidup dengan aman. Jadi, saya harap diberikan perhatian kepada bekas-bekas tentera dan juga bekas pegawai polis.

Akhir ialah Butiran 020300 – Kawalan Sempadan. Saya minta supaya KDN memberikan perhatian kepada pos-pos kawalan PGA terutamanya di pesisiran pantai negeri Selangor. Ini Yang Berhormat Menteri, saya sendiri turun melihat pos kawalan PGA dalam Parlimen saya di Bagan Pasir yang amat menyedihkan. Tidurnya teruk, bumbungnya teruk dan memang teruklah. Kalau calang-calang orang tidak ada semangat, takkan sanggup tidur siang malam menjaga keselamatan negara di bawah pos kawalan ini.

Jadi, saya minta tolong berikan keutamaan. Tanjong Karang ini Yang Berhormat Menteri, tidak payah sudah. Saya sudah beri peruntukan khusus RM38,000 untuk membaikinya tetapi yang lain-lain itu tolong. Baiklah kerana mereka bekerja siang malam untuk menjaga sempadan negara, terutamanya di kawasan Pantai Barat negeri Selangor ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong Karang. Akhir sekali saya hendak jemput Yang Berhormat Rasah. Kemudian Yang Berhormat Sibuti. Seorang tiga minit, boleh? Yang Berhormat Rasah ada?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ada, ada sini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah sini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah tidak ada.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ada, Rasah ada.

**Tuan Pengerusi:** Ada?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah sini.

■1600

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Yang Berhormat Rasah tiga minit. Kemudian Yang Berhormat Sibuti tiga minit.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Ingatkan tidak dapat tadi. Akhirnya dapat juga. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil masa yang singkat ini untuk mengetengahkan beberapa isu. Perkara pertama di bawah Butiran – 01000 – Ibu Pejabat Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sebanyak RM231 juta diperuntukkan berbanding dengan setahun sebelumnya tiada peruntukan. Saya hendak tanya kenapa peruntukan yang sebegitu besar RM231 juta diperuntukkan untuk Ibu Pejabat KDN sendiri? Saya rasa lebih sesuai sekiranya sebahagian daripada peruntukan ini digunakan untuk perkara-perkara yang lain.

Misal kata di bawah Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok-pondok Polis (PDRM). Kalau tahun lepas sebanyak RM11 juta, tahun ini hanya RM8 juta. Saya mohon pihak KDN dan Yang Berhormat Menteri supaya mempertimbangkan sebahagian daripada peruntukan untuk Ibu Pejabat KDN digunakan untuk balai-balai polis. Ini kerana, saya dengar rakan-rakan tadi ramai yang mengatakan bahawa banyak tempat memerlukan balai polis. Saya juga hendak tanya RM8 juta itu ada berapa untuk Negeri Sembilan dan apakah ada balai atau pondok polis baharu akan didirikan di bawah Daerah Seremban ataupun Parlimen Rasah?

Perkara kedua, Tuan Pengerusi adalah berkaitan Butiran 45000 – Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman (JPN). Saya nampak ada penambahan peruntukan daripada sejumlah RM25 juta tahun sebelumnya kepada RM79 juta kali ini.

Saya hendak bincangkan butiran ini bersama dengan Butiran 47000 – Pengkomputeran dan Kad Pintar. Kalau tahun lepas sebanyak RM30 juta, tahun ini RM25 juta. Saya hendak tanya kenapa untuk pejabat ada peningkatan yang banyak hampir tiga kali ganda tetapi untuk pengkomputeran zaman kita, zaman IT dan sebagainya kenapa pengkomputeran, peruntukannya kurang daripada tahun sebelumnya? Begitu juga kalau kita hendak bandingkan peruntukan di bawah tajuk ini untuk JPN.

Kalau dibandingkan dengan Butiran 37000 – Pengkomputeran (Imigresen). Tahun lepas sebanyak RM78 juta, tahun ini RM245 juta. Naik 350 peratus. Kenapa? Apakah JPN ini tak perlu dinaik taraf untuk meningkatkan keberkesanan komputernya? Berkenaan dengan JPN ini, saya hendak sebutkan beberapa perkara.

Pertama, saya hendak sebutkan berkenaan dengan bayi ataupun kanak-kanak yang lahir di Malaysia dengan ayahnya warganegara Malaysia tetapi ibunya warga asing. Cuma kerana ibu dan bapanya belum sempat mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum bayi ini lahir dan menyebabkan bayi ini tidak dapat jadi warganegara.

Tahun lepas pada penghujung tahun Disember, Yang Berhormat Menteri KDN pada ketika itu yang kini menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengumumkan akan memudahkan (*simplify*) kaedah ataupun mekanisme untuk mendapatkan kewarganegaraan untuk kumpulan kanak-kanak ini yang bagi saya *they deserve*, mereka layak menjadi rakyat Malaysia.

Laporan ataupun ujian DNA membuktikan bahawa mereka memang rakyat Malaysia kerana sama dengan bapa, cuma bapa dengan mak belum sempat daftarkan perkahwinan tetapi lepas itu telah daftarkan perkahwinan, selepas anak ini lahir.

Jadi, saya hendak tanya setakat manakah, berapa banyakkah kes begini? Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan isu yang berlaku baru-baru ini yang mana ramai wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing tetapi wanita itu masih warganegara Malaysia. Mereka tidak melepaskan hak kewarganegaraan taraf kewarganegaraan mereka. Mereka mungkin bekerja di luar negara. Mereka sebenarnya nak balik ke Malaysia untuk bersalin melahirkan anak. Cuma, kebetulan kita tahu disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia menyebabkan perjalanan mereka tergendala. Mereka terpaksa melahirkan anak di luar negara.

Jadi, saya difahamkan ramai bayi (*baby*) yang dilahirkan di bawah kategori ini tidak diiktiraf warganegara Malaysia walaupun mereka dilahirkan oleh ibu yang merupakan warganegara Malaysia. Saya bagi contoh tadi. Perkara pertama yang saya sebut kalau ayah dia rakyat Malaysia, ibunya warga asing, kalau tidak daftar kahwin, dia tidak bagi kewarganegaraan dekat Malaysia. Akan tetapi, sekarang ini wanita Malaysia yang melahirkan bayi tersebut.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Jadi, kenapa mereka tidak diberikan taraf kewarganegaraan. Bagi saya perkara ini perlu diteliti kerana ini bukan saja mereka tak nak balik, saja nak ingkar undang-undang dan sebagainya. Akan tetapi, ini adalah disebabkan pandemik COVID-19 yang menyebabkan perjalanan mereka tergendala. Bukan mereka tak nak. Mereka masih sayangkan negara ini. Walaupun wanita Malaysia tersebut berkahwin dengan warga asing, suami mereka warga asing, tetapi mereka tidak melepaskan taraf kewarganegaraan mereka yang membuktikan bahawa mereka masih cintakan negara ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Rasah. Masa sudah cukup.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ya, Tuan Pengerusi. Sekejap. *Last* saya hendak merumuskan. Jadi, saya mohon supaya KDN memberikan belas kasihan terhadap kanak-kanak. Dua kategori ini, yang pertama yang mana ibunya warga Malaysia cuma kebetulan disebabkan pandemik COVID-19, tidak dapat pulang ke tanah air untuk melahirkan anak dan keduanya ayah kepada kanak-kanak tersebut

warganegara Malaysia tetapi hanya sempat mendaftarkan perkahwinan dengan wanita asing selepas melahirkan anak.

Bagi saya anak-anak ini, janganlah kita jadikan mereka selamanya *stateless*. Mereka ialah rakyat Malaysia yang tidak berdosa, tidak bersalah dan wajar diberikan pembelaan. Jadi, sekian sahaja ucapan saya. Sebenarnya ada dua, tiga tajuk lagi Tuan Pengerusi tetapi tak apa yang penting ini saya sebutkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri KDN. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Yang terakhir saya jemput. Ini antara Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Arau.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti tadi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jemput Yang Berhormat Sibuti. Yang lain boleh mencelah. Baik, terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Boleh mencelah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila lima minit.

#### 4.06 ptg.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sibuti terus pergi ke Butiran 020100 – Kepolisian. Saya ingin menyambung berkenaan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Serian...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Batu Kawan, *you* ada pengaruh yang buruk tadi tau.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** ...Berkenaan tentang kenyataan Pengarah Pengurusan PDRM berkenaan tentang komposisi ataupun peratusan anak jati Sarawak yang menjadi anggota polis di Sarawak kini pada angka 70 peratus. Juga, angka ini disarankan untuk diturunkan kepada 40 peratus. Ini telah memberi satu gambaran yang sangat negatif Yang Berhormat Menteri.

Juga ini kebanyakan masyarakat berpandangan bahawa PDRM ataupun Kementerian Dalam Negeri cuba untuk menyekat keanggotaan. Pada pandangan saya, sekiranya anggota-anggota ini akan dinaikkan pangkat, wajarlah untuk mempertimbangkan latar belakang dan juga tempoh perkhidmatan. Kita tidak ingin menghantar (*transfer*) dengan izin anggota kita keluar dari Sarawak dan juga telah menimbulkan perasaan ataupun rasa marah dan juga tertekan dalam melaksanakan tugas sebagai anggota polis. Saya tidak bersetuju sekiranya jumlah 70 peratus ini diturunkan kepada 40 peratus. Sekurang-kurangnya dikekalkan dan juga disemak semula alasan untuk *transfer* pegawai ini.

Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah. Saya berpandangan kerajaan wajar dan wajib untuk mengumumkan satu perang besar kepada dadah sintetik. Ketika COVID-19, saya melihat data ketika MCO dijalankan, jumlah penagihan dadah meningkat. Musuh negara dadah ini semakin berleluasa di kawasan luar bandar seperti Parlimen Sibuti, tak kira muda tua turut terjebak dengan masalah dadah.

Dengan pembangunan yang dibawa oleh kerajaan, jalan raya, telekomunikasi, pengedar-pengedar dadah ini memikirkan cara yang terperinci untuk mengedar dadah-dadah sintetik ini. Juga dadah-dadah ini bukan hanya untuk dalam kalangan orang yang untuk berkhayal, dadah ini juga terdapat dalam kalangan orang yang berkerjaya, *the career addict*.

Saya bersetuju kerajaan perlu memikirkan satu kaedah yang khusus untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini dengan kaedah *therapeutic* ataupun menggunakan kaedah perubatan. Dadah ini saya setuju adalah merupakan masalah mental. Kerajaan wajarlah memikirkan langkah yang ke hadapan dan juga jangka panjang untuk menyelamatkan warga kita.

Seterusnya yang tertakhir adalah berkenaan tentang butiran pembangunan 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Saya menyeru dan menjemput Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk datang ke Sarawak serta menilai struktur baharu pentadbiran negeri Sarawak yang mempunyai daerah-daerah baharu yang memerlukan balai-balai polis yang baharu. Pondok-pondok polis dan balai polis di luar bandar tersangat daif.

■1610

Sibuti ingin menzahirkan rasa simpati kepada Daerah Belaga dan juga Parlimen Hulu Rajang kerana baru-baru tadi saya baru melihat video kebakaran Balai Polis Belaga. Saya berharap agar bantuan daripada Kerajaan Persekutuan dapat segera untuk membantu anggota-anggota yang mengalami kecelakaan ini.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu minta penjelasan.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Oh! Jiran. Okey.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Minta laluan. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Sibuti tadi, masalah balai polis yang perlu dibaik pulih dan dinaikkan status ini bukan sahaja berlaku di negeri Sarawak, bahkan juga berlaku di Semenanjung. Antaranya di kawasan saya di Setiu. Ada dua buah pondok polis yang saya telah cadangkan sekian lama untuk diangkat ataupun dinaiktarafkan kepada balai polis kerana kedua-dua buah pondok ini yang telah dikatakan tidak sesuai lagi sebagai pondok.

Kedua, pembinaan baharu Balai Polis Alor Lek, Langkap kerana balai polis yang sedia ada lebih kurang 20 kilometer daripada Balai Polis Kampung Alor Lek ini. Jadi, adakah Yang Berhormat Sibuti setuju jika saya katakan bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri perlu menyegerakan pembinaan baharu dan *upgrade* semua balai polis yang ada bukan sekadar di Sarawak bahkan di Semenanjung?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di Pulau Pinang pun banyak. Tuan Pengerusi pun tahu. Saya minta jemput Yang Berhormat Menteri pergi, saya boleh ajak makan nasi kandar sekali.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya bersetuju dan juga semoga semua balai polis di Malaysia ini dapat dibangunkan dan mendapat gantian penuh.

Menyambung berkenaan tentang balai polis dan pondok polis untuk Parlimen Sibuti, saya berharap agar Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan pembinaan baharu gantian penuh Balai Polis Bekenu. Juga, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk melihat Balai Polis Bandaraya Miri. Sebagai sebuah bandar raya, keadaan balai polis tersebut sangat daif dan juga sempit. Saya mohon supaya kementerian dapat mempertimbangkan membina baharu balai polis tersebut.

Akhir sekali, berkenaan tentang Butiran 020300 – Kawalan Sempadan. Jenayah rentas sempadan ini sangat kritikal. Dadah masuk melalui sempadan. Sehingga *chicken wing* ini, dengan izin, pun diseludup melalui sempadan maritim dan juga sempadan darat. Seperti kita ketahui, Indonesia akan menukarkan *capital* ke Kalimantan. Saya juga melihat agar...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tuan Pengerusi, mohon Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** ...Sempadan ini dapat dikawal dengan rapi.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa tidak cukup. Teruskan Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya ingin menzahirkan rasa takziah saya kepada Sarjan Simon Laja yang terkorban apabila...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Yang Berhormat Sibuti, boleh?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Siapa?

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Bagi peluang sekejap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Libaran.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Oh! Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Saya merujuk kepada pembinaan balai polis baharu. Saya mengharapakan bukan sahaja di kawasan Sibuti tetapi juga di IPD Sandakan ini yang telah dibina begitu lama. Saya mengharapakan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri dapat juga membina baharu atau menaik taraf

balai polis di Sandakan untuk kebaikan para polis dan pekerja-pekerja di KDN termasuk dalam kawasan Sandakan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Kalau begitu, Kimanis pun minta juga.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Okey, semua minta.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Sebuah balai polis di Daerah Membakut uzur juga. Mohon diperiksa.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Semualah. Alang-alang, bagi semua.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Alang-alang ya. *[Ketawa]* Okey, terima kasih. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Semua-semua, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menjawab dalam masa 15 minit. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, oleh sebab masa tidak dapat, saya akan mencelah dengan Yang Berhormat Menteri. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya mencelah dulu, jadi Yang Berhormat Menteri akan jawab. *[Ketawa]*

Saya hendak tanya, terdapat peruntukan sebanyak RM1.2 bilion yang diperuntukkan kepada Jabatan Imigresen. Jadi saya ingin bertanya, dengan wang yang begini banyak, apakah kita mampu untuk menguruskan kemasukan warga asing? Apakah sistem baharu yang akan diperkenalkan? Sebab ini penting. Rakyat hendak tahu RM1.2 bilion yang diperuntukkan kepada migresen ini, apakah mampu kita mengawal kemasukan warga asing supaya masuk dengan cara sah dan sebagainya?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri boleh ambil setengah jamlah. Yang Berhormat Menteri boleh setengah jam untuk jawab. Tidak ada masalah.

#### 4.14 ptg.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil peluang untuk mengemukakan cadangan, pandangan dan soalan. Seramai 12 orang Ahli Parlimen dan beberapa orang lagi yang mencelah. Saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih.

Pertamanya, saya ingin jelaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri ini adalah satu kementerian yang boleh dikatakan paling mustahak bagi kepentingan seluruh rakyat dalam negara kita dari segi menjaga keselamatan. Maka sudah tentu apabila kita hendak menjaga keselamatan, yang paling utama sudah tentulah PDRM yang menjadi penguat kuasa yang paling utama untuk menentukan segala apa undang-undang yang ada dalam negara ini boleh kita selesaikan dengan menggunakan anggota-anggota yang mencukupi dalam negara.

Oleh sebab itu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Parlimen yang pada saya begitu prihatin sekali kerana boleh dikatakan semua yang bangun akan memohon supaya balai-balai polis ini dipertingkatkan, dinaik taraf.

Akan tetapi, maklum sahajalah dalam waktu kita menangani masalah pandemik COVID-19, bukan hanya dalam negara tetapi seluruh dunia, jadi kelembapan ekonomi itu menyebabkan ada perkara-perkara yang boleh kita tangguhkan, kita tangguh dulu. Yang penting kepada kita adalah untuk melihat daripada segi untuk membandingkan atau untuk kita *balance*-kan daripada segi *life and livelihood* semua rakyat yang ada. Itu juga merupakan keselamatan untuk kita memastikan kita menjadi sebuah negara yang boleh sama-sama banggakan.

Maka sebab itu saya ingin menjelaskan satu dua perkara yang mustahak. Contohnya, daripada segi sempadan negara. Ramai yang bangun dan menceritakan tentang keselamatan nak memastikan supaya kalau boleh kita tentukan sempadan kita ini tidak boleh dicerobohi oleh musuh-musuh dari luar ataupun musuh-musuh dalam yang boleh menyebabkan pendatang tanpa izin ini masuk mengikut jalan-jalan tikus ataupun apa Yang Berhormat Serian maksudkan tadi, dari jalan tikus dah jadi jalan gajah.

Jadi ini yang menyebabkan kita juga faham dan kita hendak menggunakan segala kaedah, menggunakan teknologi-teknologi yang canggih untuk memastikan segala keperluan yang ada itu boleh kita lakukan dengan lebih sistematik, dengan lebih terperinci hendak memastikan segala teknologi yang ada di waktu ini dalam dunia akan kita gunakan dalam negara kita ini.

Oleh sebab itu, bila saya sebutkan ini, saya minta semua faham bahawa bukan sahaja untuk menambahkan anggotanya tetapi juga hendak memastikan daripada segi kedudukan latihan yang kita berikan adalah sesuatu yang berbeza dengan apa yang ada sekarang ini. Latihan juga kita berikan mengikut kaedah-kaedah yang lebih terperinci menggunakan *digitalisation*, menggunakan kaedah AI. Semua itu adalah sesuatu yang boleh kita pertingkatkan supaya anggota kita menjadi anggota-anggota yang lebih canggih di masa hadapan.

Jadi apabila kita kata nak menggunakan *border control* ini, sudah tentu salah satu daripada perkara penting yang utama adalah ICQ yang nak kita bangunkan di seluruh kawasan di dalam negara kita ini. Ada yang bangun dan meminta supaya ICQ di tempat-tempat seperti Serian, di Sarawak, di Sabah, begitu juga di utara negara, patut dipertingkatkan. Saya bersetuju, itu harus kita berikan keutamaan.

Akan tetapi bila waktunya, saya tidak boleh hendak sebutkan di sini kerana kedudukan kewangan kita juga. Kalau kita hendak bangunkan semua dalam satu waktu, *it is quite impossible*. Saya kena mengakui bahawa susah untuk saya hendak menjamin kita buat tahun 2021.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Boleh saya mencelah? Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, Petaling Jaya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ya, okeylah.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Ya. Mengikut cadangan daripada Yang Berhormat Menteri, pentingkatkan untuk bekerjasama dengan lain-lain badan seperti NGO dan juga UNHCR yang mana pada masa ini masih ada untuk melawat pelarian dan *asylum seeker*?

■1620

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Biar saya jelaskan dahulu keadaan fizikal, perancangan fizikal yang saya hendak sebutkan dahulu dan kemudian kita masukkan strategi-strategi bagaimana hendak memastikan untuk mereka tidak boleh masuk.

Jadi yang saya hendak sampaikan ini adalah supaya perancangan ICQ-ICQ yang kita hendak tubuhkan ini juga merupakan ICQ-ICQ yang boleh digunakan oleh agensi-agensi penguat kuasa. Jadi perancangannya bermula daripada mana? Oleh sebab itu kita sudah mulakan satu peruntukan yang besar yang kita berikan kepada imigresen sebanyak RM1.2 bilion ini untuk memastikan bahawa segala sistem yang digunakan itu adalah sistem yang begitu canggih.

Maknanya dengan menggunakan biometriknya, dengan segala teknologi yang terkini untuk memastikan yang masuk itu juga kita tahu boleh keluar secara yang begitu pasti bahawa mereka masuk dan pasti kita tahu mereka sudah keluar ataupun di mana tempat yang mereka akan ada dalam negara kita ini.

Kalau ini boleh kita lakukan, *insya-Allah* kita boleh bekerjasama juga dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain. Kita akan memberikan kuasa-kuasa yang tertentu untuk memastikan segala operasi yang kita lakukan nanti adalah merupakan operasi-operasi yang begitu terkini yang benar-benar boleh menangkap segala orang-orang yang masuk tanpa dokumen dalam negara kita.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** [Bangun]

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Jadi kalaulah mereka yang masuk ini merupakan orang

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Keningau.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang lama tinggal dalam negara...

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Boleh mencelah?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Boleh.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Masalahnya di Sabah ini, kita sudah dikerumuni oleh pendatang tanpa izin. Jadi bagaimana kita hendak keluaran mereka yang menyalahi undang-undang kita ini sedangkan mereka mempunyai berbagai-bagai dokumen dan termasuklah IC palsu dan sebagainya dan mereka ini bukan sedikit lebih daripada 1.7 juta melebihi penduduk asal Sabah.

Ini menjadi suatu masalah kerana mereka boleh disalahgunakan untuk kepentingan politik dan juga mereka masih menuntut Sabah sebagai wilayah mereka. Jadi saya hendak tanya, bagaimana...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** ...Dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah seperti ini, bukan sahaja hanya menjaga sempadan tetapi mengeluarkan yang sudah di dalam sempadan kita. Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Benar, sebab itu saya hendak merangkumkan semua. Kita perhatikan strategi Kementerian Dalam Negeri hari ini. Kalau kita sudah tahu dengan sistem-sistem yang ada di semua ICQ-ICQ tersebut, jadi buat masa hadapan susahlah mereka untuk masuk ke negara kita dengan segala perancangan yang begitu canggih yang akan kita kemukakan.

Kedua, apabila mereka sudah ada dalam contohnya di Sabah, bagaimana kita untuk hendak memastikan orang-orang ini patut dihantar balik dan mereka yang sudah ada dokumen contohnya yang IMM13 yang dahulu, hendak memastikan mereka ini boleh pulang kembali? Semua ini akan kita lakukan daripada semasa ke semasa.

Kita sudah menubuhkan jawatankuasa di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah. Kita akan duduk bersekali dengan mereka berbincang isu ini yang patut kita hantar balik, kita akan hantar balik dengan secepat mungkin. Mereka yang masih lagi seperti apa Yang Berhormat Keningau maklumkan kepada kita tanpa izin sudah mungkin ramai, sudah melebihi 1 juta. Saya tidak tahu, itu hanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Keningau. Jumlah yang sebenarnya mengikut pendaftaran IMM13 dan juga banci-banci dan semua dokumen yang telah pun ada hanya lebih kurang tidak sampai 200,000.

Akan tetapi walau bagaimanapun, kita mesti memahami hakikatnya mereka sudah ramai yang tinggal di sini. Saya bersetuju sudah ada orang yang mengakui bahawa mereka berhak menjadi warganegara negeri Sabah, maka ini semua adalah sesuatu strategi masa hadapan yang sepatutnya tidak menjadi *political issue*. Ia menjadikan sesuatu kepentingan untuk kita bersama yang patut kita selesaikan daripada semasa ke semasa.

Jadi apa strateginya? Kita hendak menggunakan Jabatan Pendaftaran Negara. Jabatan Pendaftaran Negara yang ada hari ini semua di kalangan kita ini ada IC, IC yang sah, IC yang telah pun diguna pakai seberapa lama hari ini. Kita gunakan IC untuk menentukan bahawa rakyat yang ada ini ada IC. Akan tetapi bagaimana hendak memahami bahawa IC ini apakah sah ataupun yang *fake*, yang palsu, bagaimanakah kita hendak memastikannya?

Jadi saya sudah beritahu dan maklumkan tadi, kita menggunakan teknologi-teknologi yang lebih canggih dengan menggunakan digital ID contohnya. Pada masa hadapan, semua rakyat, semua orang yang duduk di Malaysia mesti menggunakan kaedah digital ID. Digital ID ini akan membezakan di antara mereka yang menggunakan IC yang sah ataupun mereka yang menggunakan *fake* IC.

Di sinilah akan dapat kepastian nanti kita akan bezakan di antara mereka yang menggunakan dokumen yang sah dengan mereka yang tidak ada dokumen dengan mereka yang benar-benar dapat kita pastikan melakukan kesalahan dengan bekerjasama dengan pegawai-pegawai kita contohnya.

Baru-baru ini sebagai contoh, saya juga faham bahawa imigresen ada pegawai-pegawai, anggota kita yang kita tangkap kerana rasuah. Apakah sebabnya ini berlaku? Kita juga kena memahami bahawa kedudukan mereka yang mungkin kerana mula-mula

mereka tidak mahu melakukannya tetapi oleh sebab kesesakan kehidupan, akhirnya bertambah daripada semasa ke semasa. Ini menyebabkan...

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri, Cameron Highlands ingin mencelah?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ini menyebabkan mereka melakukan...

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands ingin mencelah.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Cameron Highlands, okey.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Di sini, Sepanggar, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Yang Berhormat Menteri, ada berkata tentang rasuah dan sebagainya. Ada atau tidak Yang Berhormat Menteri memahami kadang-kadang tekanan hidup ini menyebabkan mereka mungkin melakukan perkara-perkara tersebut?

Seumpamanya untuk makluman Yang Berhormat Menteri, dalam perkhidmatan PDRM ini khususnya regular terdapat tiga kategori yang berkhidmat dalam PDRM. Satu, *regular*, satu peringkat polis sokongan dan lagi satu adalah servis perkhidmatan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, bagi sokongan dan yang berkhidmat dalam skim Orang Asli, gaji mereka adalah lebih kurang, jadi imbuhan itu tidak seberapa.

Saya mohon jika dapat dikaji semula agar semua ini diserapkan dengan tangga gaji yang sama. Seumpamanya kalau kita lihat skim Orang Asli ini gaji asasnya adalah lebih murah, lebih rendah, skim sokongannya adalah lebih murah. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri dan rakyat Malaysia peluru yang ditembak oleh penjenayah tidak akan menentukan, "*Oh! Awak kelulusan apa?*". Peluru itu tidak menembus mereka yang berkelulusan lebih rendah, jadi tanggungjawab ini perlu dilihat perlu imbuhan asas ini diberi sama rata mengikut kategori-kategori mereka. Konstabel, semuanya konstabel. Sarjan semuanya sarjan.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tahniah, Yang Berhormat Cameron Highlands. Saya bersetuju bahawa saya baru hendak masuk tadi. Saya kata inilah kerana tekanan hidup. Saya faham dan saya sedar. Oleh sebab itu saya sudah bimbang. Saya sebagai Pengerusi SPP juga telah pun hendak menentukan bahawa kaedah-kaedah untuk memberikan sesuatu yang lebih baik kepada seluruh anggota kita yang sekarang ini berkhidmat dengan kita. Begitu juga dengan...

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri, minta peluang, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Untuk tahniah—berkenaan dengan isu-isu spesifik yang telah pun dibangkitkan. Yang Berhormat Menteri membuat pengumuman secara *general* tetapi boleh kita dapat jawapan secara spesifik seperti soalan saya berkenaan dengan Zakir Naik, *terrorist attack*, ancaman di India dan sebagainya yang telah dibangkitkan tadi.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tunggu, tunggu.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adakah ini boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Boleh, boleh. Sabar sahaja.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum isu lain, Yang Berhormat. Minta isu Sabah tadi disebut oleh Yang Berhormat Keningau. So, saya ingin buat tambahan. Di Sabah ini seperti mana Yang Berhormat Menteri sedia maklum kita ada tiga *uncoordinated document* di negeri Sabah.

#### ■1630

So, apakah rancangan Kementerian Dalam Negeri untuk mengkoordinasikan tiga dokumen sebab saya tahu ini adalah di antara perkara yang menjadi sukarnya pihak penguasa membuat penguatkuasaan di negeri Sabah. Apa rancangan Kementerian Dalam Negeri dalam isu ini? Terima kasih.



**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Sebab itu saya sudah menjawab tadi bahawa kita kena strategi hendak tengok, hendak merangkumkan semua dan akhirnya menggunakan ID tadi. Akhirnya kita tahu mereka yang ada dokumen dengan tidak ada dokumen. Itu adalah sesuatu strategi yang ingin kita lakukan. Kepada jawapan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Perlu saya bagi...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Semua yang spesifik yang telah pun dibangkit...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Perlu saya bagi 10 minit lagi, 10 minit? *[Disampuk]* Boleh? 10 minit.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Kepada soalan-soalan spesifik yang dibangkitkan. Saya hendak jelaskan beberapa isu yang mungkin sempat saya jawab di sini. Isu Adib sebagai contoh. Isu Adib ini adalah isu yang telah pun memakan masa yang agak panjang dan saya pun telah jelaskan dalam Dewan ini bahawa beberapa orang telah pun ditangkap dan akan kita bawa mereka ke pihak mahkamah untuk menentukan, mahkamah yang akan menentukan kesalahan mereka. Bagi yang, bagi kedudukan sama ada, ada penyebab-penyebab sehingga kematian Allahyarham itu, tidak lama lagi kita akan maklumkan kepada semua apabila segala siasatan telah pun selesai. Bagi masalah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Berapa lama lagi kes itu hendak selesai siasatan?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isu Adib. Saya minta peluang Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat sudi jawab, jadi saya terpanggil untuk respons. Ketika kita menjadi kerajaan, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Pasir Mas, tidak tahu, dia sudah ghaib hari ini telah membangkitkan perkara ini berulang kali dan membuat tohmahan-tohmahan kononnya kita Pakatan Harapan tidak menunjukkan inisiatif untuk menyiasat dan menuduh suspek-suspek yang terlibat.

Saya berterima kasih di atas kesungguhan Yang Berhormat Menteri menjawab, keikhlasan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kes ini masih, sedang disiasat. Cuma saya hendak tanya, berapa lama masa yang akan diambil untuk kita menghadapkan orang-orang ini ke muka pengadilan kerana kita juga mahu kematian Allahyarham Adib ini dibela dan kita mahu nasib keluarga beliau juga dibela. Cuma saya minta penjelasan berapa lama masa yang akan diambil? Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya rasa sudah di peringkat akhir. Saya tidak tahu berapa lama tetapi sudah sampai ke peringkat akhirnya dan kita akan bawa untuk AG menentukan. Keduanya, tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor terhadap pegawai imigresen, saya sudah rangkumkan semua tadi.

Tentang masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tasik Gelugor iaitu sama ada perkara yang telah pun keluar dalam laporan di India, *The Times of India* itu akan ada sesuatu yang kita ambil tindakan. Saya hendak maklumkan, kalau sesuatu yang keluar di luar negara, kita sebenarnya memang PDRM bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang daripada semua negara, banyak negara yang di dunia. Maka kalau adalah sesuatu yang diperlukan oleh mereka, sudah tentu kita akan lakukan secara yang rasmi.

Buat masa ini belum ada menerima apa-apa laporan rasmi daripada mereka dan selepas kita menerima laporan ini kita akan pastikan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Tentang isu...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, National Task Force...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *Body-worn camera. Body-worn camera* ini sebenarnya ada. Kita telah pun ada dalam bajet kita pada tahun ini. Kalau tidak silap saya lebih kurang RM30 juta dan akan kita buat secara tender. Itu akan kita lihat semula.

Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling. Tentang National Task Force ini, saya ucap terima kasih lah kepada Yang Berhormat Baling yang membangkitkan isu ini. Sebenarnya National Task Force itu diwujudkan semasa

pandemik COVID-19 yang begitu hebat yang menyerang negara ketika itu. Kita hendak menyekat supaya kita hendak memastikan tidak ada orang luar yang boleh masuk dengan sewenang-wenangnya, dengan begitu ramai, yang boleh membawa COVID-19 masuk ke dalam negara.

Maka sebab itu kita lakukan dengan kerjasama ATM, APMM dan NTF ini hanya semata-mata waktu menangani pandemik COVID-19. Selepas itu kita mungkin akan bekerjasama mengikut kaedah yang lain kerana...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang pastinya *border control* atau agensi keselamatan sempadan adalah di bawah tanggungjawab PDRM. Kita ada AKSEM yang mana Kabinet telah pun bersetuju untuk AKSEM itu diletakkan di bawah KDN atau Kementerian Dalam Negeri. Kita akan memastikan bahawa AKSEM ini juga duduk di bawah PDRM untuk menggunakan anggota-anggota yang sedia terlatih untuk memastikan juga dapat kita menangani masalah *border control* yang telah pun saya sebutkan tadi. Secara perancangan yang lebih hebat, kita berikan latihan untuk menggunakan teknologi-teknologi yang lebih canggih pada masa hadapan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Mohon Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ya, Yang Berhormat Jempol.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tuan Pengerusi, saya mencelah. Yang Berhormat Libaran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Yang Berhormat Jempol dulu.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Yang Berhormat Jempol dulu.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya telah membangkitkan...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Isu, sekejap. Saya telah membangkitkan tadi kekurangan anggota dalam perbincangan tadi di Jempol dan juga pondok polis, balai polis yang daif. Jadi mohon Yang Berhormat Menteri untuk jawapan tersebut kerana ia menjadi isu besar di kawasan kerana kuarters-kuarters tidak layak diduduki malah pondok polis pun sudah tutup. Jadi, apakah tindakan kementerian terhadap isu tersebut, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sila Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Libaran ya, terima kasih. Saya ingin mencelah sedikit iaitu merujuk kepada Butiran 030100 – Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri.

Malaysia telah pun berada dalam tahun 2020 tetapi masih terdapat kes warganegara Malaysia yang telah berusia tetapi masih belum juga memiliki dokumen kelahiran. Mengapa Jabatan Pendaftaran Negara tidak mengambil satu pendekatan supaya semua kelahiran yang berlaku di Malaysia ini didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan dan bukannya mengambil masa yang terlalu lama sehingga individu tersebut berumur puluhan tahun.

Soalan saya, apakah cara yang paling sesuai untuk memastikan bahawa semua warganegara yang mendaftar kelahiran dalam tempoh masa yang lebih pendek bagi mengelakkan pendaftaran lewat ini berlaku kepada warganegara ini, kepada individu ini? Terima kasih.

**Tuan Kurupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan kelahiran. Padang Serai, Padang Serai...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Okey.

**Tuan Kurupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya seterusnya isu surat lahir kewarganegaraan...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih.

**Tuan Kurupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Menjadi satu isu yang serius bagi kaum India dan juga penduduk Sabah dan Sarawak. Soalan saya, pekerja asing yang datang ke negara kita boleh mendapat kerja tetapi yang lahir ke negara ini tidak mempunyai dokumen yang sah untuk bekerja di negara ini, seolah-olah '*keras di hutan disusukan tetapi anak sendiri mati kelaparan*'. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan penuh hemah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, Yang Berhormat Padang Serai.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sikit, sikit Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta sikit dekat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Pertama, Yang Berhormat Jempol tadi saya hendak...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh? Sikit saja?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Boleh, boleh, boleh. Sahabat ya.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Fasal jenayah, jenayah alaf baru ini, jenayah siber. Harap-harap kali ini tidaklah saya macam dulu juga. Bangun kata hendak bagi bertulis, tidak ada juga. Hari ini tolong jawab lah atau hendak tunggu jawapan bertulis juga?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri, wanita hendak tanya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya, saya kena minta maaf, kalau apa yang saya sudah sebut masa awal masa peringkat dasar hari itu belum dapat lagi jawapannya, saya minta maaf Yang Berhormat Tanjong Karang. Akan kita berikan jawapan terus kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

#### ■1640

Saya minta pegawai-pegawai saya yang mendengar ini supaya memberikan jawapan dengan secepat mungkin. Yang Berhormat Tanjong Karang pada hari Khamis, kita akhiri hari Rabu? Hari Rabu atau Hari Khamis?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Khamis.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Hari Khamis. Pada hari Khamis sekurang-kurangnya ada jawapan akan kita berikan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Jadi, tidak payah bangkitlah kalau hendak jolok saya dua, tiga kali. *[Ketawa]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Kedua, Yang Berhormat Libaran tentang pendaftaran warganegara. Ada juga tadi yang dibangkitkan oleh rakan-rakan tentang warganegara ini. Nanti, saya jawab warganegara sekejap.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, janji ya Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ini pukul lima, 5.30 petang belum minum teh lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak ceritakan tentang pendaftaran negara ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, kita bagi masa lagi, Yang Berhormat Menteri sabar menjawab, kita pun tekun mendengar. Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Dulu kita lawan, sekarang kita sahabat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya pun hendak tanya satu perkara lagi tetapi minta Yang Berhormat Menteri teruskan dulu.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey. Kita sudah jadi sahabat. Kalau daripada dulu *you* baik macam ini, saya ingat selesai semua masalah negara ini. *[Tepuk]* *[Ketawa]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dulu kita lawan, sekarang kita kawan demi negaralah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *[Ketawa]* Jadi saya hendak sebut tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Libaran. Saya bersetuju, sebenarnya ini adalah masalah yang lama. Saya cuba untuk mungkin mengumumkan tidak lama lagi segala mereka yang merasakan diri mereka itu, warganegara dan belum lagi mendaftar sebagai warganegara. Tidak payah tunggu sampai umur 63 tahun, yang saya hairan ini kita merdeka tahun 1957.

Tiba-tiba datang dengan saya, 'oh! Saya belum jadi warganegara'. Umur - duduk sudah 63 tahun. Tidak ada logik yang mengatakan mereka bukan warganegara. Maka sebab itu, saya akan bagi satu tempoh dalam masa setahun, semua mereka mesti mendaftar dengan menggunakan bukti dan dokumen yang boleh kita anggap mereka sebagai yang sah sebagai warganegara.

Hal ini sebab kalau ini berlanjutan, dia boleh menyebabkan masalah masa depan nanti. Oleh sebab itu saya hendak kita selesaikan isu ini. Kita permudahkan, kita pastikan yang warganegara tetap warganegara, yang bukan warganegara tetap bukan warganegara. *[Tepuk]*

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya tidak mahu ini dipolitikkan. Ini bukan isu perkauman, ini isu fakta yang kita semua mesti ambil faham bahawa ini negara kita. Kita sayangkan negara kita. Kalau kita salahkan... *[Tepuk]* Kalau kita salahkan pegawai-pegawai kita, mengapa tidak kita salahkan diri kita yang boleh menyebabkan orang bukan warganegara pun kita hendak bagikan mereka sebagai warganegara. *[Tepuk]*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Maka, sebab itu saya minta isu ini selesaikan, *insya-Allah*. Bila saya umumkan nanti, saya akan pasti yang tidak ada dokumen cepat-cepat kalau boleh jumpa rakan-rakan kita. Contoh daripada...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kuala Langat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Kuala Langat. Contoh Kulai, PJ, Jelutong. Siapa lagi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Klang.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Batu Kawan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tempat saya Klang.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Jumpa mereka ini, bawa dokumen itu supaya dokumen itu biarlah dokumen ini menjadi bukti yang mereka benar-benar warganegara kita.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, dari Klang.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, sikit. *I agree with you*, saya sokong penuh Yang Berhormat Menteri yang cakap.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *Thank you*.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Akan tetapi soalan saya ialah *simple* sahaja. Kepada anak-anak kita yang lahir di tanah air kita...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Itu belum masuk lagi.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Pendaftaran itu penting. *It's the same to what you are saying* tetapi saya hendak bangkitkan perkara itu yang kita minta...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri saya hendak penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih saya ucapkan. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya hendak ulas penerangan Yang Berhormat Menteri tadi. Sebenarnya pejabat saya pernah berjumpa mantan Menteri Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin dan bincang isu yang sama. Beliau juga memberi satu perjanjian kita bila kita jumpa dia mengatakan bahawa dia pun akan tolong untuk siap ataupun selesai masalah ini dalam satu tahun atau dua tahun.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, pejabat saya telah membawa lebih kurang 300 orang, [*Dewan riuh*] khususnya anak-anak muda.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Itu apa itu ramai sangat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Dengarlah. Dengarlah dulu Yang Berhormat Arau, *you* Perlis *you* dengarlah. Saya bawa ke KDN berjumpa dengan Yang Berhormat Pagoh dan Yang Berhormat Pagoh pun jumpa dengan mereka dan Yang Berhormat Pagoh memberi satu perjanjian. *He will solve the problem* dan pejabat saya telah membawa semua dokumen dengan lengkap. Dengan lengkap telah bagi.

Akan tetapi hingga hari ini tidak ada apa-apa penyelesaian dalam isu ini. Sekarang Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan. Kalau perjanjian mesti ikut ataupun jangan buat perjanjian, sebab orang ramai akan hampa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik terima kasih Yang Berhormat Klang.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, saya hendak..

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, satu lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak minta Yang Berhormat Kulai, tanya apa yang hendak disampaikan dan dimaklumkan kerana ini yang terakhir sebelum saya menggulung jawapan saya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana bagi saya peluang. Saya akan tunggu SOP yang akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tentang cara ataupun dokumen yang diperlukan untuk anak-anak Malaysia ini dapat kerakyatan. Saya harap ini boleh diumumkan secepat mungkin.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya ada satu isu lagi yang minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rasah dalam perbahasannya, banyak wanita Malaysia yang lahir di luar negara, anak-anak mereka tidak dapat kerakyatan. Jawapan yang diberi oleh Timbalan Yang Berhormat ialah kerana takut bahawa kanak-kanak ini akan mendapat dwi kerakyatan, *dual citizenship*.

Saya rasa sebenarnya ini adalah satu diskriminasi terhadap wanita kerana untuk golongan lelaki kalau isteri mereka adalah warga asing dan mereka lahir di luar negara, juga ada kemungkinan bahawa anak itu akan dapat *dual citizenship*, dwi kerakyatan. Jadi apa sebab bahawa hanya golongan wanita, anak kami yang lahir di luar negara yang tidak dapat kerakyatan ini?

Isu ini menjadi semakin rumit oleh sebab COVID-19. Saya hendak jelas, saya bagi satu contoh.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya sudah faham. Saya sudah faham. Saya hendak jelaskan. Pertamanya, pusat pendaftaran dalam negara kita sudah melebihi 200 pusat pendaftaran yang ada dalam negara kita. Yang lahir di luar negara, saya hendak maklumkan, kita ada *embassy* kita.

Kalau mereka dilahirkan di luar negara, ibu mereka adalah daripada kerakyatan Malaysia, selalunya anak itu didaftarkan mengikut bapanya. Memang telah pun didaftar mengikut bapanya. Akan tetapi itu tidak menyebabkan anak itu tidak boleh menjadi

warganegara. Dia juga boleh memaklumkan kepada *embassy* kita untuk didaftar dan dibawa kepada kita sehingga sampai umur 21 tahun, dia boleh *decide*. Dia hendak jadi warganegara Malaysia atau hendak ikut bapa dia.

Saya faham dan saya sedar mengapa tidak dilakukan secara automatik. Hal ini kerana dalam negara kita ini, kita tidak boleh menerima *dual citizenship*. Oleh sebab itu kita hendak memastikan tidak ada *dual citizenship* ini berlaku, mereka boleh dan kita daftarkan supaya kita tahu sehingga 21 tahun, ketika itulah kita tentukan sama ada dia hendak menjadi warganegara mengikut ibunya atau mengikut bapanya. Itu waktu ini. Jadi, *as...* [Ketawa]

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak maklumkan tadi segala soalan yang timbul, yang spesifik akan saya jawab secara bertulis dan *insya-Allah* yang lain-lain itu kalau kita berjumpa, kalau hendak tanya, saya boleh menjawab selepas ini.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Dengan ini saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,693,895,800 untuk Kepala B.62 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.62 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.62 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.62 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok, Selasa, 15 Disember 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.50 petang]